

Naskhah belum disemak

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 18

Khamis

7 Disember 2017

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 2018

(Halaman 24)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 7 Disember 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Sri Khairudin Samad [Di Bawah P.M. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah kemampuan negara kita untuk menangkis serangan siber oleh ejen-ejen asing.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy]:

Tuan Yang di-Pertua, secara umum negara kita mempunyai kemampuan dalam menghadapi risiko ancaman serangan siber daripada pihak asing. Walau bagaimanapun, perkembangan pesat dan kebergantungan terhadap teknologi maklumat dan komunikasi ICT, internet serta teknologi mudah alih telah mengubah senario ancaman keselamatan siber negara apabila ia menjadi semakin kompleks dan mencabar untuk ditangani, terutamanya dengan perubahan corak serangan siber.

Sehubungan itu, kerajaan telah mengambil langkah proaktif demi perlindungan kepada agensi-agensi infrastruktur maklumat kritikal negara daripada ancaman dan serangan siber melalui inisiatif di bawah Dasar Keselamatan Siber Negara dan Pelan Pengurusan Keselamatan Siber Negara. Infrastruktur maklumat kritikal negara merujuk kepada sistem kritikal yang merangkumi aset dan maklumat elektronik rangkaian fungsi proses kemudahan dan perkhidmatan dalam persekitaran ICT yang penting kepada negara ini, di mana sebarang gangguan dan kemasuhan ke atasnya boleh memberi impak kepada pertahanan keselamatan negara, kestabilan ekonomi negara, imej negara, keupayaan kerajaan untuk berfungsi, kesihatan dan keselamatan awam dan perlanggaran privasi.

Dasar Keselamatan Siber Negara mengenal pasti dan mengkategorikan 10 sektor infrastruktur maklumat kritikal negara iaitu:

- (i) pentadbiran kerajaan;
- (ii) pertahanan dan keselamatan negara;
- (iii) perbankan dan kewangan;
- (iv) maklumat dan komunikasi;
- (v) tenaga;
- (vi) pengangkutan;
- (vii) perkhidmatan kecemasan;
- (viii) air;
- (ix) perkhidmatan kesihatan; dan
- (x) makanan dan pertanian.

Pada ketika ini, sebanyak 226 agensi yang merangkumi agensi awam dan swasta yang tersenarai di dalam 10 sektor ini. Sementara itu, Dasar Keselamatan Siber Negara dan Pelan Pengurusan Keselamatan Siber Negara memfokuskan kepada rangka kerja pengurusan risiko yang menggariskan strategi bagi mengurangkan kesan serangan siber dan tindak balas sewaktu insiden keselamatan siber yang perlu dilaksanakan oleh agensi infrastruktur maklumat kritikal negara ini yang terdiri daripada agensi awam dan swasta.

Melalui dasar dan pelan ini, pelbagai langkah untuk memperkuuh keselamatan dan melindungi ruang siber negara telah dilaksanakan. Antara langkah yang dilakukan kerajaan termasuk perwujudan Pusat Kawalan dan Penyelaras Siber Negara, dengan izin, *National Cyber Coordination and Command Centre (NC4)* yang diuruskan oleh Majlis Keselamatan Negara bagi memastikan sebarang serangan siber terhadap infrastruktur maklumat kritikal negara dapat dikekang.

NC4 telah melaksanakan pemantauan mengeluarkan amaran dan *advisory* berkaitan langkah pencegahan dan perlindungan bagi menangani serangan siber kepada semua agensi infrastruktur maklumat kritikal negara. Selain itu, latihan-latihan yang berbentuk simulasi serangan siber seperti Latih Amal Krisis Siber Negara X-Maya sentiasa dilaksanakan untuk menguji keberkesanan prosedur dan membiasakan, dengan izin, *familiarize* agensi infrastruktur maklumat kritikal negara dengan mekanisme pengendalian insiden siber serta meningkatkan tahap keupayaan dan kesiapsiagaan agensi bagi menghadapi sebarang ancaman siber.

Nombor empat, kerajaan juga telah menetapkan keperluan dan *based line* keselamatan siber yang perlu kepada agensi-agensi infrastruktur maklumat kritikal yang saya telah katakan tadi melalui pelaksanaan pensijilan MS ISO/IEC 27001 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dengan izin, *Information Security Management System (ISMS)*. Pensijilan ini menetapkan keperluan pematuhan melalui satu pendekatan yang sistematik dalam pengurusan maklumat bagi menjalin keselamatan maklumat termasuk polisi, proses prosedur dan fungsi perkakasan dan perisian berkaitan.

Program pembudayaan dan kesedaran keselamatan siber melibatkan kerjasama awam swasta. Antara program tersebut adalah Program Bulan Kesedaran Keselamatan Siber dan Persidangan Keselamatan ICT Sektor Awam yang melibatkan agensi-agensi kerajaan, Program Klik Dengan Bijak, Kempen *CyberSAFE* dan Program *Be Smart* yang menyasarkan komuniti awam. Mesyuarat dan bengkel berkaitan dengan keselamatan siber turut diadakan secara kerap antara agensi infrastruktur maklumat kritikal negara bagi berkongsi maklumat-maklumat ancaman terkini serta memperhalus operasi pengendalian insiden siber secara bersepadu.

Selain itu, kerajaan turut melakukan pertukaran maklumat dengan negara luar serta mengambil kira pengalaman negara luar dalam berdepan dengan insiden siber untuk memastikan keupayaan negara dalam menangani serangan siber selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

■1010

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan sentiasa menambah baik langkah dan aktiviti yang dijalankan supaya tahap keselamatan sistem siber kritikal negara dapat dipertingkatkan bagi mendepani ancaman terbaru dengan memfokuskan kepada penggunaan teknologi yang selamat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berbunyi begini, apakah langkah-langkah pencegahan awal yang diambil oleh kerajaan? Pertama, adakah cadangan mewujudkan rangka kerjasama antara pelbagai pihak dalam menangani laman-laman web luar negara yang berunsur hasutan, berniat jahat atau mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam? Baru-baru ini juga kita dikejutkan dengan kebocoran data peribadi pelanggan sama ada *telco* atau lain-lain *subscriber* dan terdedah kepada aktiviti *spam*. Mohon pandangan kementerian dalam mengatasi perkara ini.

Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama itu adalah-kebocoran itu bukan sahaja berlaku di sini. Uber di Amerika Syarikat terpaksa membayar ganti rugi kepada *hackers* untuk menghapuskan data yang telah di. Maka, ini adalah satu fenomena yang akan berlaku selalu. Maka, dengan keadaan begitu, kita terpaksa mengemaskinikan, dengan izin, *upgrade data processing, big data* yang begini. Maka, saya setuju bahawa kerjasama antarabangsa memang telah pun dilakukan dengan pihak-pihak daripada negara luar. Ini kerana kerjasama ini terpaksa dilakukan, kerana aliran data itu begitu meluas sekali di peringkat global.

Perubahan teknologi dan kepintaran teknologi juga dilakukan oleh *intelligence*, menyebabkan kita kena sentiasa berwaspada. Maka, kebocoran data peribadi akan menjadi satu ancaman yang sentiasa berada. Maka, Kementerian Komunikasi bersama dengan Majlis Keselamatan Negara akan memastikan dengan adanya protokol-protokol ini, merentasi 226 agensi akan memastikan bahawa segala kebocoran begitu akan sentiasa dipantau dan akan disekat dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, saya ingin- persoalannya ada dalam dua keadaan. Pertama, serangan siber ini adakah ia suatu yang, dengan izin, *real?* Kedua, bagaimana pula kerajaan menangani, dengan izin, *faked news?* Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy: Terima kasih saya ucapkan kerana ini berkaitan dengan suasana politik terkini. Memang *real*, dia gunakan teknologi sahaja, niat itu tidak boleh dikaitkan dengan teknologi. Teknologi adalah satu pemudah cara dan kalau ia tidak menjadi *real, faked news*, ianya adalah kerana ada golongan-golongan, satu dari luar negara, ancaman dari luar negara. Contohnya, *terrorism*, dengan izin. Mereka menggunakan siber untuk memasuki minda generasi muda, itu juga adalah *faked*. Oleh kerana mereka percaya bahawa perjuangan mereka jitu, sedangkan perjuangan itu adalah suatu yang belum tentu lagi boleh diizinkan oleh agama, itu satu ancaman yang pertama.

Kedua ini, dari segi politik, di seluruh dunia. Contohnya, Rusia boleh pun *hacked* sistem Amerika Syarikat dalam pilihan raya mereka, maka mereka gunakan *faked news* untuk memutar belitkan minda rakyat. Ini sedang berlaku di Malaysia juga. Kalau kita buka internet, *Facebook, Twitter, Instagram*, kita boleh dapat tahu bahawa banyak perkara-perkara yang digunakan oleh *cyber troopers*. Ada satu golongan-golongan yang dibayar duit yang begitu banyak sekali untuk melakukan *faked news* untuk memutar belitkan pemikiran, persepsi rakyat, inilah ancaman yang amat berbahaya.

Bayangkan Yang Berhormat, kepimpinan negara ditentukan oleh golongan-golongan yang mempunyai niat jahat, mungkin dibayar oleh anasir-anasir luar negara untuk menghancurkan negara dan kepimpinan kita. Inilah dan pergerakan maklumat itu begitu pantas dan begitu banyak sekali sehingga kementerian kita mesti bersiap sedia untuk memastikan bahawa ada sekatan-sekatan kepada *faked news* begini dan sentiasa dinilai. Oleh kerana jutaan maklumat beralir dalam proses maya kita *and this is real serious, a threat to the nation*. Itu juga kena jaga, ada *real* tetapi ada banyak yang *faked*. *It's, politics of lies*, itulah budaya baru kita, hancurlah negara. Salam bahagia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Dato' Indera Hoh Khai Mun, silakan.

2. Dato' Indera Hoh Khai Mun minta Menteri Pendidikan menyatakan, sejauh manakah Dasar Kaunseling Kementerian telah siap dirangka, serta apakah statistik bilangan guru bimbingan dan kaunseling di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Tuan Yang di-Pertua atas penganugerahan darjah kebesaran Panglima Setia Mahkota, sempena Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V baru-baru ini. Tahniah Tan Sri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun mengenai isu guru bimbingan dan kaunseling. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang menggubal dasar kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia untuk warga Kementerian Pendidikan Malaysia, serta murid-murid di sekolah. Dasar ini akan memberi fokus kepada peningkatan kesejahteraan emosi, mental dan juga sikap warga Kementerian Pendidikan Malaysia agar dapat meningkatkan kecemerlangan prestasi dan keharmonian dalam organisasi.

Pada masa ini, program kaunseling yang dilaksanakan di sekolah berpandukan kepada surat siaran perekayasaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada 16 April 2012. Surat siaran ini merupakan panduan perkhidmatan yang perlu dilaksanakan oleh semua guru bimbingan dan kaunseling di sekolah seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data sehingga 27 Oktober 2017, jumlah keseluruhan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah rendah dan sekolah menengah seluruh negara adalah seramai 10,114 orang. Daripada jumlah ini, 3,883 orang bertugas di sekolah rendah dan 6,231 orang berada di sekolah menengah seluruh negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, silakan soalan tambahan.

Dato' Indera Hoh Khai Mun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Menteri kerana telah memberi jawapan yang begitu baik dan tepat.

Menurut kefahaman saya, semua guru bimbingan dan kaunseling perlu berdaftar dan tertakluk kepada Lembaga Kaunselor atau Akta Kaunselor 1998. Namun, terdapat sesetengah sekolah di mana

guru bimbingan dan kaunseling tidak berbuat demikian. Adakah kementerian telah mengenal pasti isu ini dan mengambil tindakan sewajarnya?

Selain daripada itu juga, kejadian kes buli di sekolah semakin meningkat, dengan itu peranan guru bimbingan dan kaunseling semakin penting. Maka, saya ingin mengetahui apakah pemerkasaan inisiatif yang akan dipertingkatkan ke atas guru bimbingan dan kaunseling supaya mengidentifikasi kepada pelajar-pelajar yang bermasalah sebelum menular ke tahap yang lebih serius? Sekian.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun. Dasar yang kita sedang rumus sekarang, Dasar Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia ini berpaksikan kepada Akta Kaunselor, Yang Berhormat sebutkan tadi... *[Menunjukkan senaskhah buku]* Kita tidak mahu lari daripada Akta Kaunselor kerana Akta Kaunselor ini juga seperti mana Yang Berhormat maklumkan sebentar tadi, memang diperlukan seorang guru bimbingan atau kaunseling untuk mendaftarkan diri sebagai untuk menjadi seorang guru bimbingan, guru kaunselor dan sebagainya.

■1020

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita tidak mewajibkan guru itu berdaftar tetapi apabila dasar ini dilaksanakan, kita akan mengadakan kaedah-kaedah yang dapat memberi peluang dan ruang yang secukupnya untuk guru-guru ini berdaftar juga dalam apa yang diperlukan dalam Akta Kaunselor 1998 ini.

Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memantau tanggungjawab guru-guru bimbingan dan kaunseling ini. kita sedia maklum dan kita faham bahawa tanggungjawab guru bimbingan dan kaunseling, 10,000 guru yang saya katakan sebentar tadi bukan mudah. Mereka walaupun tanggungjawab hakiki mereka ialah untuk membantu anak murid kita dalam aspek bimbingan dan kaunseling, saya boleh mengesahkan di sini, kalau tidak semua, hampir semua melaksanakan tanggungjawab mereka dengan cukup baik.

Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberi, dengan izin, *Continuing Professional Development Assistance* (CPD) untuk mereka melaksanakan tanggungjawab mereka kerana budaya sekarang telah berubah. Zaman dahulu, kita tidak ada sistem sosial media yang begitu canggih. Tanggungjawabnya berbeza tetapi hari ini dengan adanya sistem sosial media yang begitu canggih, guru-guru bimbingan dan kaunseling ini juga harus selari dengan pendekatan dan juga kebaikan begini. Kita akan terus membantu, memantau dan kita akan juga memastikan tanggungjawab guru-guru bimbingan kaunseling dari semasa ke semasa akan disemak semula untuk memastikan mereka dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan cukup baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah.

Datuk Dr. Lucas Umbul: *[Bangun]*

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagaimana kerajaan memastikan dan mewajibkan penglibatan ibu bapa dalam aspek kaunseling dan bimbingan di sekolah kerana saya yakin kalau setakat kaunseling bagi pelajar-pelajar yang menghadapi masalah sosial diberikan hanya kepada pelajar, masalah itu tidak akan selesai. Jadi setakat mana kerajaan memastikan penglibatan ibu bapa dalam hal ini?

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Hajah Khairiah. Seperti mana yang saya kata sebentar tadi, kita terbuka dalam aspek bagaimana guru bimbingan dan kaunseling dapat melaksanakan tanggungjawab mereka. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, kita telah beri penekanan kepada saranan ibu bapa yang mana ibu bapa sendiri akan melibatkan diri dalam proses pembinaan akhlak murid-murid, anak-anak mereka di sekolah. Sebagai guru bimbingan dan kaunseling ini, apabila masalah ini wujud, antara *focus group* pertama yang kita bincang ialah ibu bapa.

Penglibatan ibu bapa amat penting untuk kita menyelesaikan atau mengurangkan masalah-masalah anak-anak di sekolah. Kita tidak boleh lari dari hakikat ini. Tanggungjawab ibu bapa adalah bersama-sama dengan guru-guru bimbingan kaunseling ataupun guru-guru biasa dan kita memang terbuka dalam mendapatkan penglibatan. Oleh kerana itulah apabila kita lihat peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru ini sangat-sangat penting untuk kita memastikan pembinaan akhlak yang baik dan ini bukan sahaja tanggungjawab guru di sekolah tetapi seperti mana Yang Berhormat Senator kata sebentar tadi, tanggungjawab ibu bapa juga memainkan peranan yang penting.

Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia terbuka menerima pandangan dan segala input daripada ibu bapa untuk memastikan anak murid kita dapat kita wujudkan sebagai insan yang terbaik di negara ini. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua yang baik hati memberi saya peluang untuk bertanya. Sebagai seorang pendidik juga pada suatu ketika dahulu, saya melihat bahawa sistem kaunseling kita perlu diperhebatkan. Saya baru-baru ini melihat seorang guru yang mempunyai masalah mental. Mengajar di sekolah menengah tetapi kadangkala ia berkala. Kadangkala dia kelihatan okey, kadang-kadang dia kelihatan macam ada janggal sedikit dia punya perilakunya.

Jadi saya hendak tanya kementerian sebab baru-baru ini masa saya pergi berjoging di kompleks sukan, saya melihat cikgu ini dengan pakaianya, yang ini sahaja yang ada dengan semua. Boleh tahu apa yang saya cakaplah. Kalau kita biarkan guru ini mengajar di sekolah, akan menjadi ikutan ataupun jelekan kepada anak-anak murid.

Jadi persoalan saya kepada kementerian, bagaimana kita menangani masalah guru-guru ataupun diberi bimbingan kaunseling kepada guru-guru yang sudah kita pastikan mempunyai masalah mental tetapi kita masih juga boleh mengambil mereka sebagai tenaga pengajar di sekolah menengah, di sekolah rendah. Jadi, kita tidak mahu ada kesan daripada ataupun, dengan izin, *repercussion* daripada tindakan guru-guru yang sedemikian terhadap anak-anak didik kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi izin saya menjawab satu lagi soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul, seorang pendidik bukan suatu masa. *A teacher today will be a teacher forever and you are one of the teachers we always look up to*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Guru-guru bukan sahaja pendidik hari ini, guru-guru pendidik selama-lamanya.

Yang Berhormat Senator, kita sedar ada guru-guru yang mungkin bermasalah seperti ini. Harus saya katakan di sini Yang Berhormat, kita ada hampir 430,000 guru. Daripada jumlah 430,000 guru ini, contoh tahun lalu sahaja 2016, guru-guru yang bermasalah ini adalah seramai 1,617 orang. Contoh guru-guru dalam isu-isu psikiatri begini, daripada 1,600 guru yang mempunyai masalah tekanan, stress dan sebagainya yang dirujuk, kita tahu mereka datang sendiri ke pusat bimbingan dan kaunseling di PPD ada, di JPN ada, di KPM ada. Mereka datang dengan sendiri ataupun mereka diminta oleh pengetua atau guru besar pergi untuk mendapat rujukan dan sekiranya kita dapatti ada masalah psikiatri, kita akan terus rujukannya kepada psikiatri daripada hospital.

Kita akan mengambil kaedah-kaedah ini tetapi ada masa kita dapat cikgu itu datang sendiri, ada masalah dia *stress*. Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia, ada mereka yang terlatih, *specific trained person* untuk membantu kita melaksanakan kerja-kerja ini. Apabila guru bermasalah seperti Yang Berhormat Senator kata sebentar tadi, kita akan rujuk dia kepada pakar psikiatri dan kaunseling itu akan diberi secara biasa kepada guru-guru yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita sedar dan kita akan sentiasa membantu guru-guru dalam apa juga keadaan-keadaan untuk memastikan kita dapat bersama guru itu untuk menyelesaikan masalah yang ada pada dirinya. Akan tetapi harus saya mengesahkan di sini, kalau tidak semua, hampir semua guru melaksanakan tanggungjawab mereka dengan cukup baik dan isu-isu ini kita di Kementerian Pendidikan Malaysia akan bantu mereka mengatasi bersama-sama. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Isa. Tadi minta hendak- sudah jawab dah?

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Sudah ditanya oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih.

3. **Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta Menteri Kewangan menyatakan, statistik kelulusan pinjaman bank bagi pembelian rumah pertama dari tahun 2012 hingga kini dan langkah Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memudahkan golongan ini untuk mendapatkan pembiayaan tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua. Statistik kelulusan pinjaman bank bagi pembelian rumah pertama dari tahun 2012 hingga kini adalah seperti berikut:

| Tahun | Bilang Akaun | Jumlah Pinjaman (RM bilion) |
|-------|--------------|-----------------------------|
| 2012 | 191,334 | 64.1 |
| 2013 | 204,506 | 81.2 |
| 2014 | 183,061 | 74.0 |
| 2015 | 157,107 | 61.9 |
| 2016 | 156,632 | 61.0 |

■1030

Dalam sembilan bulan pertama tahun 2017, sebanyak RM57 bilion pinjaman perumahan telah diluluskan oleh institusi perbankan kepada 142,558 peminjam bagi tujuan pembelian rumah kali

pertama. Secara keseluruhannya, kira-kira 71 peratus daripada para peminjam pinjaman perumahan terkumpul merupakan pembeli rumah kali pertama untuk unit berharga RM500,000 dan ke bawah.

Sejak tahun 2010, Bank Negara Malaysia dan pihak kerajaan telah memperkenalkan pelbagai skim dan langkah untuk memudahkan pemilikan rumah di Malaysia bagi peminjam yang layak, terutamanya bagi pembelian rumah pertama. Antara skim dan langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) skim pinjaman perumahan seperti Skim Rumah Pertamaku;
- (ii) Skim Perumahan Belia; dan
- (iii) skim *step-up financing* PR1MA.

Langkah untuk meningkatkan bekalan perumahan mampu milik antaranya, PR1MA, Skim *MyHome*, RUMAWIP, Rumah Selangorku, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia dan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia. Membendung aktiviti spekulatif dalam pasaran harta tanah dengan memperkenalkan nisbah *loan-to-value*, dengan izin, menerang *Developer Interest Bearing Scheme*, dengan izin, dan menyusun semula sektor Cukai Keuntungan Harta Tanah atau *Real Property Gains Tax* bagi individu. Mengurangkan kos membeli rumah melalui pelaksanaan Skim *MyDeposit* dengan memberi pengecualian duti setem 100 peratus ke atas surat cara pindah milik dan surat cara pinjaman perumahan bagi pembelian rumah bernilai RM300,000 ke bawah dan menyediakan program pendidikan kewangan untuk memupuk pengurusan kredit dan kewangan yang berhemat di kalangan individu.

Di samping itu sebuah laman web *Housing Watch* telah dibangunkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyampaikan maklumat terkini berkenaan harta tanah di Malaysia kepada orang awam. Maklumat tersebut termasuk statistik pinjaman perumahan, skim bantuan kerajaan kepada golongan belia dan pembeli rumah kali pertama dan nasihat bagi meningkatkan keupayaan untuk mendapatkan pinjaman perumahan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat, soalan tambahan.

Datuk Ir. Yong Wui Chong: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berbunyi begini. Bagi mengatasi masalah rakyat yang gagal mendapatkan pinjaman bank komersial atau swasta disebabkan tidak memiliki dokumen yang lengkap atau bekerja sendiri atau disenaraihitamkan serta tidak memenuhi syarat-syarat pinjaman perumahan tertentu, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan sebuah bank khas bagi tujuan membantu pembiayaan rumah pertama khasnya bagi pekerja swasta. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bank khas tanpa syarat, jawablah Yang Berhormat.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah bank khas bagi tujuan memberi pembiayaan rumah pertama. Secara amnya, akses kepada pembiayaan rumah sentiasa tersedia bagi peminjam yang layak. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ada menjalankan skim pendidikan kewangan serta perkhidmatan penstrukturran semula hutang bagi membantu golongan yang sukar mendapat pinjaman perumahan daripada bank komersial kerana bekerja sendiri atau tidak mempunyai dokumen yang lengkap.

AKPK juga menjalankan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) dalam kalangan pengguna kewangan di Malaysia terutamanya golongan belia dan mereka yang baru mula membuat pinjaman. Program ini memberi pengetahuan dan kemahiran kewangan yang praktikal tentang

pengurusan wang dan hutang serta kaedah untuk membuat keputusan kewangan yang lebih wajar dan bertanggungjawab.

AKPK juga memberi nasihat mengenai cara untuk meningkatkan keupayaan mereka untuk mendapatkan pinjaman perumahan. Ini termasuklah nasihat dari segi membangunkan pelan menampung dan mengkaji semula aliran tunai. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan apa yang ditimbulkan dalam soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua iaitu dari segi kelayakan seseorang. Oleh sebab saya difahamkan bahawa pembayar cukai kita lebih kurang angkanya 2.7 juta orang daripada 32 juta penduduk Malaysia. Dari segi angka itu, keperluan perumahan agak besar. Saya difahamkan bahawa bank-bank ini, yang masalah kita hadapi ialah bukan di peringkat kerajaan tetapi di peringkat bank-bank komersial. Ini kerana penolakan ini begitu tinggi sedikit dan saya difahamkan bahawa asas ataupun formula yang dipakai oleh bank berdasarkan kepada *debt-to-income ratio (DTI)* yang berbeza di antara suatu bank dengan bank yang lain.

Jadi, seperti mana yang dibangkitkan oleh rakan saya tadi, bagaimana pula keadaan kepada pemohon-pemohon yang tidak mempunyai dokumen sokongan dari segi pendapatan iaitu misalnya, *odd job* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi *odd job* dan juga pekerja-pekerja sambilan yang berurus niaga secara *online*. Jadi, mereka-mereka ini mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk servis kan pinjaman yang boleh dipertimbangkan oleh bank.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh atau tidak kerajaan membuat suatu arahan melalui Bank Negara kepada bank-bank supaya lebih fleksibel di dalam menimbang permohonan daripada pemohon-pemohon yang tidak mempunyai sokongan dokumen. Terima kasih, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kelulusan pinjaman tanpa dokumen yang lengkap, cara lain. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, kalau peminjam tidak cukup dokumen atau sokongan dokumen yang tidak lengkap, tidak cukup boleh merujuk kepada AKPK supaya dapat nasihatlah supaya apa cara boleh mengatasi masalah ini seperti *bank statement*, ia pun boleh menjadi satu dokumen juga atau pengesahan daripada ketua kampung, itu pun boleh diterima juga.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi kalau maklumat yang saya peroleh, kelulusan pinjaman oleh bank komersial agak tinggi juga. Seperti contoh pada tahun 2015 purata kelulusan pinjaman adalah 78.3 peratus, bagi tahun 2016 purata kelulusan adalah 75.7 peratus. Sekian, terima kasih.

■1040

Tuan Yang di-Pertua: Itu untuk dokumen yang lengkaplah. Yang tidak lengkap boleh rujuk balik kes. Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad. Silakan

4. **Dato' Sri Khairudin Samad** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk memantau dan mengawal kelulusan kolej-kolej swasta yang seperti cendawan tumbuh kini kerana ada kalanya kursus-kursus yang dianjurkan hanya sekadar untuk mengaut keuntungan sahaja.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan pada hari ini serentak dengan dua lagi pertanyaan iaitu dari Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad, dan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail, masing-masing pada 18 Disember 2017.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melanjutkan tempoh moratorium ke atas penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) sehingga 31 Disember 2020. Tujuan pelaksanaan moratorium penubuhan IPTS adalah bagi melestarikan perkhidmatannya terutama dari segi kewangan dan menjadi lebih *competitive*. Moratorium ini juga didapati dapat melicinkan lagi pengurusan sektor pendidikan tinggi swasta melalui kaedah-kaedah penggabungan dan perolehan jalinan kerjasama atau penstrukturkan semula IPTS.

Bilangan IPTS yang diberikan kelulusan beroperasi sebenarnya telah berkurangan dari 522 buah pada tahun 2013 kepada 486 buah pada November 2017. Langkah ini bertujuan untuk memastikan hanya IPTS yang berkualiti dan berdaya maju sahaja dibenarkan untuk meneruskan operasi. Langkah penggabungan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator juga merupakan salah satu langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi terutamanya kepada IPTS yang menawarkan program yang sama dan sesuai untuk digabungkan. Ia termasuklah kepada IPTS yang mengalami masalah kekurangan sumber dan tidak berdaya saing.

Cadangan untuk menaik taraf sesebuah IPTS sebenarnya bergantung kepada permohonan sesebuah IPTS tersebut yang memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan. Antaranya, kedudukan kewangan yang mampan, kursus yang berkualiti dan menepati piawaian dan premis yang lengkap dengan kemudahan asas yang sesuai untuk permohonan naik taraf tersebut.

Dalam memastikan kursus atau program di kolej-kolej swasta dipantau dan dikawal dengan berkesan hanya program-program yang berkualiti sahaja ditawarkan melalui langkah penilaian akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) yang mengambil kira lapan domain hasil, iaitu pertama, pengetahuan; kedua, kemahiran praktikal; ketiga, kemahiran dan tanggungjawab sosial; keempat, nilai sikap dan profesionalisme; kelima, kemahiran komunikasi kepimpinan dan kerja berpasukan; keenam, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik; ketujuh, kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat; dan kelapan, kemahiran mengurus dan keusahawanan.

Kelulusan penawaran kursus pengajian hanya diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi apabila proses penilaian akreditasi dilaksanakan oleh MQA. Walau bagaimanapun, sebarang syar' sesuatu program di IPTS boleh juga dipertimbangkan berdasarkan kepada kaedah penawaran, kaedah pengendalian, skim pengajian, tempoh kursus, jumlah kredit bergraduat dan syarat kelayakan masuk. Tempoh sah laku kursus hanya diberikan selama lima tahun dan tujuh tahun sahaja bergantung kepada program yang ditawarkan.

Hal ini bertujuan bagi memastikan kursus yang ditawarkan mempunyai potensi kebolehpasaran dan relevan dengan pasaran semasa. Peraturan kelulusan kursus pengajian ini seiring dengan pindaan Akta 555 (Pindaan) 2017 yang telah berkuat kuasa pada 28 November 2017. Oleh itu,

sekiranya sesuatu program tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan Kementerian Pendidikan Tinggi tidak akan memperbaharui tempoh pengendalian sesuatu program tersebut atau kelulusan kepada sesuatu kursus pengajian tersebut ditarik balik. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Silakan, Yang Berhormat, soalan tambahan.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya, sebelum saya bertanya saya hendak cerita sedikit. Saya difahamkan mereka ini datang ke negara kita apabila kita ada begitu banyak sekali kolej-kolej swasta. Mereka ini, saya difahamkan bahawa 80 peratus daripada luar negara manakala 20 peratus penuntut tempatan. Yang kita sudah bawa daripada luar negara ini, adakah kita pastikan di mana mereka tinggal, apa yang mereka buat selepas balik daripada kuliah dan sebagainya. Oleh sebab ada kegiatan-kegiatan yang saya difahamkan adalah kegiatan mereka selepas itu berbagai-bagai. Ada yang *black money*, yang mencari kaldai dadah, itu semua satu hal. Ada yang terlibat dengan 'wise' Tuan Yang di-Pertua dengan izin, banyak.

Jadi kalau kita tidak melihat ataupun tidak memantau di mana mereka tinggal apa yang mereka buat, jadi sudah tentulah dengan begitu banyak kolej-kolej swasta ini, maka kesempatan-kesempatan ini akan diambil oleh mereka-mereka yang datang ke negara kita untuk konon-kononnya hendak cari tempat untuk pelajaran. Kalau kita ada hospital umpamanya, hospital swasta yang menjadi hab untuk kesihatan di negara kita yang itu kita tahu dia datang masuk dalam hospital duduk atas katil diberikan perubatan, diberi- yang saya hendak tahu ini apa yang berlaku kepada ini. Adakah kita pantau di mana mereka tinggal dan kita tetapkan kepada kolej-kolej swasta ini supaya mereka juga ada. Kalau tidak ada *hostel*, tetapi tempat-tempat tertentu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih, Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan yang berkaitan dengan pemantauan dan pengawalan pelajar khasnya dari negeri luar. Di sini saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat Senator, bahawa memang sistem atau mekanisme untuk mengawal aktiviti-aktiviti pelajar dalam pelajar tempatan ataupun pelajar dari luar negara memang dapat dipantau kerana di setiap universiti mengadakan satu divisyen di mana kita panggil Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).

Kementerian Pendidikan Tinggi memang bekerjasama dan *collaborate* dengan PDRM sekiranya katalah ada kes yang berkaitan dengan jenayah, memang kes ini kita *refer* atau rujuk kepada PDRM. Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Tinggi juga *collaborate* dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Pemantauan memang dapat dijalankan dengan kerap dan di Kementerian Pendidikan Tinggi kita juga ada mengadakan satu bahagian penguatkuasaan dan inspektorat. Sekiranya Kementerian Pendidikan Tinggi mendapat aduan, jadi inspektorat akan turun padang untuk membuat siasatan. Sekian, terima kasih.

■1050

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada kementerian, ada atau tidak kementerian buat satu persidangan dengan universiti-universiti yang

dikatakan 486 ini, duduk dan lihat jurusan-jurusan yang diambil *priority*, maksud saya, dengan izin, yang mana ia lebih menjamin peluang pekerjaan di kalangan bakal-bakal graduan ini kerana ada kebanyakannya hanya menawarkan kursus-kursus untuk mengaut keuntungan Tuan Yang di-Pertua. Maknanya dia pergi, dia hanya memenuhi untuk dapat diploma atau ijazah tetapi bila dia habis tamat pendidikan, dia tidak ada lagi peluang pekerjaan.

Jadi, Kerajaan Malaysia juga perlu ada satu sistem yang orang kata menyenaraikan sektor-sektor yang memerlukan bakal-bakal graduan dan lepasan graduan ini, dilepaskan daripada pendidikan itu mengikut kadar pekerjaan yang sesuai dengan mereka dan yang orang kata memenuhi kehendak negara pada ketika ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas cadangan saya anggap dan memang cadangan ini adalah satu cadangan yang bermakna kerana saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat Senator bahawa sebenarnya Kementerian Pendidikan Tinggi sudah mengusahakan apa yang sudah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator.

Sekarang, Kementerian Pendidikan Tinggi sedang mengadakan satu agenda di mana kita panggil *redesigning higher education* atau mereka bentuk semula pendidikan tinggi dan memang *engagement* dengan industri dapat dijalankan dan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, Yang Berhormat Besut. Sebenarnya baru-baru ini mengadakan satu *engagement session*, *engagement* dengan industri-industri di *Penang* dan beliau sebenarnya bertanya mereka, apa sepatutnya industri memerlukan, apa jenis kursus yang diperlukan. Kita melibatkan industri untuk memberi bimbingan juga, untuk kita *redesign the curriculum*.

Selain daripada itu, kita ada satu inisiatif juga yang diambil di mana kita melibatkan CEO *Faculty Members* di mana CEO seperti Tony Fernandes, Khazanah dan termasuk pegawai atasan seperti KSN, Tan Sri Ali Hamsa juga turun ke universiti untuk memberi bimbingan mengendalikan kuliah juga untuk berkongsi pengalaman mereka khasnya dalam bidang kepimpinan dan pengurusan.

Ini kerana mereka adalah sebenarnya di mana kita panggil *they are authentic leaders*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi, cadangan memang diterima dengan baik. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati, untuk kali kedua pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kali kedua sahajalah?

Datuk Dr. Lucas Umbul: Selama-lamanya Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, saya terpanggil untuk bertanya kerana saya telah mengalami proses yang sedemikian rupa yang memerlukan Lembaga Akreditasi Negara, yang memerlukan MQA dalam kursus-kursus yang dijalankan di institut perguruan Malaysia.

Satu ketika dahulu, sebelum bertanya soalan ya. Satu ketika dahulu saya menjadi *program coordinator* kepada program ijazah sarjana muda 'keguruan'. Bukan 'perguruan' masa itu, 'keguruan' namanya. PISMK, *twinning program*, dengan izin dengan Kementerian Pendidikan bersama dengan

Open University Malaysia (OUM). Apabila menjadi koordinator ini, saya kena melaporkan kepada satu, Kementerian Pendidikan, satu kepada OUM iaitu tentang kelayakan-kelayakan yang layak untuk mengambil program ijazah sarjana muda keguruan ini.

Jadi, salah satu daripada syaratnya Yang Berhormat Menteri ialah sekurang-kurangnya SPM lima kredit, *at least* mesti kepujian dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia. Jadi apabila kita laporkan ini, kita kena ambil lagi keputusan-keputusan daripada pelajar-pelajar yang kita ajar di institut perguruan untuk melihat sama ada, betulkah mereka ini mendapat sekurang-kurangnya lima kepujian.

Akan tetapi, pada kolej-kolej swasta ini, saya kurang pasti sama ada benda-benda ini diminta untuk tujuan Lembaga Akreditasi Negara kerana kita takut seperti yang dua orang Ahli Yang Berhormat Senator tadi, Dato' Sri Khairudin dan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah mengatakan bahawa kolej-kolej ini lebih kepada mengaut keuntungan. Kita risau dia tidak lagi melihat kepada keperluan Lembaga Akreditasi Negara ini tetapi dia melihat kepada wang ringgit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tambahan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Okey, soalan tambahan saya, adakah Kementerian Pengajian Tinggi juga mengambil langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk diaplikasikan kepada kolej-kolej swasta ini?

Keduanya, soalan yang kedua. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, saya dapat sekarang ini, kolej-kolej swasta pun memberikan doktor kehormat kepada orang-orang tertentu. Apakah langkah kementerian untuk sama ada perkara ini dibenarkan atau tidak? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas dua soalan. Di sini saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat Senator bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi menjalankan tugas tanpa ketakutan atau pilih kasih. Jadi, seperti yang saya sudah beritahu bahawa kita mengadakan satu Bahagian Pengawalaan dan Inspektorat dan ini memang peranan yang dimainkan oleh bahagian ini adalah untuk memeriksa aduan. Sekiranya kita dapat aduan-aduan yang dilaporkan, jadi pegawai inspektorat akan turun padang untuk buat siasatan.

Di sini, saya boleh beritahu *the seriousness of the kementerian, the Higher Education Ministry*, dengan izin, yang berkaitan dengan mengambil tindakan terhadap kolej-kolej swasta yang melanggar peraturan. Jadi pada tahun 2017, terdapat dua kes telah dibawa ke mahkamah dan satu sedang dalam proses perbicaraan.

Berkaitan dengan penutupan IPTS. Antara sebab utama sesebuah IPTS ditutup adalah kerana tidak berdaya saing dan tidak berdaya saing secara umum merujukkan kepada kerugian IPTS bagi tempoh tiga tahun berturut-turut atau lebih, mempunyai jumlah pelajar yang sedikit di bawah 100 pelajar dan menunjukkan prestasi pengambilan pelajar baru yang tidak memberangsangkan bagi beberapa tahun kebelakangan.

Mengikut rekod, untuk makluman sepanjang tahun 2017 iaitu sehingga 24 November 2017, sebanyak 20 buah IPTS bertaraf kolej telah ditutup kerana didapati tidak berdaya saing dan rata-rata telah tidak beroperasi.

Jawapan saya yang kedua, kepada soalan yang kedua adalah berkaitan dengan *integrity academic*. Memang Kementerian Pendidikan Tinggi tidak menggalakkan sijil atau ijazah yang palsu

yang diberikan kepada sesiapa pun. Memang Kementerian Pendidikan Tinggi juga mengadakan pangkalan data di setiap universiti untuk kesan bahawa khasnya pihak yang memperoleh PhD adalah dapat PhD dengan cara yang betul. Jadi, memang *we will not tolerate this practice. Thank you very much.* Terima kasih, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat kementerian kena ambil perhatian serius kepada cadangan Yang Berhormat Siti Aishah di mana kebanyakan kursus yang diadakan ini tidak ada peluang pekerjaan. Yang Berhormat, soalan ini tiga sahaja maksimum. So, saya minta maaflah.

■1100

5. **Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah status pembantu guru di sekolah-sekolah seluruh Malaysia untuk mengurangkan beban guru yang semakin meningkat.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan Persatuan Belia India Johor ke Dewan Negara, tetamu-tetamu Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]* Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Tahniah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, secara keseluruhannya, sejumlah 421 orang pembantu guru yang dilantik secara pekerja sambilan harian (PSH) sedang berkhidmat di 121 buah sekolah di negeri Melaka dan 300 buah sekolah di negeri Kedah. Kaedah yang digunakan untuk menempatkan pembantu guru ini adalah seorang pembantu guru di setiap sekolah yang mempunyai enrolmen 500 orang murid ke atas.

Pada masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil beberapa langkah bagi mengatasi isu kompleksiti tugas guru. Ini termasuklah pengisian jawatan kosong di sekolah, memperhalusi keperluan jawatan guru dan anggota pelaksana, mengurangkan serta memudahkan tugasannya kemasukan data pelaporan, memperhalusi kaedah pengoperasian pengurusan sekolah yang lebih mengutamakan keberhasilan pembelajaran murid dan mengurangkan beban aktiviti-aktiviti yang bukan melibatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah, misalnya melalui pengurangan amalan protokol dan sambutan di dalam pelaksanaan majlis atau program bahagian dan jabatan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Langkah-langkah ini merupakan kaedah yang lebih praktikal untuk menangani isu kompleksiti tugas guru selain daripada mewujudkan jawatan pembantu guru yang akan melibatkan peruntukan kewangan yang tinggi kepada kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan daripada saya ialah apakah status gred perkhidmatan pembantu-pembantu guru ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Mereka ini adalah pembantu guru. Mereka ada gred yang telah pun

ditetapkan, bukan gred guru tetapi pembantu, macam guru data dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Gred dia?

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Gred dia bukan gred DG tetapi dia gred N untuk kerani, pembantu data dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat yang sama juga meminta soalan tambahan. Sila, silakan.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya banyak kali diberi peluang untuk bertanya soalan tambahan. Soalan tambahan saya pendek sahaja iaitu apakah *ratio* yang ideal dalam meringankan bebanan guru ini? Antara bilangan guru kita difahamkan seramai 450,000 tenaga pengajar ataupun guru-guru. Apakah *ratio*, dengan izin, yang ideal antara guru dengan murid? Saya hendak tahu pendek sahaja, apakah *ratio* yang ideal? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan jawapan saya sebentar tadi. Gred pembantu guru ini mereka merupakan Pekerja Sambilan Harian. *They are not DG, not N* tetapi dia Pekerja Sambilan Harian. Okey, itu gred yang ditentukan kepada pembantu guru-guru sebentar tadi. Saya mohon maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak ada gredlah, dia macam kontrak.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Tidak ada gred. Dia Pekerja Sambilan Harian ya. Untuk membetulkan jawapan saya sebelum ini.

Yang Berhormat, kadar ataupun *ratio* guru kepada murid, buat masa ini kita cuba meletakkan *ratio* 30 hingga 35 pelajar kepada satu guru. Itu *ratio* yang kita cuba tetapkan. Akan tetapi, Yang Berhormat, ada juga keadaan tempat-tempat yang mana kita ada lima murid satu guru. Ada juga sekolah dua murid 11 guru. Kita sedar. Akan tetapi, ada juga sekolah yang mana ada 40 murid, satu guru. Akan tetapi yang terbaik yang kita cuba laksanakan ialah kadar di antara 30 hingga 35 murid kepada setiap guru. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. **Dato' Isa bin Ab. Hamid** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah usaha-usaha kerajaan untuk memperkasakan budaya Orang Asli kerana sehingga kini tiada institut atau pusat latihan kemahiran seni dan budaya masyarakat Orang Asli di Semenanjung.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator yang bertanya, pihak kementerian mengakui sememangnya masih belum ada institut atau pusat latihan kemahiran seni dan budaya masyarakat Orang Asli di Semenanjung.

Walau bagaimanapun, kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) setiasa komited dalam memperkasakan seni dan budaya Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Pihak JAKOA telah menubuhkan dua buah muzium yang menempatkan pelbagai maklumat sejarah dan artifak Orang Asli iaitu Muzium Orang Asli Gombak di Selangor dan Muzium Orang Asli Jeli di Kelantan sebagai sumber ilmu.

Pelbagai usaha dibuat untuk menarik lebih ramai pengunjung ke Muzium Orang Asli termasuk penganjuran Karnival Muzium Orang Asli dan kerjasama strategik promosi bersama *Tourism Malaysia*, agensi-agensi pelancongan, ahli akademik dan institut pengajian tinggi.

Manakala dalam usaha untuk meningkatkan tahap penerbitan berkaitan sosiobudaya masyarakat Orang Asli pula, pihak JAKOA dan Dewan Bahasa dan Pustaka telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) pada 6 November 2015 bagi tempoh lima tahun. Melalui MoU ini, sebuah manuskrip berkaitan Orang Seletar yang ditulis oleh kakitangan JAKOA sendiri telah diterbitkan oleh pihak DBP atau Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selain itu, DBP turut menyediakan bimbingan latihan penulisan kepada kakitangan JAKOA dan masyarakat Orang Asli bagi meningkatkan lagi jumlah penerbitan berkaitan masyarakat Orang Asli.

Bagi mengetengahkan kaedah penggunaan herba dalam kehidupan Orang Asli kepada masyarakat lain mahupun antarabangsa, JAKOA dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menandatangani memorandum persefahaman dari tahun 2008 ke tahun 2018 bagi pelaksanaan projek Pendokumentasian Pengetahuan Tradisi Berkaitan Tumbuhan Ubatan dan Beraroma Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Menerusi projek ini, pengetahuan tradisi masyarakat Orang Asli berkaitan tumbuhan ubatan yang terpilih, dikaji secara saintifik melalui analisa makmal, didokumentasikan dan dihasilkan dalam bentuk prototaip. Sekian, terima kasih.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri yang panjang lebar tadi. Kita tahu sejak kebelakangan ini program NBOS banyak ditekankan antara kerjasama agensi dan kita melihat kepakaran dalam bidang pembangunan seni dan budaya lebih tertumpu kepada Jabatan Kesenian, Kebudayaan dan Kraf Tangan.

Soalan saya, sejauh manakah kerjasama yang dilaksanakan oleh JAKOA dalam membina hubungan memperkasakan seni budaya dan kraftangan masyarakat Orang Asli? Sekian, terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi mempromosikan kebudayaan Orang Asli, JAKOA dan Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) turut melaksanakan kerjasama strategik menerusi penganjuran Festival Antarabangsa Kesenian Orang Asli dan Pribumi pada setiap dua tahun. Festival yang dianjurkan ini adalah bertujuan untuk mengetengahkan keunikan pelbagai etnik Orang Asli yang terdiri daripada tiga suku kaum utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto.

■1110

Pada tahun ini juga, JAKOA julung-julung kalinya menganjurkan Karnival Orang Asli 2017 yang berlangsung dari 24 November hingga 26 November ini di PWTC dengan menghimpunkan wakil daripada 18 suku kaum dan persembahan kebudayaan dan usahawan-usahawan di kalangan masyarakat Orang Asli.

Di samping itu, dalam usaha JAKOA ke arah mempertahankan dan memperkasakan kesenian dan kebudayaan masyarakat Orang Asli agar tidak hilang ditelan zaman, JAKOA mengorak langkah awal dengan mengadakan perbincangan bersama Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) bagi mewujudkan modul kebudayaan dan kesenian Orang Asli pada tahun 2018. Ada juga Hari Kraf Kebangsaan.

JAKOA turut menyertai Hari Kraf Kebangsaan yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia bersama JAKOA dan agensi-agensi berkenaan dalam mempromosikan kraf tangan Orang Asli seperti usahawan Temuan Abo Craft dan serta persembahan kebudayaan dan promosi produk Orang Asli melalui usahawan Orang Asli. Sekian, terima kasih.

7. **Datuk Dr. Lucas Umbul** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, sejauh manakah kesesuaian graduan dari bidang bahasa dan sastera ini diterima dalam pasaran pekerjaan.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator, Sistem Kajian Pengesanan Graduan atau SKPG yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi menunjukkan peratus kebolehpasaran graduan bidang bahasa dan sastera untuk tahun 2016 adalah sebanyak 69.9 peratus. Ini bermakna, tanpa mengambil kira apa jua jenis program yang ditawarkan, Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa memastikan semua graduan yang dihasilkan adalah berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran pekerjaan semasa. Peluang pekerjaan di pasaran semasa juga terbuka luas bagi graduan bidang bahasa dan sastera kerana bidang ini adalah masih relevan dengan realiti pekerjaan dan perkhidmatan semasa.

Seiring dengan Revolusi Industri 4.0, pasaran pekerjaan memerlukan bukan sahaja modal insan berkemahiran teknikal, tetapi juga memerlukan kepakaran dalam bidang dwibahasa sebagai persediaan menghadapi cabaran pada masa hadapan. Ini dibuktikan dengan inisiatif di bawah lonjakan pertama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 dalam usaha melahirkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan.

Melalui inisiatif *humanizing education*, dengan izin, yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, fokus turut diberikan kepada penghasilan bakat yang bercirikan empat *attributes* iaitu *computational thinking*, dengan izin; *multiple intelligence*, dengan izin; *connective flexibility and emotional intelligence*; dan *individualization*, dengan izin, sebagai persediaan graduan pelbagai bidang termasuk bidang bahasa dan sastera untuk menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0.

World Economic Forum, dengan izin, melalui laporan *The Future of Jobs*, dengan izin, pada tahun 2017 turut menyatakan bahawa 65 peratus pelajar pada masa kini akan bekerja dalam bidang pekerjaan yang belum wujud setelah bergraduat nanti. Ini membuktikan bahawa pelbagai bidang pekerjaan baru akan wujud yang turut sama akan memberi peluang yang seimbang kepada semua bidang.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator juga, selaras dengan pendekatan akademik dan industri awam, Kementerian Pendidikan Tinggi telah melaksanakan semakan semula ke atas kurikulum serta penyampaian pembelajaran dan pengajaran. Program akademik yang hendak dilaksanakan perlu mendapat input pemegang taruh seperti pihak industri, kerajaan dan penaja melalui pelaksanaan sistem pendidikan berdasarkan hasil supaya langkah yang diambil KPT adalah tepat, relevan dan terkini.

KPT melalui Program Intervensi GE atau *Graduate Employability*, dengan izin, telah meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah dalam membantu graduan memperoleh kerja yang sesuai dengan kelayakan. Lebih 49,000 orang graduan telah mendapat manfaat sejak program ini dimulakan pada tahun 2011.

Selain itu, pelbagai lagi program diperkenalkan bagi memastikan kadar kebolehpasaran graduan terus ditingkatkan. Antaranya seperti yang saya sudah sebut tadi, *CEO @Faculty Programme* di mana pelajar di IPT didedahkan dengan perkongsian pengalaman tokoh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC), industri-industri terbuka dan pegawai-pegawai tinggi perkhidmatan.

Kedua, ramai portfolio iaitu *CV digital* yang membolehkan penilaian kemahiran dan kebolehan para pelajar dibuat melalui refleksi pengalaman dan hasil pembelajaran mereka. Ketiga, program Pusat Kecemerlangan Industri, *Integrated Cumulative Grade Point Average* (iCGPA) dengan izin, Program Dwi-Ijazah atau *Multidisciplinary Degree*, di beberapa buah universiti awam dan serta pengenalan *Malaysia English Assessment Programme* bagi meningkatkan *proficiency* bahasa Inggeris pelajar. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang baik hati juga, jawapannya begitu komprehensif juga. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah program yang spesifik yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi meningkatkan *proficiency* bahasa Inggeris di kalangan pelajar universiti awam dan universiti swasta? Ini kerana bahasa Inggeris ini seperti yang kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, merupakan bahasa komunikasi antarabangsa yang perlu dikuasai dengan baik dan berkesan bagi membolehkan penerokaan pelbagai ilmu untuk bersaing di peringkat nasional dan global. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan yang berkaitan dengan program spesifik untuk meningkatkan *proficiency* bahasa Inggeris antara pelajar-pelajar di universiti awam dan universiti swasta. Seperti yang saya sudah baca tadi bahawa memang kita mengadakan satu program di mana kita panggil *Malaysia English Assessment Programme* atau dalam pendek kita panggil M.E.A atau MEA. Program ini sudah dilancarkan pada 24 Oktober 2017 dan ini merupakan satu ekosistem pentaksiran yang unik dan holistik di mana ia mengubah landskap pembelajaran dan pengalaman pelajar di dalam menguasai bahasa Inggeris di universiti awam.

■1120

MEA adalah inspirasi untuk mengukuhkan penguasaan kemahiran bahasa Inggeris menerusi lonjakan yang pertama. Di mana saya sudah sebut tadi bahawa lonjakan yang pertama adalah berkaitan untuk melahirkan graduan yang holistik, ada ciri keusahawanan dan seimbang. MEA - program ini terbahagi kepada dua komponen iaitu penaksiran pembelajaran formal, di mana kita panggil MEA 1 atau melalui peperiksaan yang dijajarkan kepada CEFR. CEFR ini bermakna bahawa standard yang digunakan ada berkaitan dengan *The Common European Framework Reference for Languages*.

Ini bermakna bahawa *recognition* ataupun pengiktirafan MEA boleh digunakan di peringkat antarabangsa. Oleh kerana piawaian yang digunakan ada berkaitan dengan *assessment* atau satu penilaian antarabangsa. Kedua, pentaksiran pembelajaran tidak formal, di mana kita panggil MEA 2 ialah melalui aktiviti luar kelas berdasarkan tugas *task-based assessment*, berdasarkan tugasan dan ia melibatkan enam ruang penglibatan atau *engagement sites*, dengan izin, yang telah dikenal pasti iaitu:

- (i) aktiviti kokurikulum dan kokurikulum tambahan;
- (ii) kerjasama antara disiplin;
- (iii) sumber dalam talian;

- (iv) penglibatan komuniti;
- (v) kerjasama antara akademik; dan
- (vi) industri dan penglibatan global.

Ini bermakna bahawa perjalanan aktiviti-aktiviti seperti ini adalah interaktif. Integrasi pembelajaran dan penilaian secara formal dan tidak formal berupaya melahirkan graduan dengan sasaran tahap kecekapan penguasaan bahasa Inggeris pada tahap B2 CEFR selepas tamat pengajian di universiti awam. MEA bukan hanya digunakan di universiti awam tetapi di politeknik juga. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Aknan A/L Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dapat bahawa ada setengah-setengah universiti Yang Berhormat Menteri, *employability rate*nya ada yang rendah, ada yang tinggi. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk meletakkan tanggungjawab untuk memastikan bahawa graduan ini daripada universiti berkenaan, tanggungjawab universiti berkenaan untuk memastikan bahawa graduan mereka dapat pekerjaan. Dengan cara ini, adalah menjadi satu aspek *self policing*, dengan izin, kepada universiti tersebut memastikan apa yang diajar, kursus yang diajar, *syllabus* yang digunakan itu memenuhi cita rasa industri yang akan mengambil graduan itu nanti. Terima kasih.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Senator. Memang semua universiti sudah diberi tanggungjawab dan diturun kuasa juga untuk memastikan bahawa salah satu KPI *most probably* adalah untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar adalah pelajar yang ada kebolehpasaran yang tinggi. Dalam kita punya rekod kita boleh beritahu bahawa kebolehpasaran graduan dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2012 hingga 2016 kita merekodkan 77.3 peratus.

Saya boleh berkongsi di sini bahawa MTUN adalah terdiri daripada universiti teknikal. Oleh kerana ia ada berkaitan dengan latihan dalam *technical vocational education*, jadi *rate employability* di sini merekodkan 87.1 peratus dan untuk politeknik - 88.7 peratus, kolej komuniti yang agak sangat tinggi iaitu 97.2 peratus dan IPTS - 72.8 peratus. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, berapa banyak kilang dari negara Malaysia telah berpindah ke negara lain sejak 2013 dan apakah impak atau kesannya terhadap perkembangan ekonomi negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tahun 2013 hingga Jun 2017 terdapat 49 buah syarikat daripada sektor pembuatan yang telah menutup operasi mereka di Malaysia. Antara syarikat yang telah menutup operasi di Malaysia termasuk Rubicon Technology Incorporated, Seagate Technology PLC, British-American Tobacco dan juga JVC Manufacturing. Sebab-sebab utama penutupan operasi yang dikenal pasti termasuk:

- (i) keadaan pasaran yang lemah berikutan penurunan dalam jualan dan permintaan syarikat;
- (ii) kemunculan teknologi baru yang menggantikan teknologi dan produk sedia ada;

- (iii) bekalan bahan mentah yang terhad dan berkurangan;
- (iv) pengambilan oleh syarikat lain;
- (v) peningkatan dalam kos pengeluaran; dan
- (vi) penstrukturran semula syarikat.

Secara amnya, pemberhentian operasi syarikat tersebut tidak membawa impak yang besar kepada ekonomi negara memandangkan kebanyakannya berintensif buruh, berteknologi dan bernilai tambah rendah. Walaupun terdapat pemberhentian operasi syarikat-syarikat tertentu, pada masa yang sama negara juga menerima masuk pelaburan langsung asing bernilai dan berteknologi tinggi. Selaras dengan sasaran kerajaan untuk menggalakkan pelaburan seumpama ini yang juga menyediakan pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat.

Pelaburan langsung asing bernilai tinggi tersebut, termasuklah oleh Broadcom Limited, Bycom Sdn. Berhad, Scandies Storage Malaysia, dan OSRAM Sdn. Bhd. Jumlah pelaburan langsung asing yang diluluskan bagi sektor pembuatan bagi tempoh yang sama dari tahun 2013 hingga Jun 2017 adalah sebanyak RM129 bilion bagi 1,747 projek. Daripada jumlah ini, sebanyak 753 projek merupakan projek baru bernilai RM65.8 bilion, manakala 994 projek merupakan projek pengembangan dan kepelbagaian projek sedia ada bernilai RM63.3 bilion. Terima kasih.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberi yang begitu lengkap. Akan tetapi saya hendak tanya di sini, industri-industri ini, kilang ini yang berpindah keluar dari Malaysia itu, mereka pergi ke negara mana?

Kedua, yang saya hendak tahu adakah salah satu daripada sebabnya mereka berpindah ialah oleh kerana mereka dikenakan cukai yang tinggi? Adakah oleh kerana mereka tidak mahu buat pelaburan dalam teknologi yang tinggi, maka mereka berpindah daripada negara ini dan pindah ke negara-negara yang lain? Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih. Secara amnya, ada syarikat yang mungkin pindah kepada negara-negara jiran, di mana kos pengeluaran mereka lebih rendah kerana kos buruh lebih rendah, yang berintensif buruh. Ada juga syarikat seperti yang tadi saya kata yang mengembangkan *business* mereka atau perniagaan mereka, sebagai contoh OSRAM. Ia telah mengembangkan, di mana ia merupakan salah satu *state-of-the-art* untuk LED dan merupakan sesuatu yang penting di mana kebanyakan pekerja-pekerja mereka adalah tempatan, di mana gaji mereka adalah sederhana dan tinggi.

Selain daripada itu, ada juga sebab syarikat yang sebenarnya tutup kerana *business model* mereka tidak boleh bersaing apabila terdapat perubahan teknologi. Sebagai contoh, JVC Camcorder. Saya yakin kebanyakan Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini pun sudah tidak guna *camcorder*, kebanyakan guna *handphone* dan sebagainya, sebagai contoh.

■1130

Ada juga kerana perubahan penggunaan sebagai contoh Seagate menghadapi cabaran khususnya dari pasaran kerana dahulu kebanyakan orang guna *hard disk* (HDD) tetapi sekarang banyak yang menggunakan *cloud computing*, SDD dan sebagainya. Ini menyebabkan syarikat-syarikat tersebut ada yang berpindah, ada yang sebenarnya menutup atau mengurangkan kerana permintaan secara global memang menurun. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi semasa jawapan soalan asal saya tengok tiga poin yang disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu dari segi bilangan syarikat, 49 syarikat. Akan tetapi lebih dari itu adalah dua *statement* satu, penutupan 49 syarikat ini tidak ada impak yang besar. Kedua, *low demand*. Soalan saya berdasarkan kepada jawapan tadi.

Kalau kita satu dari segi *no impact* kalau kita tengok untuk tujuh bulan pertama tahun ini, bilangan pekerja dari industri pembuatan yang diberhentikan kerja adalah sebanyak 27 ribu *slightly less than 26,638 to be exact* sektor perubatan. Ini keseluruhan 27 ribu. Dari 27 ribu ini, 78 peratus datang dari sektor pembuatan, *manufacturing sector*. Pada saya kalau *78 percent* dekat 25 ribu orang hilang kerja *to me it has got a major impact* kepada saya. *I'm just questioning the concept* tidak ada impak lah, satu.

Kedua, *low demand* yang jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah *low demand*. Pada saya jawapan ini bercanggah dengan *Economic Report Malaysia*. *Economic Report Malaysia 2017/2018 and I quote* perkataan yang dia pakai ialah sektor pembuatan di unjur akan berkembang satu, di atas permintaan domestik yang kukuh dan untuk *external market* permintaan yang mampan. *So to me, kalau you project-* kalau kerajaan secara keseluruhan *project that sector* itu akan meningkat, dari sini kita dapat jawapan *that low demand*.

Third point Tuan Yang di-Pertua, *just the third point* untuk membantu sebelum dia jawab. Bilangan pekerja asing di sektor pembuatan *is the highest*. Sebanyak 37 peratus secara keseluruhan ini berdasar *1.8 million* walaupun banyak orang cakap *the figure is three milion*. Akan tetapi *I take the official figure 1.8 million*. Di sektor pembuatan 650,000 pekerja asing. So pada saya *I hope* kalau tidak boleh jawab sekarang *please clarify* dari segi *impact* dan dari segi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dalam perbahasan Yang Berhormat ada kemukakan kan?

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Akan tetapi masa itu tidak terima jawapan *low demand*.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator telah membangkitkan beberapa perkara yang ingin dapat jawapan. Nombor satu saya harap Yang Berhormat Senator mungkin tadi dalam jawapan saya Yang Berhormat Senator mungkin terdengar salah. Saya kata bukan *no impact*, dia tidak memberi impak yang besar. Di mana kita melihat sebagai contoh, adakah kadar pengangguran di negara kita meningkat mendadak sehingga *double digit*? Tidak ada. Dia masih *3.4 percent*. Dari segi jumlah orang itu mungkin tinggi, seperti yang dikatakan 27 ribu.

Akan tetapi sekarang khususnya dalam sektor pembuatan di mana dengan *Industry Revolution 4.0* dengan perubahan teknologi yang kian menjadi dipanggil *term*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *destructive technology* ia menyebabkan banyak dari segi sektor-sektor menghadapi cabaran-cabaran bukan sahaja di Malaysia tetapi di semua negara di global ini. Sebagai contoh tadi Yang Berhormat Senator mengatakan *Economic Report* mengatakan *high demand*, tetapi saya kata *low demand*. Saya mengatakan perubahan teknologi. Sebagai contoh saya yakin Yang Berhormat Senator sekarang tidak

guna telefon *Nokia*. Sekarang mesti kebanyakan di sini Yang Berhormat Senator guna *smart phone*. Ini merupakan *demand* masih ada tetapi *demand* apa? *Demand* barang yang diingini.

Maka sebagai contoh tadi bila saya bawa isu Seagate sebagai contoh, dia mengeluarkan *hard disk*. *Demand* meningkat untuk *cloud computing*, untuk SDD tetapi tidak meningkat untuk HDD. Maka *demand* adalah *low, that's why* oleh itu syarikat tersebut telah perlu mengurangkan operasi mereka kerana Seagate tidak libat dalam *cloud computing*. Akan tetapi syarikat lain yang terlibat dalam *cloud computing*, yang terlibat dengan SDD sebagai contoh *scan disk* dia mengembang operasi mereka di sini.

Maka saya berharap Yang Berhormat Senator faham dari segi *Economic Report*, sektor pembuatan itu dia secara am, dia banyak lagi dari segi *detail*. Sebagai contoh OSRAM dia mengembang *business* mereka di Malaysia kerana permintaan LED meningkat. Akan tetapi permintaan mentol yang lama menurun kerana dia lebih *energy efficient* untuk LED. Ini contoh-contoh yang saya hendak bawakan.

Selain daripada itu, saya juga hendak bangkitkan isu di mana pekerja menghilangkan pekerjaan kerana syarikat tutup. Ini bukan sesuatu yang baru sahaja di Malaysia kerana disebabkan khususnya *destructive technology* ini banyak syarikat di negara ASEAN malah di US juga menghadapi *what you called, time of change*. Di mana mungkin mereka menganggur sekarang tetapi tidak bermakna mereka menganggur selama-lamanya. Sebagai contoh, banyak pekerja Seagate itu yang diberhentikan selepas dua tiga bulan mereka akhirnya bekerja di mana? Di *ScanDisk* kerana sektor yang sama sedikit tetapi barang yang dikeluarkan itu berlainan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi penjelasan.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, bukan perbahasan. Cuma satu *factual, clarify*. Satu *factual* sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat. Ini saya tidak boleh benarkan kerana itu adalah jawapan Menteri. Suka tidak suka itu adalah jawapan. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah tidak ada. Ada sesiapa minta soalan bagi pihak? Okey.

Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah. Silakan.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Ya. Soalan saya soalan nombor 10.

10. Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, sama ada kerajaan akan mengkaji semula Akta Perhubungan Perusahaan 1967, khususnya Seksyen 20, untuk mengeluarkan kuasa Menteri untuk merujuk representasi-representasi pemecatan kepada Mahkamah Perusahaan sekiranya tidak dapat diselesaikan pada peringkat rundingan damai dan sebaliknya memperuntukkan supaya representasi sedemikian dirujuk secara automatik kepada Mahkamah Perusahaan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses untuk meminda secara holistik

beberapa akta perburuhan termasuk Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ataupun APP 1967. Antara aspek yang sedang diperhalusi ialah untuk menambah baik mekanisme rujukan sesuatu representasi pemulihian kerja.

Kementerian Sumber Manusia akan membincangkan perkara ini dengan *stakeholders* dan menanda aras amalan baik negara-negara lain seperti Australia dan juga *United Kingdom*. Kementerian juga berpandangan bahawa rujukan secara automatik tanpa melalui sebarang proses tapisan akan menyebabkan lambakan kes di Mahkamah Perusahaan dan seterusnya boleh menyebabkan kelewatan serta pembaziran masa dan sumber manusia kerana Mahkamah Perusahaan terpaksa memproses semua kes termasuk kes-kes yang jelas tidak mempunyai merit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih atas jawapan oleh kerana Yang Berhormat Menteri tidak ada mungkin soalan tambahan saya boleh lebih fokus kepada pegawai-pegawai kementerian. Pertama sekali dari segi jawapan yang tadi kalau kita tengok alasan ialah kenapa kita beri kuasa ini kepada Menteri supaya kita tidak mahu lambakan kes di Mahkamah Perusahaan.

Kalau kita tengok dari segi statistik-statistik dalam 10 tahun ini, kes-kes yang tidak dirujuk ke mahkamah hanya 7,155 kes lebih kurang 15 peratus. So dari segi lambakan saya rasa tidak timbul, itu satu. Fasal kita boleh *increase the division of the Industrial Court* kalau betul-betul kita hendak isu. Kita tidak boleh pakai lambakan sebagai *excuse* tetapi apa yang saya hendak fokus kepada kementerian ialah satu, cadangan yang saya hendak buat. Kalau tidak boleh buat secara *automatic referral*, kalau boleh menimbang penubuhan satu panel untuk menentukan. *Not one man to decide*. Fasal kalau kita tengok sekarang pun 21(1) IR Act membenarkan panel untuk *Industrial Court*.

■1140

Last point Tuan Yang di-Pertua. Kenapa seksyen 20 penting ialah kalau kita tengok keputusan *Court of Appeal* dalam ‘*Hong Leong Equipment* dengan *Liew Fook Chuan*’. Dalam *Court of Appeal* punya keputusan tahun 1996, kita kena faham seksyen 20 ini ia cuma wujud pada tahun 1989, sebelum itu *dismissal cases* pergi bawah seksyen 18. Dalam *Hong Leong*, mahkamah telah buat keputusan, “*The role of the minister is only to a certain whether...*”. Ini saya quote ya, “*...to a certain whether there are breaches on question pertaining to fact and law...*” *Just, a certain*. Keputusan, *on the question pertaining to fact*, kena dibuat oleh mahkamah. So itu cadangan saya. Kalau boleh *automatic reference*, kalau tidak boleh *at least panel taking into mind* keputusan *Court of Appeal* dalam ‘*Hong Leong Equipment*’. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu adalah cadangan, tidak payah jawab. Sila bawa kepada perhatian kementerian.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk jawapan soalan-soalan lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, "Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang".

[6 Disember 2017]

Tuan Yang di-Pertua: Sambungan perbahasan. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, silakan.

11.41 pg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Saya menyambung kembali perbahasan saya semalam. Saya terus kepada tajuknya iaitu berkait dengan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu, Kelantan. Di mana projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra adalah bagi pembesaran bangunan sedia ada bagi menampung jumlah penumpang daripada 1.5 juta penumpang setahun kepada empat juta penumpang setahun.

Antara kerja-kerja yang terlibat adalah pembesaran bangunan terminal, menambah parkir pesawat, pembesaran apron dan pembinaan bangunan *airport fire rescue services*. Namun saya dimaklumkan bahawa ia sekarang masih di peringkat tender dan dijangka selesai hanya pada Januari 2018. Sedangkan keperluan kepada pembesaran satu-satunya lapangan terbang di Kelantan ini adalah sangat mendesak kerana pengangkutan udara adalah pengangkutan jarak jauh paling utama memandangkan kaedah pengangkutan jalan darat yang memakan masa yang panjang dan tidak selesa.

Jadual pendaratan dan juga pelepasan penerbangan yang padat di Kelantan telah terbukti dan janji pembesaran lapangan terbang ini sebenarnya telah bertahun-tahun dibuat. Saya menyampaikan hasrat rakyat Kelantan agar ia disegerakan. Cuma persoalannya bila pembinaan akan dimulakan? bila dijangka siap serta jumlah kos yang terlibat? Adakah ia melibatkan pengambilan tanah-tanah yang bersempadan?

Seterusnya berkait dengan penambahbaikan mutu turapan jalan-jalan kampung. Jalan-jalan kampung tentu sekali adalah jalan yang penting bagi penduduk kampung yang bermotosikal, berbasikal dan berkereta kecil. Tidak kurang ia juga dilalui oleh lori-lori kecil. Namun jalan-jalan ini kerap kali rosak sehingga perlu tampungan lubang dan penurapan semula beberapa kali setahun dan masalah ini sangat ketara terutamanya ketika musim hujan.

Saya kira sudah sampai masa kerajaan meneliti semula standard atau spesifikasi utama jalan yang ditetapkan. Adakah ia kos efektif dengan penurapan semula dan tampungan yang terlalu kerap dan banyak mengundang gangguan dan ketidaksesuaian pengguna? Adakah standardnya memenuhi keperluan rakyat di kampung? Saban hari bermotosikal, berbasikal dan berkereta kecil dengan jalan

berlubang dan hentakan kiri kanan, bukan setakat tidak selesa malah membawa kerosakan kenderaan dan juga mengundang bahaya pengguna. Saya kira spesifikasi utama jalan kampung ini perlu diubah kepada bahan ataupun material yang lebih sesuai memandangkan keadaan cuaca terutamanya di kawasan Pantai Timur. Penurapan jalan ini boleh dikatakan dibuat setiap awal tahun dan juga sepanjang tahun.

Seterusnya berkait dengan Dasar Perumahan Negara. Menurut statistik Bank Negara Malaysia, terdapat lebih 130,000 unit rumah kediaman yang tidak terjual sehingga Mac 2017 dengan 83 peratus berharga lebih daripada RM250,000, di mana 61 peratus daripada jumlah tersebut adalah rumah kediaman jenis apartmen. Kenyataan daripada Timbalan Menteri Kewangan juga menyatakan bahawa suku pertama tahun 2017 iaitu sehingga Mac, sebanyak lebih 20,000 unit rumah kediaman yang telah siap tidak terjual. Angka ini adalah naik 30 peratus untuk tempoh yang sama berbanding tahun sebelumnya dengan nilai sebanyak RM12.26 bilion.

Kondominium dan apartmen yang berharga lebih RM500,000 mendominasi lebih daripada separuh jumlah tersebut. Adakah ini menunjukkan berlaku lambakan rumah dalam negara di mana berlaku ketidakseimbangan antara keperluan jenis rumah dan bekalan serta pembinaan rumah oleh para kontraktor. Adakah para kontraktor hanya berminat menyediakan rumah-rumah bernilai RM250,000 ke atas memandangkan nisbah keuntungan yang lebih tinggi berbanding pembinaan rumah mampu milik bernilai RM250,000 ke bawah.

Menurut *Housing Watch*, sebanyak 57.3 peratus isi rumah dalam negara yang berpendapatan sehingga RM5,999 hanya mampu memiliki unit kediaman yang berharga sehingga RM345,000. Daripada jumlah tersebut, isi rumah yang berpendapatan sehingga RM1,999 hanya mampu memiliki unit kediaman yang berharga di antara RM112,000 sehingga RM124,000 sahaja. Jelas bahawa terjadinya lambakan rumah kediaman tidak terjual disebabkan ketidakseimbangan antara permintaan dengan jumlah mahupun jenis rumah yang dibina, ketidakmampuan rakyat yang kebanyakannya berpendapatan rendah untuk memiliki unit kediaman yang mahal harganya serta kesukaran mendapatkan pinjaman perumahan.

Di sini saya ingin menyarankan agar kerajaan menambah baik dasar serta mengkaji semula sistem pelaksanaannya untuk memperbaiki keadaan yang berlaku sekarang. Di mana pertamanya, kerajaan perlu mengkaji semula hala tuju Dasar Perumahan Negara untuk satu tempoh jangka pelaksanaan seperti lima atau sepuluh tahun. Kerajaan juga perlu mengawal selia dan menetapkan harga unit kediaman di dalam pasaran terutamanya rumah mampu milik agar harganya berpatutan.

Kerajaan juga perlu menjalankan kajian menyeluruh tentang keperluan semasa unit kediaman di dalam negara dan mengawal selia pemaju perumahan terutamanya pemaju swasta dengan menetapkan syarat tertentu seperti mewajibkan membina sejumlah peratusan tertentu rumah mampu milik dalam setiap projek perumahan yang dibina.

Juga di sini, kerajaan perlu menetapkan syarat agar pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri menyemak dahulu keperluan semasa jenis rumah kediaman sebelum meluluskan sesuatu permohonan pemaju perumahan yang baru. Begitu juga sektor perbankan digesa agar mewujudkan satu mekanisme pinjaman mudah kepada peminjam terutamanya untuk rakyat berpendapatan rendah dan pinjaman rumah mampu milik. Kerajaan juga dicadangkan agar mewujudkan satu tabung khas

pinjaman perumahan kepada golongan berpendapatan rendah untuk membeli rumah mampu milik seperti untuk melunaskan pembayaran deposit yang agak tinggi. Kerajaan juga perlu memantau kualiti pembinaan rumah mampu milik agar berpadanan dengan harga yang ditawarkan. Kerajaan juga digesa memaksimumkan serta mengutamakan penggunaan tanah milik kerajaan di bandar-bandar besar untuk membina rumah mampu milik berbanding pembangunan yang lain.

■1150

Kerajaan juga boleh menyerahkan tanah milik kerajaan yang digazetkan untuk pembangunan rumah mampu milik kepada agensi kerajaan seperti UDA ataupun PR1MA berbanding pemaju perumahan swasta untuk mengelakkan kenaikan harga melampau ataupun untuk mengelakkan terbinanya rumah yang tidak mampu dimiliki rakyat. Jika kerajaan benar serius dalam usaha untuk memastikan setiap rakyat mampu memiliki rumah kediaman, satu usaha yang bersepada perlu dilakukan untuk memastikan ia dapat dicapai dengan mengolah semula sistem serta dasar perumahan sedia ada yang ternyata jelas lemah dan tidak berdaya saing.

Saya akhiri ucapan saya ini dengan ucapan sekali lagi terima kasih. Sekian, *wabilahitaufik walhidayah. Wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid.

11.51 pg.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam negaraku. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk perbahasan Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak di Dewan Rakyat pada 27 Oktober yang lalu.

*Dari Pekan ke Putrajaya,
Singgah Temerloh menjamu patin,
Bajet kali ini amat inklusif dan berjaya,
Buah tangan PM dan kerajaan BN yang prihatin.*

Bajet 2018 ini bertemakan, ‘Memakmurkan ekonomi yang inklusif, mengimbangi keunggulan duniawi dan ukhrawi demi menyejahterakan kehidupan rakyat menuju aspirasi Transformasi Nasional 2050’. Bajet 2018 ini memperuntukkan RM280.25 bilion berbanding RM260.8 bilion pada tahun 2017. Ini membuktikan komitmen peruntukan bajet mengurus lebih 75 peratus sebanyak RM234.25 bilion berbanding belanja pembangunan 25 peratus sebanyak RM46 bilion. Peruntukan mengurus yang lebih tinggi ini menggambarkan komitmen kerajaan dalam pembangunan modal insan, perubahan sikap dan menyediakan mentaliti kelas pertama bagi menjelang Wawasan 2020 dan TN50. Kebanyakan bajet mengurus ini lebih berfokus kepada mengurangkan kos sara hidup kini, meningkatkan kualiti kebajikan rakyat bersasar, bantuan subsidi barang kawalan, kesan manipulasi GST oleh peniaga dan perubahan ekonomi global.

Peruntukan mengurus yang tinggi menepati kos mengurus yang bijaksana dalam program pembangunan modal insan masyarakat Orang Asli seperti bantuan persekolahan, bayaran

pengangkutan, program PLKK, program keusahawanan, elaun Tok Batin dan penghulu, elaun JKK, wang saku, elaun catuan makanan dan sebagainya. Ini amat penting untuk mengubah sikap dan mentaliti Orang Asli dengan program pembiayaan ini, hendaklah diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya membawa dua keadaan. Sekiranya Orang Asli yang diberikan sebuah rumah PPRT bernilai lebih kurang RM57,000 dalam projek pembangunan, adakah masalah pendidikan akan selesai? Adakah kemiskinan akan selesai? Adakah anak dan cucu keluarga tadi tidak mohon lagi rumah PPRT? Semua ini belum tentu.

Akan tetapi, kalau kita melihat pembangunan modal insan jika kerajaan memberi peluang pendidikan yang lebih luas dan besar kepada masyarakat Orang Asli. Contohnya pelajar Orang Asli yang diberi ruang belajar di MRSM, asrama penuh, pusat intelek pelajar Orang Asli, peringkat diploma dan sehingga peringkat ijazah di luar negara. Kalau kita melihat komitmen kerajaan untuk menyediakan bantuan persediaan RM3,000 kepada pelajar yang mula mendaftar di IPTA seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bajet yang lalu, kita akan melihat perubahan besar dalam masyarakat Orang Asli.

Sekiranya Orang Asli tadi peringkat awalnya dapat RM3,000 kemudian belajar di peringkat diploma mungkin dapat biasiswa RM20,000 hingga RM25,000 kemudian menyambung peringkat ijazah lebih kurang RM40,000 dan jika pelajar tadi menjadi mahasiswa luar negara menyambung peringkat ijazah ataupun *Master* dan *PHD*, beliau akan menerima lagi biasiswa RM200,000 hingga RM1 juta. Jika kita lihat perkara ini, pelajar yang telah berjaya tentunya akan duduk berkerjaya dengan lebih baik. Tentulah akan berkeluarga dan berkahwin dengan lebih baik.

Sudah tentu pembangunan modal insan ini akan mengubah masa depan Orang Asli daripada satu generasi seterusnya ke generasi-generasi yang akan datang. Pendidikan Orang Asli kalau kita lihat dalam cabaran yang meluas ini, perlunya sokongan dan dukungan kerajaan dalam membantu pelbagai bidang dan peluang. Kalau kita melihat cabaran hendak pergi sekolah kemudian cabaran duduk di asrama, cabaran persaingan dengan arus perdana, perlunya kita melihat peruntukan yang lebih besar dalam pembangunan modal insan dan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus menjurus ke teras nombor dua iaitu menuju inspirasi TN50. Dalam tempoh yang terdekat ini, masyarakat Orang Asli semakin berjaya dalam bidang kesukanan. Ini terbukti dalam beberapa acara negara iaitu dalam Sukan SEA. Norashikin Mohd Sayed, kaum Mah Meri, Selangor, pelajar UiTM Arau. Pemenang pingat perak Sukan Perahu Layar juga pernah memenangi pingat emas Sukan SEA sebelum ini. Zumika Azmi dan adiknya, Sasha Azmi di antara pemain kriket tim wanita negara telah memenangi pingat gangsa dalam Sukan SEA KL 2017. Atlet di bidang lain yang membanggakan iaitu Azrul Affendi bin Adi, suku Temuan, johan permotoran *cub prix ProAm Malaysia*, naib johan *Honda Future One Max Challenge*.

Minggu lepas, adik Lanida Dahlan, 14 tahun dari suku Jakun memenangi tempat pertama, johan Kejohanan Catur Peringkat Umur Asia Tenggara ke-18 di Kuantan. Amar Daniel bin Masri, orang Kuala, atlet basikal negara telah menyertai Kejohanan Basikal Dunia di Itali pada tahun ini. Abdul Fattah bin Abdul Samad, kaum Jakun dari Johor, pelajar UiTM telah menyertai *Bridgestone World Solar Challenge* di Adelaide, Australia. Tiga pelajar Orang Asli kuala dari Kampung Seri Pantai telah terpilih menyertai Pasukan Bola Sepak JDT Junior.

Pencapaian-pencapaian yang cemerlang ini telah mencerminkan komitmen perubahan kerajaan, perubahan anjakan paradigma masyarakat Orang Asli telah bergerak progresif dan proaktif dalam bidang kesukunan. Semoga sokongan pelbagai pihak terutama JAKOA, KKLW dan Kementerian Belia dan Sukan terus menjayakan atlet ini.

Teras ketiga mengungguli pendidikan latihan kemahiran serta bakat. Usaha kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak terus memperkasakan pendidikan Orang Asli. Dalam bajet kali ini, kerajaan telah menyediakan insentif ke IPT bernilai RM3,000 seorang. Ini kerana ibu bapa tidak mampu menyediakan kewangan bagi persediaan kanak-kanak ke IPT. Terdapat kes pelajar yang melaporkan diri ke IPTA hanya sehelai sepinggang, hanya mendaftar diri dengan kewangan yang tidak cukup malah ada juga pelajar yang menunggu duit biasiswa dua bulan ke tiga bulan.

Bayangkan apa akan terjadi jika pelajar ini tidak mampu bertahan? Ramai pelajar yang sering puasa, ikat perut dan meminjam dengan kelewat biasiswa yang disalurkan kepada pelajar dan juga duit persediaan pada pendaftaran. Saya mengucapkan terima kasih atas komitmen terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menyediakan pakej persediaan pelajar ini.

Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan Bajet 2018 ini, kerajaan telah memperuntukkan RM60 juta pembangunan sekolah daif di bawah kementerian. Kita tahu banyak sekolah Orang Asli di pedalaman yang kejauhan daripada perubahan, yang kejauhan daripada modenisasi, serba kekurangan, serba kedaifan.

■1200

Kekurangan peruntukan infra dan prasarana masih banyak untuk dibina dan di baik pulih. Saya memohon Kementerian Pelajaran menyediakan lebih sedikit peruntukan supaya lebih banyak bajet untuk baik pulih dan pembinaan sekolah Orang Asli dapat ditumpukan.

Di sini saya memohon kepada Kementerian Pelajaran menyediakan asrama yang lengkap bagi Asrama Muhibah, asrama pelajar Orang Asli Sri Wangi, Gua Musang, Kelantan. Di sekolah tersebut telah dibina dewan besar untuk asrama melalui peruntukan Yang Berhormat Parlimen Gua Musang. Namun asrama tersebut tidak sempurna atau belum boleh diduduki kerana tidak mempunyai *partition*, dengan izin, kerana tidak sempurna lagi proses penambahbaikan bagi asrama tersebut. Saya mohon KPM membantu Yang Berhormat Parlimen Gua Musang untuk menyiapkan asrama ini supaya dapat dilengkapi dengan kemudahan yang baik dan dapat diduduki oleh pelajar-pelajar asrama Sri Muhibah.

Soalan saya kepada Kementerian Pelajaran, berapakah peruntukan yang dibelanjakan bagi penambahbaikan dan baik pulih sekolah-sekolah Orang Asli pada 2017? dan bajet penambahbaikan dan baik pulih sekolah Orang Asli yang dirancang pada tahun 2018?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, seminit.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Boleh saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, bajet terdahulu...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat saya mohon mencelah.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Ya, silakan.

Dato' Sri Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih mohon mencelah. Yang Berhormat, saya masih ingat lagi suatu ketika dulu ada anak-anak Orang Asli ini yang lari, tidak pergi sekolah tetapi didapati meninggal kerana jatuh sungai dan sebagainya dan apabila di- ini mantan Yang Berhormat Datuk Olian dulu sewaktu mewakili Orang Asli bercerita dengan saya. Rupa-rupanya dia dimarahi oleh, budak-budak ini dimarahi oleh guru sekolah berkenaan pada ketika itu sebab mereka ini datang lambat ke sekolah dan sebagainya.

Saya kata kenapa yang jadi masalah. Dia kata masalah dia kata sebab guru-guru sekolah ini yang dihantar ke sekolah-sekolah di dalam pedalaman, di dalam hutan dan sebagainya. Mereka ini juga menghadapi masalah *stress*. Bila cikgu-cikgu ini ada masalah *stress*, dia tidak peduli masalah yang dihadapi oleh budak-budak, anak-anak Orang Asli ini. Jadi dia terus marah, dia tidak tanya kenapa datang lambat, kenapa tidak pakai kasut. Dia tidak peduli soal-soal itu. Dia pun *stress* sebab dia pergi duduk di situ. Rumah elektrik tidak ada dan sebagainya.

Adakah yang ini Yang Berhormat- tidak tahuhlah melalui Jabatan Orang Asli kah apa minta kepada KPM supaya melihat perkara-perkara seperti ini supaya jangan berlaku lagi kerana kita khuatir.

Saya tidak tahuhlah Yang Berhormat maklum atau tidak maklum atau tidak perkara-perkara seperti ini. Sebab kalau setakat buat asrama tetapi di tempat yang tidak boleh ada asrama, tidak boleh ada kemudahan asas seperti air, elektrik dan sebagainya. Jadi sekolah-sekolah ini boleh kita buat, asrama boleh di buat kalau kawasan bandar. Akan tetapi, saya fikir macam mana hendak buat dalam hutan bila kemudahan asas ini tidak sampai ke sana. Tidak tahuhlah Yang Berhormat sedia maklum atau tidak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin terima kasih kerana prihatin masalah pendidikan Orang Asli. Apa yang berlaku daripada kes SK Tohoi tersebut memang suatu kisah tragis dalam pendidikan masyarakat Orang Asli apabila lima daripadanya meninggal dan dua hidup dan inilah yang saya katakan perlunya keadilan sosial pendidikan kepada masyarakat Orang Asli.

Walaupun guru-guru ini banyak bertugas di pedalaman, sokongan daripada kementerian dan agensi kerajaan untuk menyediakan kemudahan kehidupan yang lebih baik. Contohnya kuarters, bilik sekolah atau bilik darjah yang kondusif dan juga asrama. Sebab kita melihat hatta guru pakar yang masuk ke kampung Orang Asli, 60 km-40 km hendak jumpa, hendak telefon isteri pun payah. Guru pakar pun jadi pekak di sana. Inilah saya melihat, saya setiap kali dalam bajet saya akan meminta Kementerian Pelajaran melihat isu dan bantuan pendidikan kepada prasarana dan infra sekolah-sekolah Orang Asli.

Seperkara lagi, saya melihat tentang guru-guru yang ditempatkan di sekolah-sekolah pedalaman Orang Asli. Kadang-kadang guru-guru ini yang guru-guru buangan, tidak kita nafikan. Kadang-kadang, sebahagian daripada guru yang bermasalah yang kadang-kadang kita hendak tempatkan dekat mana, tidak ada. Kita letak di kampung Orang Asli sebagai proses untuk pemulihan.

Akan tetapi, sebenarnya dia tidak boleh. Dia masih merosakkan guru itu. Seperti yang soalan pagi tadi apabila kita melihat guru-guru kaunseling. Bukan setakat guru kaunseling, guru yang perlu di kaunseling pun banyak.

Sebab itu, kementerian perlu melihat IPGM itu lebih perlu menambah lebih ramai guru-guru pelatih Orang Asli. Sebabnya setakat ini IPGM hanya melatih 20 orang hingga 25 orang setahun sedangkan ada terdapat 93 sekolah 100 peratus Orang Asli. Tidak termasuk sekolah majoriti sekolah Orang Asli. Ini lebih daripada 100 kalau di campur. Dengan 20 orang setahun yang kita latih untuk kita tempatkan di lebih kurang di 100 sekolah Orang Asli, lima tahun untuk dapat seorang guru. Ini tidak adil dalam pendidikan saya kata. Berani saya katakan begini sebab bagaimana kita hendak melihat guru yang ada jiwa Orang Asli, guru yang ada kefahaman budaya Orang Asli dan kekitaan Orang Asli itu perlu ditempatkan dalam sekolah-sekolah Orang Asli. Ini saya minta Kementerian Pelajaran menjelaskan perkara ini.

Terima kasih, kepada Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin. Boleh saya menyambung?

Bajet 2018 ini juga memperuntukkan RM57 juta Program Bantuan Makanan Komuniti. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi catuan makanan iaitu makanan yang disediakan untuk sekolah pedalaman apabila anak-anak ini pergi sekolah, disediakan sedikit sarapan pagi. Kemudian sebelum dia balik, disediakan sedikit untuk makanan tengah hari. Makanan ini bernilai RM2.50 untuk sarapan dan makan tengah hari. Adalah amat tidak sesuai dan tidak relevan dengan kos hari ini. Dengan nilai yang ada ini mampu kah pengusaha kantin atau katering menyediakan makanan yang selesa dan kenyang untuk anak-anak Orang Asli?

Dengan ini saya melihat satu ketidakadilan, penganiayaan kepada anak-anak Orang Asli yang sanggup pergi ke sekolah dengan keadaan makanan yang menyedihihkan ini. Kelmarin, Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim dan Yang Berhormat Senator Dato' Shukur menjelaskan tentang bantuan yang amat kecil kepada bantuan makanan anak-anak asrama anak yatim. Hari ini saya berkongsi masalah yang sama tentang bantuan catuan makanan untuk anak-anak Orang Asli.

Kementerian Kewangan dan juga JAKOA perlu melihat, turun padang melihat perkara-perkara yang begini supaya lebih kita dapat atasi masalah-masalah yang terlepas pandang. Saya pernah bawa pegawai BRO iaitu *budget review officer*...

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Isa ialah dari segi pengusaha kantin ataupun pengusaha yang menyedia makanan kepada murid-murid ini.

Saya ingin mohon penjelasan ataupun Yang Berhormat Senator Dato' Isa boleh bersetuju dengan saya tidak, oleh kerana dasar kita dasar kerajaan yang memberi tempoh tertentu kepada pengusaha-pengusaha kantin ini. Itulah yang membuat keadaan itu sedikit bermasalah kerana kontrak kepada pengusaha-pengusaha ini agak pendek dan juga alasan ataupun faktor yang menentukan penerusan kepada penyediaan makanan ini bukan berdasarkan kepada kualiti, dia berdasarkan kepada tempoh masa.

■1210

Apabila sesuatu tempoh masa itu telah sampai, maka orang yang sama juga tidak layak lagi untuk mengusahakan makanan ini. Ini salah satu faktor yang saya nampak dia bukan satu alasan ekonomi bagi pengusaha-pengusaha ini untuk mencukupi bajet yang ada.

Saya yakin, dan adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, peruntukan ini saya rasa telah diambil kira segala kos dalam pasaran. Akan tetapi apabila pengusaha kantin ini yang tempohnya terlampaui pendek, jadi semaksimum mungkin pengusaha-pengusaha ini akan cuba mengoptimalkan kos dan juga keuntungan dalam tempoh, kalau saya difahamkan, pengusaha ini semua diberi tempoh dalam masa dua tahun saja untuk kontrak itu.

Mohon penjelasan ataupun boleh Yang Berhormat jelaskan perkara ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih kepada Yang Berhormat Ramli bin Shariff. Saya setuju melihat kepada kontrak kantin di pedalaman itu boleh lebih fleksibel sebab kadar margin keuntungannya sangat rendah dan sebahagian daripada katerer atau pengusaha kantin ini amal jariah. Yang saya tekankan RM2.50 nak disediakan tadi untuk sarapan pagi- dan saya pernah bawa pegawai *budget review officer* atau BRO, melawat SK 'Sin Road'. Makan pagi sudah selesai. Apa yang dimakan kami tidak jumpalah, kami tidak lihat. Akan tetapi apa yang dilihat kami waktu balik makan tengah hari ialah nasi berkuah sardin. Bukan berlauk sardin. Berkuah sardin. Bila kita tanya, dengan RM2.50 inilah yang kami mampu bagi.

Ini yang saya katakan tadi kita perlu melihat keadilan kepada pengusaha kantin satu faktor, kepada pelajar satu faktor. Sebab, kadang-kadang kita melihat banyak projek-projek lain yang kita lihat boleh diambil kira untuk dikurangkan dan diberi fokus kepada pembangunan pendidikan yang sepautnya yang saya jelaskan tadi.

Namun, pemakanan yang dibekalkan ini macam ada, tapi kalau dilihat macam tidak berzat. Sebab itu pendidikan sekolah Orang Asli, pelajarnya kadang-kadang kita pelik. Seratus peratus tidak lulus pun ada. Seolah-olah pelajar itu macam tidak pergi sekolah tapi ambil periksa. Walaupun kita tahu sebahagiannya tidak ambil periksa tetapi kita kena faham pendidikan Orang Asli asasnya adalah 3M, bukan hanya pada peperiksaan, dan ini yang perlu kita lihat dalam bantuan catuan makanan ini. Terima kasih.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?. Minta izin daripada Yang Berhormat Senator Isa. Boleh?

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Silakan.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Saya juga terpanggil untuk memprihatinkan persoalan yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Isa sebentar tadi mengenai kedudukan ketidakcukupan peruntukan untuk makan dan minum ya. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Senator Isa, adakah sudah dibuat usaha untuk mendapatkan bantuan sampingan kewangan untuk peruntukan makanan dan minuman daripada institusi-institusi zakat yang ada dalam negara kita hari ini, sama ada di pusat ataupun di negeri-negeri? Terima kasih.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Bantuan pendidikan ini selalunya berfokus kepada JAKOA. Sebab itu kalau ada agensi ataupun pihak-pihak tertentu yang boleh menjadi *second alternative*, dengan izin,

untuk meningkatkan sistem penyampaian bantuan ini, boleh kita ambil kira, boleh kita usahakan sebab kita melihat JAKOA pun adakekangan bajet. Sebab itu saya katakan tadi Kementerian Kewangan mesti turun melihat perkara-perkara yang perlu ditambah baik terutamanya dalam bantuan makanan tadi.

Saya menyentuh lagi perkara yang berkaitan dengan pendidikan. Begitu juga dengan bantuan wang saku. Bagi pelajar Orang Asli di sekolah menengah, bantuan wang saku RM2.50 sebagai insentif kehadiran. Kita nak menggalakkan pelajar Orang Asli sekolah menengah untuk rajin ke sekolah dan insentifnya RM2.50 ini saya rasa kos yang dinilai hampir 10 tahun lepas. Namun pergerakan inflasi dan kos makanan, kos sara hidup sejak tiga, empat tahun ini sangat drastik meningkat, RM2.50 ini sangat lagi tidak praktikal. Dengan kos RM2.50 ini, untuk nak beli nasi ayam sudah tidak dapat, beli nasi saja, ayam tidak dapat.

Maka, itu saya katakan JAKOA, KKLW, MOF perlu lihat juga bantuan wang saku ini. Sebab, ini kita melihat sebahagian mungkin dalam *10 percent* Orang Asli mampu dan tidak ada masalah untuk menyediakan bantuan wang saku untuk anaknya pergi sekolah dengan kadar RM5 ke RM10. Akan tetapi, *70 percent* masyarakat Orang Asli amat bergantung kepada inisiatif ini dan insentif ini untuk memotivasi pendidikan di samping dapat menampung perbelanjaan waktu rehat, waktu makan tengah hari untuk anak-anaknya.

Soalan saya, bilakah JAKOA dapat menambah bilangan wang saku daripada RM2.50 ini kepada nilai yang lebih praktikal mungkin RM5?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh lagi bantuan elaun makanan pelajar Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Sekarang ini pelajar yang menyambung belajar bagi pelajar Orang Asli yang ingin belajar, hanya disediakan elaun makanan bulanan bernilai RM150 sebulan. Mana cukup dengan kadar masa kini. Kalau kita lihat, makan dua kali sehari dengan kadar RM15 pun sudah RM450 sebulan.

Kalau kita melihat, kita perlu menghargai, memotivasi pelajar mahasiswa IPTS yang berminat belajar untuk mengubah hidup dan menambah ilmu pengetahuan. Walaupun kita tahu IPTS ini mempunyai kelayakan akademi yang rendah dan agak *tolerate*, tolak ansur ataupun longgar, namun kesanggupan pelajar Orang Asli ini untuk terus belajar, meningkatkan kualiti hidup perlu disokong dengan galakan insentif makanan bulanan tadi dengan lebih baik. Kalau dengan RM150 sebulan ini, duit *top up* pun tidak cukup, kalau nak dinilai di situ tetapi nak nilai makan, lagilah jauh. Sebab itu saya mohon pihak Kementerian Luar Bandar dan Kementerian Kewangan, perkara ini perlu dilihat lebih serius.

Soalan saya kepada JAKOA, bilakah benda ini dapat diperbaiki dan berapakah peruntukan bantuan elaun makan IPTS yang disalurkan pada tahun 2017?

Tuan Yang di-Pertua, JAKOA perlu merancang pembayaran untuk pelatih-pelatih IPGM. Saya dimaklumkan IPGM ada cadangan untuk melupuskan dan mengurangkan bayaran elaun pelatih IPGM yang dengan ini akan menjaskan lebih kurang 120 orang pelajar Orang Asli di IPGM yang sepenuhnya bergantung kepada JAKOA.

Kita juga perlu membantu pelajar-pelajar ini dengan bantuan komputer dan peranan ibu bapa perlu ditingkatkan supaya pendidikan untuk melahirkan pendidik-pendidik Orang Asli yang boleh masuk mengajar dan bertugas di pedalaman Orang Asli diperbanyakkan.

Saya ingin bertanya kepada JAKOA, bilakah peruntukan komputer boleh disalurkan kepada pelajar IPGM sebagaimana yang dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Orang Asli pada 17 Julai yang lalu?

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkasakan belia Orang Asli, JAKOA telah menyediakan program latihan kerjaya sejak tahun 2010. Ramai belia telah bekerja di arus perdana. Tiga bulan yang lalu, saya ke pusat latihan PLKK di Ibnu Hayyan, Bandar Hilir, Melaka. Saya sendiri melihat pelatih-pelatih beliawanis yang dilatih dengan kemahiran taska dan tadika. Sekiranya mereka berkahwin, mereka menjadi ibu yang berkemahiran rumah tangga, berpenjagaan anak-anak yang terasuh dengan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti berbanding beliawanis yang tidak memasuki program PLKK ini.

Lawatan kedua saya ke pusat PLKK di Heritage, Seremban 2, Negeri Sembilan. Lebih kurang 120 orang pelajar belia dan beliawanis dilatih dalam kemahiran elektrik, paip, pramusaji dan kesetiausahaan.

■1220

Saya bertanya kepada pusat pengendali, apakah beza pelatih yang diambil tahun 2010 dan 2017? Pengurus menjawab pertama, tahap pendidikan yang semakin tinggi. Dulu lepasan pelatih hanya Darjah 6 dan pandai menulis, pandai membaca dan paling tinggi SRP. Sekarang ini pelatih 2017, lebih *70 percent* lepasan SPM. Ini menunjukkan kualiti pendidikan yang semakin tinggi dan pelatih PLKK yang lebih baik dan berkualiti dapat dijayakan untuk masyarakat Orang Asli.

Kedua, dimaklumkan gejala sosial. Dulunya ramai yang *engkem*. "*Engkem*" istilah peminum alkohol bagi masyarakat Orang Asli. Dulu terdapat banyak botol-botol di asrama-asrama. Kini pada pelatih-pelatih 2017, benda ini sudah tidak ada, sudah tidak berlaku. Ini saya melihat suatu perubahan yang sangat besar sebab kita hendak melihat mengurangkan gejala sosial antara yang paling serius ialah alkohol dan juga dadah.

Saya telah berjumpa dengan pelatih PLKK di RAPID Petronas Pengerang. Beliau merupakan suku kaum Semai dari Perak. Beliau telah bekerja selama tiga tahun dan pendapatan beliau sekarang mencecah RM5,000. Inilah kita melihat bahawa pentingnya program PLKK ini diteruskan, diperluaskan supaya lebih ramai belia-belia Orang Asli dapat dilatih dengan pelbagai kemahiran dan dijayakan dengan kerjaya yang lebih baik dan tidak lagi bertumpu kepada sumber alam ataupun sektor pertanian. Ramai daripada pelatih ini telah dilantik menjadi pengurus cawangan spa, salon, pusat taska dan tadika. Ada yang menjadi *mobile entrepreneur spa*, ada yang telah bertugas di hotel lima bintang, di *Westports* Pelabuhan Klang, di KLIA, di KLCC dan juga di Singapura.

Program ini telah banyak mengubah sikap dan penampilan belia Orang Asli lebih positif, lebih menarik, *smart*. Justeru itu, saya mengucapkan tahniah kepada JAKOA atas program yang sangat bermakna dan saya menyokong program ini diteruskan, diperluaskan. Saya mohon kepada...

Tuan Ramli bin Shariff: Mencelah.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Ya, silakan.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon penjelasan atau penerangan daripada rakan saya, Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid ini. Oleh sebab pendedahan yang baru kepada belia-belia Orang Asli ini, soalan saya ataupun penjelasan yang diminta daripada Yang

Berhormat ialah adakah berlakunya perubahan gaya hidup ataupun *life style* belia-belia Orang Asli ini apabila belia-belia Orang Asli ini telah diberi latihan dan diberi pendedahan yang lebih di dunia luar. Saya hendak tanya dari segi keadaan gaya hidup ataupun *life style* yang positif ataupun menyumbang kepada perkara yang negatif. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff. Perubahan gaya hidup yang kita lihat semakin baik. Kalau kita lihat penampilan dulunya dengan kusut masai, dengan tidak ceria. Sekarang pelatih ini kebanyakan antara program PLKK yang diminati ialah salon dan kecantikan. Maka penampilan juga sangat menarik dan kita lihat sudah tidak nampak seperti Orang Asli, lebih cantik daripada orang lain.

Bukan maksud kita hendak menukar itu menjadikan dia tidak asli, tetapi kita hendak melihat penampilan itu menarik dan dia menjadi lebih yakin diri untuk terlibat dalam arus perdana. Walaupun kita lihat penampilan fizikal itu satu faktor, tetapi penampilan dalaman, perubahan sikap yang kita hendak. Seperti yang saya katakan tadi, daripada pemium alkohol sudah tidak menjadi pemium alkohol. Daripada terlibat dengan gejala sosial melepak, menganggur dan sebagainya, dia sudah ada kerjaya, sudah ada pendapatan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada JAKOA untuk menyediakan program PLKK bagi lepasan Diploma dan Ijazah. Dapatan kajian saya terdapat beberapa mahasiswa yang mengikuti program ini dan ada pelajar mahasiswa luar negara yang mengikuti program PLKK Orang Asli ini. Ini akan dapat meningkatkan kualiti mahasiswa bukan sahaja dari segi akademik, malah ia memiliki sijil kemahiran yang berkaitan dengan sijil akademik. Mereka mempunyai kelebihan, *advantage* dengan izin, untuk penempatan kerjaya. Ini akan mengurangkan mahasiswa menganggur kerana mereka memiliki kemahiran yang lebih berbanding mahasiswa yang tidak ada kemahiran. Perlu dilaksanakan program PLKK lepasan Diploma dan Ijazah ini bagi kemahiran-kemahiran tertentu yang berfokus kepada kemahiran-kemahiran tinggi seperti *oil and gas*, seperti spa. Ini sebab spa pun mempunyai satu kemahiran yang tinggi.

Saya menjurus kepada teras keempat, pamacuan pembangunan eksklusif. Bagi pembangunan masyarakat Orang Asli, kerajaan menyediakan RM60 juta peruntukan pembangunan bersepadu. Kerajaan dan kementerian mestilah menyemak semula dan menambah peruntukan projek pembangunan terutamanya rumah PPRT, infrastruktur jalan raya. Walaupun pihak KKLW telah berjaya menyiapkan lebih 80 peratus pembangunan jalan, pembangunan api, elektrik dan infrastruktur, namun baki projek yang belum disiapkan amat tinggi dan jauh di pedalaman. Kos yang besar perlu dilihat sebab projek-projek di pedalaman Orang Asli berpuluhan juta dalam satu-satu jalan. Contohnya Sederut RM33 juta, Pos Hendrop baru-baru ini pun RM30 juta lebih. Maka kita melihat walaupun baki 20 percent, peruntukan yang lebih besar perlu diturunkan lagi untuk pembangunan infrastruktur masyarakat Orang Asli.

Soalan saya, berapakah jumlah peruntukan pembangunan tahun 2017 yang telah dibelanjakan dan projek sambungan tahun 2018? Soalan kedua, apakah pelan perancangan JAKOA dalam agihan projek 2018 dengan peruntukan pembangunan bersepadu yang berjumlah RM60 juta itu?

Bagi teras kelima, mengutamakan kesejahteraan rakyat dan menjana pendapatan. Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkasakan usahawan dan koperasi Orang Asli, tahniah kepada JAKOA dan

KKLW kerana telah berjaya menganjurkan Karnival Usahawan Orang Asli pada setiap tahun. Pada tahun 2017 ini, Karnival Usahawan telah ditukar konsep kepada Karnival Orang Asli yang menampilkan 18 etnik Orang Asli. Karnival ini memasukkan pelbagai aktiviti. Antaranya keusahawanan, pameran, kebudayaan, persembahan...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Ya.

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat, minta mencelah lagi. Tuan Yang di-pertua, saya hendak mencelah ini sebab saya sedih dengar bila Yang Berhormat Dato' Isa cerita fasal Orang Asli ini seolah-olah Orang Asli ini satu benda yang jijik. Padahal saya rasa Orang Asli ini kita kena terima, jangan ada *inferiority complex*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Kita kena terima bahawa Orang Asli ini sebenarnya adalah Orang Asli di Tanah Melayu. Mereka yang pertama yang tinggal di sini. Kita semua yang ada ini kalau tidak Orang Asli, kita adalah daripada Nusantara. Saya daripada Aceh contohnya, Yang Berhormat Datuk Halimah mungkin daripada Manado. Fasal itu *comel / lote*. Ini sebab orang Manado memang comel. Saya bagi contohlah. Ini contoh. Jadi kita ini dari Nusantara, kita datang ke sini pada ketika itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada kena mengena dengan Maria Manado?

Dato' Sri Khairudin Samad: Saya? Saya Aceh.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak. Datuk Halimah.

Dato' Sri Khairudin Samad: Datuk Halimah, saya rasalah sebab comel. Orang comel ini, orang Manado memang comel. Saya sudah pergi banyak kali, saya tahu lah. Cuma tidak berani hendak tambah. Pergi banyak kali, tidak berani hendak tambah sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Apa sebabnya?

Dato' Sri Khairudin Samad: Muka macam Yang Berhormat Datuk Halimah ramai dekat sana. Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak ikut saya, boleh. Saya bawa tetapi kena 'TUB'...

Timbalan Yang di-Pertua: TBB!

Dato' Sri Khairudin Samad: TBB. Ya, "takut..."

Timbalan Yang di-Pertua: ... "...Bini bising."

Dato' Sri Khairudin Samad: "Takut bini bising." Itu sahaja. Tidak saya ini, cuma adakah perkataan lain kalau kita boleh gunakan. Kalau tidak, Orang Asli, mereka akan fikir mereka ini terpinggir, disisihkan daripada pembangunan, arus pembangunan dalam negara ini.

■1230

Mereka akan rasa seolah-olah mereka ini masih lagi Orang Asli. Dulu sewaktu penjajah dulu, dia panggil mereka ini- saya masih ingat lagi kita bersekolah dulu, *the aborigines*. Kita yang tukar ke Orang Asli sebab ada Jabatan Orang Asli.

Akan tetapi kalau boleh kita, Yang Berhormat kalau bersetuju, kita bagi satu nama yang lebih sesuai. Anak Persekutuan Tanah Melayu kah, daripada jadi anak Orang Asli. Oleh sebab mereka tinggal di- lepas itu tidak ada. Bila kita dengar, baru *start* nak pakai bedak dan *start* pakai gincu. Lepas itu ada orang tanya pula wakil Orang Asli pun, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid pun kata sekarang ini dah comel, dulu tak comel. Hendak comelkan sampai Menado memang lama lagi lah kan, Yang Berhormat Datuk Halimah? Hendak comel sampai Menado susah. Akan tetapi boleh kalau

kita cari jalan macam mana kita hendak selesaikan perkara ini, kalau tidak, mereka rasa macam terpinggir. Bila terpinggir ini, so itu yang jadi masalah, dia hendak maju pun tak mahu.

Kita kena bantu mereka ini, macam mana ini? Kalau boleh JAKOA ke, sebagainya, cari satu kaedah baharu untuk membantu mereka. Kita hendak bawa mereka keluar, ini bukan senang. Saya-siapa entah cerita dekat saya. Ada pendakwah yang datang ke Pahang hendak Islamkan beberapa orang di situ. Masa ustaz ini *dok* bagi ceramah, lepas itu anjing masuk. Anjing yang dipelihara sebab dia banyak pelihara anjing sebab dia memburu di dalam hutan. Anjing masuk Tuan Yang di-Pertua, bila anjing masuk, ustaz itu tegur. Dia kata, "Minta maaf ya. Anjing siapa ini?" Lepas itu orang itu pun angkat tangan, tuan punya anjing. "Dalam Islam, anjing tak boleh." Dia beritahu dekat ustaz, "Ustaz, minta maaf, anjing saya tak tahu saya sudah memeluk agama Islam." [Ketawa]

Kadang-kadang benda-benda macam ini kita jangan mengejutkan mereka dengan... [Disampuk] Ha, tak boleh. Kita kejutkan mereka dengan perkara-perkara seperti ini. Orang itu umur 40 tahun, *mai* masuk Islam tapi syarat yang pertama, *you* kena bersunat. Lari dia! Lari tak cukup tanah, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab dia baru masuk, *you* kata hendak kena 'sembelih'. Larilah! Siapa berani duduk situ lagi?

Jadi, kita kena bagi satu pengajaran kepada mereka. Kalau *you* bawa turun, *cultural shock*. Saya tahu lah di Perak ada tempat di mana mereka ini jadi anggota PGA. Dia minta cuti sebulan hendak balik ke kampung dia dalam hutan kerana ada majlis perkahwinan. Bos dia tak bagi. Bos dia kata, "Tak boleh! Seminggu sahaja." Dia cuti sebulan seminggu [Ketawa] Fasal dia minta sebulan, bos dia bagi seminggu, dia kata sebulan seminggu [Ketawa] Jadi, kita hendak kena fahamkan mereka ini dengan perkara-perkara seperti ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh minta kerjasama JAKOA untuk majukan lebih banyak lagi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Bererti memahami budaya mereka ya.

Dato' Sri Khairudin Samad: Ya.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih perkongsian daripada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad. Apa yang saya boleh menambah perkara ini ialah perlunya sokongan pelbagai pihak. Oleh sebab kadang-kadang kita meletak, membangunkan dan menguruskan Orang Asli hanya di bahu JAKOA dan KKLW. Oleh sebab itu, agensi-agensi lain, terutamanya Jabatan Pertanian, FELCRA, RISDA, Jabatan Kesenian dan Kebudayaan, terutamanya pendidikan dan kesihatan memang rapat. Cuma hendak diperkasakan lagi.

Kedua ialah peranan NGO-NGO dan badan-badan sukarela dalam membantu *delivery system*, meningkatkan sistem penyampaian. Oleh sebab limitasi antara jabatan kerajaan ini banyak, birokrasi dan keterbatasannya. Oleh sebab itu kalau kita dapat melibatkan alternatif-alternatif prosedur ataupun pilihan kedua dalam menyampaikan bantuan kepada Orang Asli ini perlu diperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menjelaskan tentang keusahawanan dan koperasi. Pada tahun ini saya mengucapkan tahniah kepada JAKOA kerana berjaya menganjurkan Karnival Orang Asli yang pertama. Konsep lebih luas kepada persembahan, kebudayaan, pameran dan juga keusahawanan. Di samping itu, terdapat juga bual bicara daripada Orang Asli yang berjaya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkaskan. Sila.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Boleh saya sambung petang?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, teruskan. Ringkaskan ya.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Okey. Saya berharap kepada JAKOA untuk terus menganjurkan Festival Orang Asli dalam dimensi yang lebih luas. Saya mencadangkan supaya diadakan karnival yang mengetengahkan menu masakan, pakaian-pakaian tradisi, persembahan-persembahan Sewang yang melibatkan orang awam supaya komuniti masyarakat arus perdana lebih memahami dan lebih mendekati kehidupan Orang Asli yang lebih unik.

Saya melihat karnival ini mendapat sambutan yang hangat dan respons yang baik daripada masyarakat awam serta kehadiran masyarakat orang asing yang ramai untuk melihat lebih dekat pelbagai etnik yang ada iaitu 18 etnik dalam pelbagai cara dan budaya masing-masing. Saya berharap JAKOA dan Bahagian Usahawan MARA supaya menyediakan kursus pemasaran *online* kerana cabaran pemasaran akan datang lebih luas dan tertumpu pada pemasaran *online*. Kursus usahawan siswazah Orang Asli juga hendaklah dilaksanakan sebab kumpulan siswazah Orang Asli lebih mudah dilatih, dibentuk dan dijayakan kerana mereka mempunyai asas pendidikan yang lebih baik dan personaliti yang lebih mantap.

Soalan saya kepada JAKOA, berapakah jumlah geran pembangunan usahawan yang diagihkan pada tahun ini dan jumlah pewujudan usahawan baharu pada RMKe-11?

Bagi memperkasakan koperasi, saya juga mencadangkan supaya JAKOA melihat pembangunan koperasi. Agihan geran pembangunan koperasi pada 2016 amat rendah iaitu RM123,000 yang hanya diagihkan kepada sebuah koperasi. Sedangkan geran yang diperuntukkan sebanyak RM1 juta. Oleh sebab itu saya melihat, jika perlu penempatan pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di JAKOA untuk membantu membangunkan koperasi-koperasi Orang Asli di Malaysia. Dengan pengkaderan perjawatan pegawai SKM di JAKOA ia akan dapat menumpu dan lebih berfokus kerana kepakaran pegawai SKM dalam membangunkan koperasi-koperasi Orang Asli.

Soalan saya kepada JAKOA, saya ingin bertanya, berapakah jumlah dana dan geran pembangunan koperasi yang telah diagihkan pada 2017?

Teras yang ketujuh- meningkatkan kecekapan penyampaian GLC dan perkhidmatan awam. Kami masyarakat Orang Asli, terutamanya Tok Batin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Perdana Menteri kita untuk meluluskan elauan khas Tok Batin bernilai RM1,500 yang akan dibayar pada tahun depan. Usaha kerajaan memperkasakan dan menghargai sumbangan Tok Batin, Tok Penghulu Orang Asli akan memotivasi dan meningkatkan komitmen di akar umbi. JAKOA dan INFRA perlu menyediakan latihan pengurusan ICT dalam meningkatkan sistem penyampaian Tok Batin dan Penghulu. Oleh sebab kemahiran ICT pada masa ini sangat penting dan perlu dilatih Tok Batin supaya lebih cekap dalam mengurus maklumat yang lebih bermakna.

Pengurusan ICT ini sangat penting bagi menangani info-info terkini, maklumat kursus, seminar, mesyuarat, promosi, iklan perjawatan dan sebagainya. Dengan kursus ICT ini akan mengupayakan pengurusan urus tadbir yang lebih baik serta maklumat seperti bencana, kecemasan dapat diurus dengan lebih sempurna serta dapat menangkis fitnah-fitnah media sosial yang semakin berleluasa pada masa kini di kalangan masyarakat Orang Asli. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada

Kerajaan Negeri Johor kerana menyediakan lawatan ilmiah kepada Batin-Batin dan penghulu Orang Asli ke Sarawak dan juga JAKOA negeri Perak untuk membawa Batin-Batin ke Langkawi pada dua bulan lepas. Usaha memperkasakan masyarakat Orang Asli, kerajaan juga hendaklah memperkasakan JAKOA. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri KKLW dengan melantik Encik Ajis bin Sitin sebagai Timbalan Ketua Pengarah Orang Asli pada 1 November yang lalu.

■1240

Kita telah berhujah panjang lebar bagi perjawatan Orang Asli. Setiap tahun saya menjelaskan pentingnya memperkasakan JAKOA dengan perjawatan-perjawatan yang lebih relevan pada masa hari ini. Oleh sebab kalau kita lihat perjawatan di JAKOA, pegawai-pegawai JAKOA Batu Pahat menjaga dua daerah Batu Pahat dan Pontian hanya Gred 22 sedangkan pegawai JKM Gred 41. Ini yang saya katakan JPA perlu melihat perubahan-perubahan yang perlu diambil kira sebagaimana pengesyoran inkuiri SUHAKAM pada yang lalu.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah hendaklah bekerjasama dengan JPA bagi menyemak perjawatan di JAKOA yang terlalu rendah dan tidak praktikal pada masa ini. Cabaran mengurus Orang Asli yang pelbagai kerjaya, pelbagai bidang dan pelbagai isu, isu politik dan isu agama perlu dilihat dalam cabaran yang mendatang pada TN50 yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkasakan JAKOA saya mencadangkan supaya diletakkan penasihat undang-undang di JAKOA. Perlunya Penasihat Undang-undang (PUU) ini kerana banyak kes tanah pencerobohan, tanah tuntutan di mahkamah, kes pertikaian dengan pejabat tanah, pertikaian tanah adat di kalangan Orang Asli. Maka amat penting pegawai penasihat undang-undang diletakkan di Jabatan Kemajuan Orang Asli. Jika PUU ini dapat diletakkan di JAKOA mungkin banyak kes dapat ditangani lebih awal, dapat disiasat dan dapat diatasi terutamanya isu pencerobohan, isu pengambilan tanah, isu penjualan secara tidak sah, isu pemajakan haram dan sebagainya.

Kedua, saya mencadangkan pegawai kesenian dan kebudayaan seperti mana soalan saya pagi tadi itu hendak membangunkan kesenian dan kebudayaan. Kita tahu bahawa cabaran modenisasi dan sosialisasi hari ini mengakibatkan banyak seni dan budaya Orang Asli terhakis, terjejas malah ada yang terhapus. Penempatan pegawai daripada kepakaran Jabatan Kesenian dan Kebudayaan dan juga kraf tangan bagi memperkasakan, memulihara dan memelihara adat, budaya, resam dan kraf Orang Asli perlu diberi nafas baru, dikomersialkan, sesuai dengan perubahan zaman.

Teras yang terakhir yang kelapan- mengimbangi *par excellent* duniawi dan *par excellent* ukhrawi. Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkasakan *maqasid syariah* demi kebahagiaan kehidupan dunia dan akhirat, maka saya menyarankan supaya JAKIM dapat memperkuuhkan pegawai penggerak ataupun dipanggil istilah penggerak yang bertugas sebagai *dai'* ataupun penyelaras program agama di kampung-kampung Orang Asli hendaklah dipilih orang yang mempunyai komitmen tugas yang tinggi kerana tanggungjawab menjadi penggerak ini sangat besar dalam menyempurnakan pensyariatan dan akidah Orang Asli.

Terdapat ramai Orang Asli yang kurang pemahaman agama, kurang pemahaman ilmu dan kurang penghayatan. Maka ini perlunya pegawai JAKIM yang mempunyai kemahiran dan pemahaman budaya Orang Asli dan penghayatan yang tinggi. JAKIM sepatutnya lebih ke hadapan dalam mengurus tadbir pembangunan syariat Orang Asli.

Sebahagian besar agak longgar dari segi amalan dan penghayatan. Saya mencadangkan penggerak-penggerak JAKIM supaya dilatih dan dipilih daripada di kalangan Orang Asli. Pembantu penggerak yang banyak di majlis-majlis agama perlu dinaiktarafkan menjadi penggerak JAKIM sebab mereka ini mempunyai pengalaman dan mereka ini adalah pembantu penggerak di lapangan dan perlu diberi penyelarasan gred gaji yang lebih baik berbanding di pembantu penggerak. JAKIM juga hendaklah memastikan penggerak...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, saya bagi dua minit lagi ya.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Okey, sudah nak- cukup. JAKIM hendaklah memastikan penggerak tidak bermasalah berkonflik dengan masyarakat Orang Asli. Terdapat penggerak JAKIM yang mengabaikan tugas, tidak bertugas dengan rasmi, ada yang berniaga, ada yang bermasalah dengan kepimpinan batin dan JKK. JAKIM perlu juga menjelaskan isu-isu berkaitan *syiah*, pluralisme, LGBT, jihad songsang dan banyak lagi yang mula mengelirukan masyarakat Orang Asli Islam sejak akhir-akhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkasakan penggerak, elauan khas penggerak yang di pedalaman perlu disediakan lebih tinggi. Ini kerana kerja yang dilaksanakan oleh penggerak amat sukar, jauh di pedalaman, tanah merah yang berselut dengan bermotosikal, dengan pacuan empat roda dengan budaya yang berbeza dengan komuniti, penggerak mestilah memahami adat resam dan budaya masyarakat Orang Asli.

Saya mengucapkan tahniah kepada JAKIM kerana telah berjaya melaksanakan pelbagai program yang bermakna kepada masyarakat Orang Asli Islam seperti *breakfast talk*, *lunch talk* dan mungkin lepas ini ada *dinner talk*. Teruskan usaha yang baik ini kepada JAKIM. Terdapat juga kembara zakat, anugerah kampung, masjid dan surau Orang Asli yang cemerlang, kursus penghayatan Islam dan sebagainya bagi menggalakkan pengurusan kampung yang lebih bersih dan bersyariat sesuai dengan penghayatan Islam.

Kerjasama bersama majlis agama negeri-negeri, NGO-NGO, NGO Orang Asli dapat dilaksanakan dengan lebih kerap. Terdapat banyak NGO yang menyediakan program ziarah ke kampung Orang Asli supaya perkara ini dapat di selaras dengan lebih baik.

Soalan saya kepada JAKIM, berapakah jumlah penggerak, dan penggerak Orang Asli yang bertugas di kawasan Orang Asli? Berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan dalam memperkasakan pensyariatan kepada masyarakat Orang Asli Islam di Malaysia. Saya sudah perbahasan saya ini dengan sebuah pantun.

*Kelapa muda kelapa tua,
Buah mempelam buah kuini,
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,
Saya sokong bajet ini.*

Akhir sekali saya berdoa semoga Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan yang ada di dalam Dewan ini diberikan kesihatan yang baik dan keberkatan hidup untuk terus menyumbang bakti dalam Dewan yang mulia ini dan sekali lagi saya menyokong bajet ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Waalaikummussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid yang telah memberikan pandangan dan ulasan yang terbaik masalah-masalah Orang Asli kita ya. Terima kasih Yang Berhormat ya.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram. Silakan.

12.46 tgh.

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Merah menala si bunga raya,
Biarkanlah ia mekar di sana,
Izinkan saya mula bicara,
Agar manfaat diperoleh bersama.*

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan, dipersilakan.

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan tentang Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pada 27 Oktober 2017.

Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang telah membentangkan bajet yang bersifat inklusif di mana kesejahteraan serta kemakmuran masyarakat India di negara ini turut diutamakan. *Touch point* Bajet 2018 boleh diibaratkan sebagai bajet yang melakar sejarah bagi masyarakat India di negara ini kerana rata-rata dari kalangan anggota masyarakat India telah pun melahirkan rasa syukur dan menyambut baik pembentangan Bajet 2018 dengan harapan ianya boleh membawa transformasi serta peningkatan dalam kualiti hidup mereka khususnya dalam aspek pendidikan, sosial dan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, pada 23 April 2017 sejarah baru telah terlakar untuk masyarakat India di Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan, dengan izin, *Malaysian Indian Blueprint* ataupun lebih dikenali sebagai MIB. *Blueprint* ini adalah satu pelan pembangunan 10 tahun yang memperincikan hala tuju masyarakat India di negara ini dalam bidang sosial, politik, pendidikan dan ekonomi. Buat pertama kali dalam sejarah Kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah menerbitkan satu dokumen bertulis untuk membantu masyarakat India bagi menikmati arus pembangunan negara ini.

Untuk itu saya bagi pihak seluruh masyarakat India dalam negara ini ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke atas pelancaran *Malaysian Indian Blueprint* ini. MIB akan menjadi tunjang kepada kemakmuran masyarakat India di negara ini di mana pendekatan yang lebih realistik dalam memperkasakan masyarakat India untuk terus menikmati setiap aspek dalam pembangunan negara.

■1250

Dalam pada itu pegangan ekuiti masyarakat India di negara ini adalah salah satu topik yang hangat dibincangkan oleh semua pihak. Sasaran tiga peratus ekuiti masyarakat India sudah dibincangkan banyak kali akan tetapi tidak dapat dijelaskan kepada umum status terkini.

Untuk itu saya memohon keterangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang status terkini pegangan ekuiti masyarakat India? Apakah pendekatan yang dicadangkan supaya sasaran tiga peratus dapat dicapai dalam tempoh pelaksanaan MIB?

Satu lagi isu yang masih belum di selesaikan oleh kerajaan ialah isu kewarganegaraan di kalangan masyarakat India sehingga perkara ini menjadi tohmahan pihak pembangkang di media sosial. Mereka menuduh bahawa terdapat 300,000 orang India masih tidak menjadi warganegara Malaysia. Saya memohon agar kerajaan bertindak secara lebih proaktif bagi menyelesaikan masalah ini dengan kadar segera. Kita juga menerima banyak rungutan daripada pemohon-pemohon bahawa sistem birokrasi di jabatan-jabatan yang berkaitan telah menyumbang kepada kelewatan untuk meluluskan permohonan mereka. Akibatnya kumpulan masyarakat India yang tidak mempunyai status kewarganegaraan Malaysia terpaksa mengharungi pelbagai dugaan dan masalah.

Mereka hilang kelayakan untuk membuat sebarang permohonan pinjaman kewangan di institusi kewangan tempatan, permohonan untuk mendapatkan bantuan kebaikan di mana bantuan kebaikan di tolak. Tidak dapat menyertai sistem pendidikan seperti kanak-kanak yang lain, tidak layak untuk membuat permohonan TEKUN, BR1M, PR1MA dan sudah tentu tidak layak untuk menjadi pemilih dalam pilihan raya. Ini memberikan satu persepsi yang negatif terhadap jabatan kerajaan yang sepatutnya menyelesaikan isu ini secara baik dan bukannya melengahkan permohonan yang disebabkan oleh sistem birokrasi yang *rigid*. Oleh itu, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya proses permohonan untuk mendapatkan taraf kerakyatan di semak semula agar isu ini dapat ditangani dengan kadar segera dan sekali gus menghentikan tohmahan yang tidak berasas oleh pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, berpaksikan *Malaysian Indian Blueprint*, Bajet 2018 telah menyasarkan pengambilan kaum India di institusi pengajian tinggi awam dan perkhidmatan awam akan ditingkatkan sebanyak tujuh peratus. Saya percaya pengumuman ini juga akan memberikan harapan terbaru kepada seluruh masyarakat India di negara ini. Ini adalah kerana kepimpinan sebelum ini tidak langsung mengambil berat ataupun mengambil peduli tentang perkara ini di mana semakin lama semakin kurang penglibatan masyarakat India di dalam sektor awam.

Sejurus selepas negara kita merdeka didapati bahawa ramai daripada masyarakat India yang menyertai sektor awam telah diberi peluang untuk memegang jawatan tertinggi akan tetapi kini keadaan telah berubah sehingga jumlah orang India yang memegang jawatan pengurusan tertinggi sedikit.

Justeru, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan bahawa pelaksanaan dalam meningkatkan bilangan penjawat awam dari kalangan masyarakat India haruslah bersifat menyeluruh dan telus, di mana tawaran skim perkhidmatan harus merangkumi semua kategori iaitu kumpulan pelaksana, kumpulan pengurusan dan profesional dan juga kumpulan pengurusan tertinggi. Saya yakin dan percaya bahawa bilangan modal insan yang berpotensi tinggi dari kalangan masyarakat India untuk

berkhidmat dan menabur bakti secara efisien dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan awam masih lagi wujud.

Cuma mereka tidak diberikan peluang untuk mengetuai sesebuah organisasi di atas sebab-sebab yang tertentu. Selain daripada itu, saya juga mencadangkan bahawa tawaran perkhidmatan kepada masyarakat India turut diperluaskan di agensi-agensi di bawah kerajaan negeri dan juga syarikat-syarikat, dengan izin, *Government-Linked Companies* (GLC). Perkara yang sama juga saya tekankan di mana penawaran bidang pengajian untuk pelajar-pelajar yang mempunyai keputusan yang cemerlang di institusi pengajian tinggi awam harus diberikan tempat dalam bidang-bidang khusus seperti perubatan, pergigian, sains farmasi, kejuruteraan dan perundangan.

Biar tawaran diberikan adalah mengikut merit pencapaian yang mereka peroleh. Jangan pula pelajar-pelajar lepasan STPM atau matrikulasi yang mendapat dengan empat *pointer* hanya ditawarkan kursus-kursus kemasyarakatan semata-mata untuk memenuhi kuota pengambilan tujuh peratus. Kita juga dapat melihat pelajar-pelajar lepasan STPM dan matrikulasi yang mendapat keputusan cemerlang terpaksa meneruskan pengajian mereka di institut pengajian tinggi swasta dalam pengajian profesional bagi mencapai cita-cita mereka dan mereka terpaksa menanggung kos pendidikan yang amat tinggi.

Untuk menangani isu ini, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk menubuhkan satu Tabung Pendidikan Khas bagi pelajar cemerlang ini untuk mengikuti kursus perubatan di IPTS dengan geran sebanyak RM100,000 setiap pelajar yang boleh diagihkan dalam jangka masa lima tahun. Dengan adanya geran ini, mereka akan menjadi satu tambahan kepada pinjaman PTPTN. Anak-anak muda yang cemerlang ini akan mempunyai alternatif yang terbaik untuk mencapai impian mereka. Saya juga ingin memohon keterangan daripada Menteri Pendidikan Tinggi, berapakah jumlah tempat yang sedia ada untuk kursus perubatan di IPTA sekarang ini? Berapakah jumlah pengambilan pelajar India untuk dua tahun kebelakangan ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik beberapa inisiatif untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India yang telah digariskan dalam pembentangan Bajet 2018. Antaranya ialah peruntukan mulai skim pinjaman TEKUN, pelaksanaan program SEDIC dan skim pinjaman pelaburan khas untuk 100,000 isi rumah daripada golongan B40. Saya mendapati bahawa ramai usahawan India yang ingin memulakan dan memperkembangkan perniagaan mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa ekoran sistem birokrasi yang *legal* dan isunya ialah apabila pinjaman sudah diluluskan serta kemahiran sudah diberikan akan tetapi lesen perniagaan tidak diluluskan kepada mereka.

Maka hasrat untuk menjadi seorang usahawan menemui jalan buntu. Oleh yang demikian, saya mencadangkan bahawa sistem birokrasi dalam hal ini bersifat lebih fleksibel, bagi memenuhi hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat dicapai melalui inisiatif-inisiatif yang dibentangkan dalam Bajet 2018. Selain daripada itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk melonggarkan beberapa syarat permohonan dalam mendapatkan pinjaman TEKUN. Kerajaan harus mengkaji untuk menyediakan skim pinjaman TEKUN yang lebih fleksibel dalam memanfaatkan peminjam-peminjam.

Dalam Bajet 2018, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyeru masyarakat India untuk menyertai pembelian saham Amanah Saham 1Malaysia dan sebanyak RM1.5 bilion disediakan untuk pembelian saham di bawah skim ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan

tentang mekanisme pengagihan skim pinjaman untuk Amanah Saham 1Malaysia dari segi jangka masa bayaran balik dan juga faedah yang dikenakan ke atas pinjaman yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana telah meluluskan sebuah pusat kanser di Sungai Petani, Kedah dengan kapasiti 200 buah katil dengan kos RM500 juta. Selain memberikan kemudahan rawatan kepada pesakit-pesakit kanser, saya percaya pusat kanser di negeri jelapang padi ini juga berupaya untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi di rantau ini melalui industri pelancongan kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator bagus, saya minta kita tangguhkan ini ya, karang sambung, Yang Berhormat sambung ya. Jadi nampak tadi kita bincang banyak antaranya Orang Asli semua, itu tempat-tempat kita boleh buat budi. Jadi saya rasa bertuah Ahli Yang Berhormat ini iaitu senang buat perkhidmatan baik supaya orang kenang budi baik kita. Itu bak kata orang tua-tua tadi.

*Pergi ke sawah menggali ubi,
Ubi dibawa ke tanah seberang,
Kalau pandai membuat budi,
Ke mana pergi disayangi orang... [Tepuk]*

Sekian, jam 1 lebih. Dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang. Sekian.
Assalamualaikum.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Sambung perbahasan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram

2.30 ptg

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya ingin meneruskan perbahasan saya. Yang Amat Berhormat Dato Najib Tun Razak Perdana Menteri Malaysia begitu prihatin terhadap pendidikan Sekolah Tamil sehingga beliau meluluskan peruntukan yang besar setiap tahun untuk penyelenggaraan Sekolah Tamil. Selain daripada itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga telah meluluskan sebanyak tujuh lesen baru untuk membuka Sekolah Tamil yang baru di negara ini.

Dalam usaha penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah, sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan kepada sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara. Ini merupakan satu lagi langkah kerajaan untuk memberikan keutamaan kepada sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara dalam menyediakan suasana pendidikan yang kondusif kepada pelajar dan warga sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, dunia sekarang sudah beralih dan kita sekarang dalam zaman maklumat di mana teknologi memainkan peranan yang penting dalam kehidupan harian kita. Masyarakat India di seluruh dunia dikenali sebagai masyarakat yang mempunyai literasi tinggi dalam bidang teknologi malah di negara kita pun ramai pemuda India sekarang pun berminat dalam bidang teknologi digital ini.

Sehubungan dengan itu, teknologi digital membuka satu landskap baru dalam bidang keusahawanan berdasarkan teknologi di mana ia lebih menumpukan kepada aspek inovasi dan kreativiti. Generasi muda masyarakat India mempunyai minat dan kemahiran yang mendalam untuk menceburi bidang baru ini. Justeru, apa yang kita perlukan adalah satu program loncatan bagi mempercepatkan pencapaian mereka dan jika mereka berjaya ia dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih ramai dan sekali gus meningkatkan ekuiti masyarakat India.

Di sini saya mencadangkan kepada kerajaan untuk melaksanakan satu kajian bagi menyediakan dana khas pinjaman, dengan izin, *Technopreneur* sebanyak RM250 juta di mana kerajaan boleh membantu lebih daripada seribu orang pemuda dalam bidang ini. Dana ini akan membawa kejayaan berlipat kali gandang dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih daripada 5,000 orang dan dapat, dengan izin, *create an economic change* lebih daripada 300 juta setahun.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini beberapa negeri di Utara Semenanjung dilanda banjir termasuk di negeri Kedah Darul Aman. Mangsa-mangsa di beberapa kawasan banjir tidak dapat membuat pendaftaran di pusat pemindahan banjir yang berhampiran mahupun pusat pemindahan sementara dan telah mengakibatkan mereka tidak menerima bantuan segera banjir dari Kerajaan Persekutuan. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mengkaji semula proses pendaftaran mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan banjir kerana terdapat banyak kemungkinan yang menghalang mereka untuk membuat pendaftaran di pusat pemindahan ini dengan kadar segera.

Akhir sekali, saya percaya Bajet 2018 akan terus dinikmati setiap kelompok masyarakat di negara ini tanpa mengira latar belakang dan ideologi mereka. Marilah kita sama-sama menjadi pendukung kepada antipati Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya memohon menyokong pembentangan Bajet 2018. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

2.37 ptg.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang saya untuk membahasakan Bajet 2018. Saya tidak mahu menyentuh perkara-perkara yang telah disentuh oleh beberapa Yang Berhormat di sini dalam Dewan yang mulia. Saya hanya hendak sentuh tentang beberapa perkara yang penting sahaja. Kalau kita rujuk kepada bajet ini dengan semua statistik-statistik yang dapat dikemukakan yang saya hendak tegas di sini bagi pandangan rakyat yang penting bagi mereka yang ialah sejauh manakah bajet ini akan menguntungkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan kos sara hidup merupakan satu beban yang paling berat bagi rakyat di negara ini. Inilah yang dirasai oleh rakyat tidak kira di bandar atau di luar bandar khususnya kumpulan B40 yang terpaksa hidup dengan gaji rendah.

Di samping itu naik turun harga minyak serta GST yang akan melebihi 42 bilion sumbangan wang kepada Kerajaan Pusat menambah lagi beban rakyat. Kalau kita merujuk kepada publikasi *Consumers Association of Penang* (CAP) telah menyatakan bahawa harga barang-barang keperluan telah meningkat sampai 100 peratus *percent*. Bagi saya yang penting, adakah kerajaan dapat mewujudkan satu mekanisme yang berkesan yang dapat mengawal harga barang-barang keperluan. Jika boleh subsidi bagi bahan api haruslah diberi untuk meringankan beban rakyat dan inilah satu perkara yang harus diambil kira.

Ekoran daripada ini, langkah menyediakan pengangkutan awam yang lebih murah harus juga diberi perhatian khususnya di kawasan bandar-bandar. Jika pengangkutan awam yang murah dapat disediakan orang ramai boleh beralih daripada memiliki kereta dan juga motosikal dan ini akan mengurangkan kesesakan di jalan raya serta memberi lebih banyak wang bagi mereka untuk menyerah diri mereka.

■1440

Dasar ini telah dilaksanakan di beberapa negara misalnya di Holand, Sweden dan Denmark. Kenapalah kita tidak boleh beri penekanan kepada *public transport system* yang munasabah.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pendidikan. Kualiti pendidikan itu merupakan suatu perkara yang amat penting, kerana hanya dengan pendidikan sahaja yang bermutu dan berdiri atas meritokrasi. Kita dapatlah menghasilkan graduan-graduan yang dapat memenuhi tuntutan serta keperluan pasaran kerja. Untuk mencapai matlamat ini, maka kita harus menentukan bahawa dalam pentadbiran universiti-universiti yang ada di negara kita ini, kita haruslah pilih mereka atau individu-individu yang menyandang jawatan VC-VC itu terdiri daripada orang yang berkualifikasikan akademik.

Jikalau kita pilih orang yang tidak ada nama langsung, yang hanya dipilih untuk kepentingan politik, maka kedudukan akademik kita akan merosot. Sama juga dengan pensyarah-pensyarah yang dilantik untuk mengisi jawatan-jawatan sebagai tenaga pengajar, haruslah mereka berkualiti.

Di samping itu, meritokrasi di kalangan pelajar serta etika pendidikan yang tinggi harus digalakkan supaya ciri-ciri negatif seperti melakukan amalan plagiarisme atau plagiat dapat dibendung. Dalam penyampaian beberapa Yang Berhormat-yang Berhormat di sini soal kolej-kolej telah dibangkitkan. Kita difahamkan bahawa kolej-kolej ini berdiri macam cendawan. Sampai, kalau saya tidak salah mungkin 20 hingga 30 buah kolej terpaksa ditutup kerana tidak boleh, tidak dapat sambutan ataupun tidak untung.

Bagi saya, kolej-kolej yang berdiri secara isolasi, tidak ada kaitan dengan keperluan masyarakat, sudah pastilah akan gagal. Di sini saya hendak cadangkan suatu *example* yang paling menarik. Di negeri saya Pulau Pinang, ada sebuah kolej yang berjaya, semua graduan-graduan yang keluar daripada kolej ini 98 peratus daripada mereka *guarantee* dapat kerja. Kolej ini ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, *guarantee* apa?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: *Guarantee* apa?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: *Guarantee* dapat kerja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Kolej ini ialah *The Penang Skills Development Centre*. Kenapa kolej ini begitu bagus. Sebenarnya terus terang saya hendak bagi tahu, kolej ini berdiri bukan pada zaman pembangkang mengambil alih kuasa di Pulau Pinang, tetapi didirikan pada masa Lim Chong Eu, menyandang jawatan Ketua Menteri.

PSDC ini sebenarnya berdiri bukan dalam keadaan isolasi. Kolej ini berdiri dengan bantuan dan sokongan industri-industri di dalam *the Penang Free Trade Zone* di Bayan Lepas. Bermakna input untuk sukanan pelajaran kolej ini, dapat ditentukan untuk keperluan pasaran. Maka, input inilah yang memberi *the cutting edge* kepada pelajar-pelajar yang masuk ke dalam kolej ini.

Di samping itu, PSDC mempunyai hubungan dengan universiti-universiti di negara Jerman, England dan juga di Australia. Kenapa kolej ini begitu istimewa? Kerana yang pertama pengetahuan teknologi terkini dapat disebarluaskan. Kita pun melalui kolej ini dapat tahu tahap kemajuan teknologi industri-industri yang ada, misalnya di kawasan *Free Trade Zone* di Pulau Pinang. Kita akan dapat pasti jika ada sebarang kekurangan dengan cepatnya kita dapat mengatasi masalah ini.

Inilah cadangan saya, negara kita ini hendak masuk era *the 4th Industrialization Era* dan kita perlukan kolej-kolej seperti *Penang Skills Development Centre* yang dapat berdiri bukan sahaja di Pulau Pinang, tetapi merata-merata tempat, di Semenanjung Tanah Melayu dan juga di Sabah dan Sarawak kerana pusat perindustrian bukan sahaja terletak di Pulau Pinang tetapi banyak kawasan di Malaysia.

Saya tegaskan perkara ini, kalau kita tidak ambil inisiatif untuk mendirikan kolej-kolej seperti PSDC. Kita akan menghadapi banyak gejala di mana *graduates* atau mereka yang keluar dengan sijil-sijil mereka melalui kolej-kolej yang tidak dapat menentukan mutu dan kualiti pendidikan mereka. Kebanyakan daripada *graduates* ini akan menghadapi masalah mencari kerja.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kita pun harus memberi pendekatan kepada institusi pengajian atau *research centers* supaya mereka boleh menyumbang untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan di negara ini dan institusi tidak semestinya, didapati di universiti-universiti.

Apa yang saya maksudkan di sini, bagi generasi saya termasuk Tuan Yang di-Pertua dan termasuk Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad. Kita semua sedar tentang institusi-institusi seperti *Rubber Research Institute*, *Institute of Medical Research*, PORIM. Siapa yang boleh lupa nama Dr. 'Seikha' menyumbang banyak kepada RRI, ataupun *Institute of Medical Research* di mana penyakit malaria dan filariasis kajian tentang dua penyakit ini dijalankan dengan hasil yang baik. Ataupun PORIM di mana Profesor Augustine Ong telah menyumbang dalam kajiannya untuk menjayakan industri kelapa sawit.

Apa yang saya hendak tanya di sini apa telah jadi kepada institusi-institusi ini? Jarang sekarang kita dengar tentang institusi-institusi ini. Adakah mereka masih aktif ataupun tidak aktif langsung? Ini kita haruslah dimaklumkan.

Merujuk kepada hubungan antara pemerintahan Pusat dengan kerajaan negeri, amat baiklah dan penting hubungan yang mesra diadakan. Kita sebenarnya mengamalkan suatu sistem *federalism*. Oleh sebab itu, yang amat penting peruntukan kewangan kepada negeri-negeri mestilah mengikut sumbangan kewangan kepada baitulmal *Federal*.

Ini bermakna satu formula di mana pengagihan kewangan dapat dilakukan secara yang adil dan saksama kerana negeri-negeri pun perlu bantuan kewangan untuk memajukan infrastruktur dan memajukan sistem *transportation* di dalam negeri-negeri yang berkenaan.

Dalam isu keselamatan, saya tidak menafikan bahawa kemampuan PDRM untuk menjaga keselamatan rakyat jelas dibuktikan. Kita mendapati bahawa sel-sel ISIS yang bergerak di bawah tanah di negara ini dapat dikesan dan kegiatan ISIS untuk menimbulkan huru-hara dapat dibendung. Tahniahlah, kepada PDRM.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang kita harus ambil perhatian. Saya hendak tanyalah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *is there a vigilante group operating above the law in Malaysia?* Soalan ini amat penting. Setakat ini empat individu telah diculik dan sehingga sekarang kita tidak tahu nasib yang telah menimpa mereka. Apa yang telah jadi kepada pastor Raymond Koh, Hilmy Joshua, isterinya Ruth Hilmi dan Encik Amri. Apa sebabnya PDRM tidak dapat kesan di mana mereka berada ataupun dapat tentukan mereka masih hidup atau tidak.

Perkara ini amat penting, kita tidak hendaklah Malaysia jatuh ke tahap Argentina di bawah Presiden Leopoldo Galtieri semasa era *the Dirty War*. Di mana rakyat Argentina hilang begitu sahaja tanpa dikesan atau jadi macam Chile semasa Rejim Augusto Pinochet di mana beribu-ribu rakyat hilang begitu sahaja dan tidak dapat dikesan sampai hari ini. Saya berharap satu jawapan yang memuaskan diberi tentang nasib yang menimpa empat orang ini.

■1450

Dalam isu hubungan luar negeri, kita harus sedar bahawa hubungan antarabangsa dalam erti kata lain, *international relations is no longer predictable*. Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump telah mengiktiraf Baitulmuqaddis sebagai *the capital of the Zionist state of Israel*, dan kedutaan Amerika akan berpindah dari Tel Aviv ke Baitulmuqaddis atau Jerusalem.

Kita pun mesti sedar bahawa Arab Saudi sedang menjalin hubungan sulit dengan negara Zionis Israel kerana kedua-dua negara ini menganggap negara Iran sebagai musuh ketat mereka. Maka dalam keadaan ini, apakah pendirian Malaysia dalam perkembangan ini? Hubungan Malaysia dengan Arab Saudi kononnya baik sehingga askar tentera kita pun sedang berkhidmat di sana. Apa yang mereka buat di sana pun saya tidak tahu. Oleh sebab itu, saya hendak tanyalah, jika tiba masa Arab Saudi menjalin hubungan diplomatik dengan Israel, apakah pendirian kementerian dalam hal ini?

Saya sedar dalam *international relations* ada satu prinsip iaitu, dengan izin, *there are no permanent enemies, only permanent interest*. Akan tetapi kita sebuah negara yang berdiri atas prinsip agama Islam dan kita mesti bertindak secara bermoral, adakah kita sanggup hendak korban hak-hak orang Palestin untuk kepentingan politik? Ini saya hendak tanya...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat, saya mohon mencelah.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Silakan.

Dato' Sri Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Silakan.

Dato' Sri Khairudin Samad: Saya difahamkan bahawa Wisma Putra telah pun mengeluarkan kenyataan menentang pengambilalihan Baitulmuqaddis untuk dijadikan sebagai ibu negara Israel

daripada Tel Aviv. Wisma Putra telah pun membuat kenyataan dan sudah tentulah kita juga akan menyokong apa yang kerajaan kita usahakan.

Akan tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi, jalinan yang ada itu. Tetapi itu sulit, belum ada jalinan diplomatik di antara *Saudi Arabia* dan juga Israel. Cuma, kita mungkin melihat, kita nampak bahawa macam mana pendirian itu? Akan tetapi saya juga difahamkan bahawa OIC akan mengadakan mesyuarat tergempar untuk membincangkan ini. Amerika menyokong, Kanada menentang. Jadi kita ada *pros and cons* dalam soal ini. Cuma, saya rasa Amerika ini, dia provokasi tetapi kerana tuntutan tiga agama terbesar ini terhadap Jerusalem, maka mereka ada lah provokasi tetapi kekejaman Israel itu juga menjadi satu masalah yang lain. Sekian, Yang Berhormat, terima kasih.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Bajet 2018 bertujuan untuk menjaga kepentingan semua pihak, namun demikian, ada satu kelompok yang diabaikan sama sekali. Kelompok ini terdiri daripada bekas pekerja estet-estet getah yang telah diusir keluar setelah estet ataupun ladang getah di mana mereka dapat kerja telah dijual. Mereka terpaksa berhijrah ke bandar-bandar dan hidup dalam keadaan mlarat. Mereka ini terpaksa mencari tempat tinggal dan mungkin kadangkala terpaksa tinggal di kaki lima atau atas tanah-tanah persendirian. Daripada semasa ke semasa, mereka dihalau dan terpaksa cari tempat baru. Pekerjaan mereka ini tidak tentu dan pendapatan mereka tidak terjamin. Mereka ini bukan orang asing tetapi warganegara Malaysia.

Oleh sebab itu, saya ingin cadang bahawa kerajaan tempatan ataupun majlis bandaran cuba cari tempat ataupun sediakan tempat kediaman untuk kumpulan ini. Mereka sebenarnya bukan setinggan tetapi harus dianggap sebagai, dengan izin, *displaced persons* kerana mereka adalah mangsa pembangunan di mana estet-estet yang dulu merupakan tempat di mana dapat kerja serta tempat kediaman telah dijual dan ditukar untuk dijadikan kawasan projek perumahan. Mereka ini tidak mampu membeli rumah PR1MA kerana gaji mereka pun tak sampai ke tahap boleh bayar deposit.

Atas dasar perikemanusiaan, saya berharap bahawa masalah kumpulan ini akan diberi perhatian dan Kementerian akan bertindak membantu mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris.

2.56 ptg.

Puan Hajah Rahemah binti Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang disayangi. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan yang saya sayangi, rakan-rakan Ahli-ahli Dewan Negara. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia dan salam muafakat Johor sebab saya datang dari negeri Johor.

Saya merafakkan syukur ke hadrat Allah Yang Maha Esa dengan nikmat kesihatan dan kelapangan masa yang dikurniakan kepada saya sekali lagi saya dapat bersama di Dewan yang mulia ini untuk bermusyawarah dan menyumbang idea dalam urusan-urusan berkaitan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat jelata.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, hari ini 7 Disember 2017, genap satu tahun saya bersama lima lagi rakan saya berada di Dewan yang mulia ini. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana memberi ruang dan peluang kepada saya Rahemah binti Idris untuk membahaskan Bajet 2018 ini.

Di sini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan, syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana berjaya membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 atau dengan bahasa lain, Bajet 2018, dengan jayanya. Saya memperakui bahawa ucapan bajet yang dibentangkan adalah ucapan bajet yang terbaik sepanjang 22 tahun ini. Walaupun ramai yang berspekulasi mengatakan Bajet 2018 adalah bajet pilihan raya Barisan Nasional, ada juga yang mengatakan ia merupakan gula-gula pilihan raya, ada juga yang mengatakan lebih teruk lagi iaitu mengatakan bajet ini adalah dedak rakyat, tetapi hakikat sebenarnya yang kita harus ingati, Bajet 2018 ini adalah bajet dari rakyat untuk rakyat seperti mana yang diungkapkan, memakmurkan ekonomi yang inklusif, mengimbang keunggulan duniawi dan ukhrawi demi menyejahterakan kehidupan rakyat menuju aspirasi TN50.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih sekali lagi. Saya sebagai seorang rakyat Malaysia, saya sangat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menjadikan Bajet 2018 ini sebagai tahun memperkasa wanita... [Tepuk]

■1500

Perkara ini adalah satu pengiktirafan kepada seluruh wanita di Malaysia dan merupakan COO, nanti saya terangkan apa COO itu. Hal ehwal rumah tangga. COO ini ialah “*Chief Operational Officer*”. Manakala suami kita bagi sebagai CEO, takkanlah wanita ini hendak jadi CEO? Maka wanita ini jadilah *chief operational*nya sahaja. Pengiktirafan ini bukan hanya satu penghargaan kepada wanita, malah ia menjadi pembakar semangat kepada wanita untuk terus menyumbang kepada kesejahteraan dan pembangunan negara.

Saya merasa teruja apabila mana bajet ini bukan hanya pengiktirafan tetapi hadir dengan usaha kerajaan untuk membantu wanita menjana ekonomi rumah tangga. Dengan inisiatif 30 peratus wanita dalam keahlian lembaga pengarah GLC dan GLIC serta badan berkanun, tempoh cuti bersalin mandatori 60 hari kepada 90 hari untuk sektor swasta. Program latihan dan keusahawanan wanita seperti *FIT Entrepreneurship Program* dan pengecualian cukai pendapatan individu disediakan ke atas pendapatan yang diperoleh dalam tempoh 12 tahun berturut-turut membuktikan kesungguhan kerajaan merealisasikan pemerkasaan wanita ini.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon kepada kementerian yang berkaitan untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini yang pertama, apakah prasyarat yang diguna pakai untuk merealisasikan 30 peratus keterlibatan wanita dalam keahlian lembaga pengarah GLC dan GLIC ini? Kedua, kita ingin juga bertanya kepada kementerian, tindakan yang bakal diambil kepada sektor swasta yang ingkar untuk mengimplementasikan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari. Ketiga, saya ingin juga bertanya, strategi untuk menggalakkan wanita luar bandar terlibat dalam program latihan dan keusahawanan wanita.

Tuan Yang di-Pertua serta rakan-rakan yang ada di Dewan yang mulia ini, menyorot keperluan semasa negara seperti mana semua maklum bahawa banyak perkara yang perlu dicapai dalam masa pantas berkaitan TN50. Namun, teras kepada *puzzle* besar dalam TN50 ini yang utamanya adalah TVET. Namun di sini, saya ingin kongsi satu cabaran besar iaitu kita berhadapan dengan golongan *precariat*. “*Precariat*” merujuk kepada orang yang tidak mempunyai *labour security and occupational identity*, dengan izin. Istilah ini dipopularkan oleh ahli ekonomi Guy Standing, sebagai menggabungkan perkataan “*precarity*”, dalam keadaan hidup tanpa kestabilan atau kebolehjangkaan; dengan “*proletariat*” iaitu marhaen.

Tuan Yang di-Pertua, hidup *precariat* penuh dengan tidak kepastian. Mereka tidak nampak hala tuju masa depan. Kerja sampai patah tulang pun tidak dapat keluar dari jerat kemiskinan. *Precariat* adalah produk sistem ekonomi kapitalisme *neoliberal* atau *neoliberal capitalism* atau *neoliberalism* yang diarusutamakan sejak tahun 1980-an. *Neoliberalism* melihat kepada sistem ekonomi akan bertambah cekap dengan wujudnya persaingan maka pasaran harus bebas dan jaminan sosial harus dikurangkan untuk menggalakkan orang jadi lebih berusaha. *Neoliberalism* percaya bahawa sumber ekonomi adalah terhad maka ketidaksamarataan ekonomi itu adalah sesuatu yang natural.

Di bawah *neoliberalism*, kerajaan tidak perlu bertanggungjawab untuk memastikan semua orang dapat kerja, biar syarikat yang buat keputusan hendak ambil atau tidak ambil orang bekerja. Keputusan swasta paling efisien. Kesatuan kerja atau *trade union* tidak digalakkan kerana tuntutan kenaikan upah akan menambah kos operasi syarikat. Peningkatan kos akan membawa kepada inflasi. Inflasi, *no good*. Dengan itu, syarikat lebih gemar mengambil pekerja secara kontrak dari mengambil pekerja tetap sebab tidak perlu bayar KWSP, tidak perlu bayar SOSCO, tidak perlu fikir kemudahan perubatan, tidak perlu fikir bagi cuti gaji penuh, tidak perlu fikir hendak bersalin atau tidak bersalin, semua tidak perlu.

Dengan wujud TVET ini, ia sekali gus dapat membantu rakyat supaya tidak terjerumus dengan fenomena *precariat* yang sedang mengganas di serata dunia ini. Ini membuktikan- saya hendak *stress* kan lagi, ini membuktikan Kerajaan Barisan Nasional amat peka dan sayangkan setiap seorang rakyat dan warganegaranya.

Untuk itu, saya mohon kementerian yang berkaitan juga untuk memaklumkan kepada kita Dewan yang mulia ini beberapa perkara. Pertama, golongan fokus TVET ini. Kedua, adakah kementerian mempunyai perancangan untuk mengembangkan TVET ini untuk wanita-wanita di luar bandar terutamanya yang berumur 40 tahun ke atas. Jika ada, nyatakan bentuk perancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan apabila difahami dan diamati pindaan ini, kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional telah melaksanakan pelbagai usaha untuk kesejahteraan rakyat dari awal hingga sekarang. Bajet yang sebenar ini dibuat kerana tuntutan semasa dan menjaga kepentingan semua pihak. Namun fokus atau *refocus*, dengan izin, adalah untuk mendaya usaha yang lebih ke arah keperluan, kesejahteraan, kemakmuran dan keselamatan rakyat terbanyak.

Sebagai konklusi, cakap-cakap jahat yang dihamburkan kepada kepimpinan negara dan seluruh jentera kerajaan, malah kelompok yang ingin menggagalkan bajet rakyat 2018 ini sebahagian daripada drama yang dicipta oleh mereka yang kurang senang dengan kejayaan kerajaan mentadbir dan menyejahterakan rakyat.

Ia akhirnya, tidak apalah, ia akan menjadi motivasi untuk kerajaan untuk terus kuat membela rakyat, memakmurkan dan mempertahankan institusi kerajaan yang didukung selama ini. Demikian juga dengan dasar-dasar baru yang disuntik dalam rang undang-undang ini yang bertujuan untuk memperkemas pentadbiran, memartabatkan perundangan, menjunjung kedaulatan serta menyajahterakan *netizen*.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu kita berbicara hendak tanya itu ini, di dalam buku ini penuh ini, tebal buku ini. Tidak hendak tengok buku ini, buku yang nipis pun ada, berwarna-warni. Tidak hendak tengok, YouTube pun ada, semua ada. Apa yang penting, kita hendak tengok, hendak tahu atau tidak hendak tahu. Kita hendak sokong, tidak sokong ataupun tidak. Itu sahaja. Izinkan saya mengungkapkan peribahasa Melayu berbunyi, “Kuat berdirinya pohon kerana akarnya, kuat akarnya kerana tanah”.

■1510

Untuk itu, kerajaan sedia ada di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sentiasa dan akan terus memberikan perkhidmatan, khidmat bakti kepada rakyat agar keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang dinikmati hari ini akan berpanjangan. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap lagi.

Saya rasa saya menyokong bajet yang dibentangkan bagi tahun 2018 ini. Sekian, *Wabillahi Taufiq Walhidayah, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatu*h.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ini bukan macam perbahasan tetapi ucapan berkobar-kobar. Tahniah!

Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin? Datuk Zali- tiada?

Silakan, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail.

3.11 ptg.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya hendak ingatkan bahawa perbahasan pada hari ini akan diberikan selama 15 minit ya. Saya kena...

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Baiklah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab semua Ahli sekarang mahu bahas. Yang ‘merah-merah’ semua sudah balik.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik, silakan Yang Berhormat.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Baik, terima kasih kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk sama-sama membahaskan satu belanjawan yang setiap tahun kita akan berhadapan dengan perkara yang sama. Akan tetapi ada saya kira banyak perkara lagi yang harus diperhalusi dan kita timbal balik untuk kita berikan kebaikan bersama kepada rakyat terbanyak di luar sana.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya dalam isu belanjawan ini yang saya ingin tanya kepada kementerian ialah kenapa belanja mengurus itu lebih tinggi berbanding belanja pembangunan? Dia-orang kata metaforanya, Tuan Yang di-Pertua ialah ibarat macam kita duduk dalam satu rumah enam

orang, bilik ada tiga, belanja mengurus ini emak bagi tiap-tiap bulan untuk urus beli barang dapur dan sebagainya. Akan tetapi hendak buat bilik baru, pembangunan tiada. Duit untuk pembangunan itu tidak ada.

Jadi, kita hendak bertanya kepada kerajaan, kenapa perbelanjaan mengurus itu terlalu tinggi perbezaan dan jurangnya itu menyebabkan untuk pembangunan itu terlalu rendah? Apakah kos ataupun jumlah untuk pembangunan itu hanya disediakan sebagai *emergency*? Maknanya, untuk tujuan-tujuan keselamatan tetapi tidak memikirkan langsung untuk soal pembangunan, baik pulih dan sebagainya. Itu yang pertama.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah berhubung dengan isu harta tanah. Sekarang negara kalau kita rujuk satu artikel yang dikeluarkan oleh Bank Negara mengatakan bahawa ketidakseimbangan pasaran harta tanah di Malaysia ini agak membimbangkan. Oleh sebab apa? Projek berjalan, rumah dibina tetapi pembeli tiada. Ini adalah sesuatu kekhawatiran yang cukup membimbangkan. Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu di kalangan generasi muda- betullah Kerajaan Persekutuan ada buat rumah yang PR1MA, Kerajaan Selangor ada buat rumah SelangorKu, masing-masing berlumba untuk membuatkan rumah yang harganya rendah untuk rakyat. Tidak apa. Kita ucapkan terima kasih.

Akan tetapi kenapa tidak Kerajaan Malaysia mengambil pendekatan- *confront*, dengan izin, projek-projek perumahan ini, tauke-tauke, pengusaha-pengusaha untuk memastikan setiap projek perumahan yang dibina dipastikan 40 peratus daripada projek pembinaan itu ialah rumah mampu milik untuk rakyat ataupun 50 peratus. Hal ini kerana keadaan ekonomi kita sekarang dalam keadaan yang tidak menentu. Maknanya, kalau lebih banyak rumah mampu milik dibina, di bawah RM100,000, saya yakin isu perumahan bukan lagi isu yang menjadi isu yang besar di kalangan generasi muda.

Akan tetapi malangnya sekarang Tuan Yang di-Pertua, contoh rumah saya di Changkat Larang, kawasan kampung. Keluar depan sedikit, ada kawasan pembinaan rumah RM280,000. Ini kawasan kampung. Rumah yang dibina RM280,000 satu unit. Mana ada generasi muda yang mampu beli rumah RM280,000? Oleh sebab itu kita katakan sekarang, mengapa tidak kerajaan mengambil pendekatan berbincang dengan pengusaha projek, hendak buat perumahan, boleh. Akan tetapi pastikan 50 peratus daripada perumahan yang hendak dibina itu ialah rumah mampu milik yang boleh dibeli oleh semua golongan.

Pastikan juga, monopoli- Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berkongsilah di taman perumahan saya sendiri. Apabila banyak rumah kosong, tidak diduduki, akhirnya apa berlaku Tuan Yang di-Pertua? Berhadapan rumah saya, Datuk Hamzah pun duduk satu taman dengan saya, sebuah kilang simen. Akhirnya, kilang simen, sewa rumah di dalam kawasan kediaman yang merupakan *private property* milik penduduk tempatan bagi warga asing duduk dalam situ beramai-ramai. Soalnya sebab apa? Orang awam hendak sewa, harga sewa hampir RM1,000. Hampir RM1,200. Jadi, ini membebankan sebenarnya dan akhirnya memperlihatkan bahawa masalah perumahan ini tidak selesai. Itu yang menyebabkan- perkara kedua yang saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua, soal rumah. Saya juga mengharapkan ada penilaian segera daripada pihak kerajaan untuk memutuskan, buat rumah murah lebih untuk rakyat, berbanding rumah-rumah yang kosnya lebih tinggi.

Ketiga, saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, status siasatan ke atas satu artis terkenal. Dia dapat gelaran “Datuk” dan sebagainya, yang menggunakan skim tipu, yang mengatakan bahawa

boleh bina rumah, ada tanah boleh bina rumah. Kemudian orang bayar, rumah pula tiada. Isu ini besar, diangkat oleh PPIM, yang mana DBI Corporation ini milik seorang “Datuk” artis, yang ditahan reman di banyak balai-balai polis. Saya hendak tahu status terkini siasatan yang dibuat ke atas mereka ini kerana ini melibatkan ramai orang. Bukan sikit nilainya, Tuan Yang di-Pertua, jutaan ringgit, ratusan juta Ringgit. Saya hendak tahu status siasatan ini.

Kedua, saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua, soal pertanian. Baru-baru ini kita melihat bagaimana dalam belanjawan, peruntukan urus itu meningkat dan pembangunan juga meningkat. Maknanya, dari segi pertanian itu baik sebab ramai di bawah ini yang bergantung harap dalam isu pertanian.

Akan tetapi saya hendak tanya, penjelasan pihak kementerian tentang skim insurans pesawah yang mana Menteri hari itu sebut skim ini akan dilaksanakan selewat-lewatnya penghujung tahun 2017. Agrobank diberikan amanah untuk meneliti perkara ini. Akhirnya, satu kenyataan dikeluarkan oleh Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) mengatakan bahawa mereka sanggup bagi RM10 juta untuk membiayai skim insurans ini yang melibatkan hampir 200,000 pesawah di seluruh negara. Jadi, saya hendak tahu setakat sekarang, apakah progress dan perkembangan, kemajuan tentang perkara ini? Oleh sebab kalau dulu kata tidak ada duit, sekarang BERNAS sudah sanggup hendak bagi RM10 juta. Jadi, saya hendak tahu perkembangan tentang skim insurans pesawah ini.

Perkara seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ini agak panjang sikit, saya hendak minta lebih detil Tuan Yang di-Pertua, kerana isunya ialah pengangkutan. Kalau kita tengok sekarang, saya tidak mahu menyentuh soal yang lain tetapi saya hendak sentuh soal KTMB. Rakan-rakan dalam Dewan, baru-baru ini saya ada buka beberapa laman web yang menulis secara langsung kritikan mereka tentang KTMB ini, soal pengurusan dan sebagainya. Ada yang menyebut bahawa pertama itu, kualiti perkhidmatan yang merosot. Kalau kita tengok sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, KTMB ini komuter setiap lima belas minit ia akan jalan satu komuter. Setiap lima belas minit, ia akan jalan satu komuter.

Akan tetapi sekarang ia mengambil masa 45 minit, baru ada satu komuter berjalan 45 minit, baru ada satu komuter jalan. Jadi, saya hendak tanya, yang pertamanya, kita ada jumlah tren yang kita beli daripada negara China. Saya minta rujuk sekejap di sini Tuan Yang di-Pertua, mohon maaf. Ada beberapa unit tren yang kita beli daripada negara China yang dibawa masuk ke dalam negara kita tetapi kita tidak tahu statusnya sekarang ini, berapa yang berjalan dan berapa yang rosak? Hal ini kerana saya membawa rujukan untuk kita semua kepada tren yang dibawa ke kawasan Lembah Klang dan juga ke Utara tanah air. Contohnya, di dalam Lembah Klang, kita boleh lihat hampir enam buah tren bergerak di sekitar Lembah Klang. Maknanya, sekali tren itu berjalan Tuan Yang di-Pertua, ia bawa enam gerabak. Maknanya, boleh isi ramai orang.

Akan tetapi perjalanan di antara Kuala Lumpur ke Utara, ia hanya menggunakan tiga tren. Ini sesuatu keperluan yang mendesak, Tuan Yang di-Pertua. Hal ini kerana kita tidak boleh mengatakan bahawa hanya orang di Kuala Lumpur sahaja yang memerlukan perkhidmatan ini. Akan tetapi sekarang komuter, ERL, ETS, semua ini adalah keperluan semasa rakyat Malaysia. Mereka mengambil ini sebagai alternatif daripada *jem* jalan raya dan sebagainya.

Oleh sebab itu saya hendak tanya kepada pihak kementerian, berapakah sebenarnya yang masih diguna pakai, yang masih elok dan berapa sebenarnya yang sedang beroperasi? Itu yang pertama.

Kedua, gangguan tiket *online*. Tuan Yang di-Pertua, saya kebetulan hari itu saya mahu ke Pulau Pinang, saya hendak beli tiket *online*, server down. Tidak boleh beli.

■1520

Saya pergi ke kaunter tiket hendak beli secara manual, saya tengok ramai orang bising di luar. Bila saya tanya kenapa, dia kata, “*Tidak boleh beli tiket kerana server down, sistem kita down*”, dia kata. Tidak boleh beli. So saya tanya pada penjual tiket itu, “*Kalau sistem kamu down, saya perlu segera sebab ada jadual perjalanan 2.30 petang...*” Waktu itu saya sampai 2 petang. “...*Macam mana saya hendak dapatkan tiket 2.30 petang?*”. Dia kata, “*Tidak boleh belilah*”. Tidak boleh beli. “*Kena tunggu sampai sistem elok, baru boleh beli*”, kata dia. Saya kata, “*Saya mengejar train 2.30 petang. Saya kena naik kerana saya ada program 4.30 petang di Pulau Pinang*”. Dia kata, “*Tidak boleh. Minta maaf, tidak boleh*”, dia kata.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua, KTMB perlu menaik taraf sistem pembelian tiket secara manual ini. Maknanya dia kena ada orang kata *emergency plan* yang dibuat, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya rakyat tidak perlu menunggu lama, berkeluh-kesah di luar sana, orang kata, tertanya-tanya, “*Bolehkah aku naik train 2.30 petang ini. Sempat atau tidak*”. Setiap manusia, dia ada ruang waktu yang dia susun sendiri tetapi apabila dia hendak menggunakan perkhidmatan yang tidak ada *emergency plan* akhirnya, bukan sahaja kita melambatkan proses perjalanan dia, kita larikan dia daripada tugas asal dia yang sepatutnya. Ini Tuan Yang di-Pertua, saya minta perhatian di pihak KTMB untuk bangkitkan isu ini.

Begitu juga dengan soal lif dan juga eskalator. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, cikgu lama saya, dia ada penyakit gout. Dia tidak boleh hendak naik tangga biasa ini Tuan Yang di-Pertua. Kemudian dia pergi hendak naik eskalator, eskalator rosak. Dia pergi pada lif, lif tidak berfungsi. Akhirnya beg yang dia bawa itu dengan beban beg itu, dia panjatlah. Dia kata dia naik pukul 2.30, dia sampai seberang sana hampir pukul 3. Sebab apa, dia beban dengan sakit dia dengan beban baju dia, apa semua. Jadi saya minta di pihak KTMB juga perlu ada pasukan *technician* yang segera. Maknanya bila rosak, *on the spot* dia datang *repair*. Kalau kita berhadapan dengan orang-orang OKU dan sebagainya, bagaimana Tuan Yang di-Pertua mereka hendak berhadapan dengan situasi itu. Jadi saya minta penekanan daripada segi itu.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua ialah baru-baru ini kementerian ada mencadangkan untuk buat operator kedua bagi mengoptimumkan penggunaan rel.

Saya ada tiga soalan sebenarnya dalam isu ini kerana saya diberitahu pejabat Peguam Negara telah selesai meneliti cadangan untuk meminda Akta Keretapi ini tetapi belum dibentangkan di peringkat Parlimen. Pertama saya hendak tahu, sejauh mana perkembangan cadangan ini telah dibawa dan adakah ia akan dilaksanakan?

Keduanya, apakah manfaat yang kita peroleh daripada menggubal Akta Keretapi ini yang akan dibawa ke dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara?

Ketiga, siapa calon-calon operator yang akan beroperasi kerana kita tahu bagi setiap syarikat yang akan diberi amanah membina rel kereta api untuk sesuatu projek, dia ada sistem *back up* untuk bina rel itu sendiri Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak perlukan *second* orang untuk bantu dia. Dia mesti ada. Bila dia masuk tender, dia masuk projek, dia akan ada semua kelengkapan. Jadi, untuk apa operator kedua ini hendak dilaksanakan?

Perkara yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah bukan lagi berkaitan dengan KTMB tetapi berkenaan dengan basikal *oBike* ini Tuan Yang di-Pertua yang kita tengok bersepele di seluruh Kuala Lumpur ini. Saya beberapa kali pusing Tuan Yang di-Pertua, yang hilang tayar, yang hilang tempat duduk, yang dibaling, dilambung tengah jalan, dibiarkan di tepi jalan. Sebagai rakyat Malaysia, saya merasakan itu sebagai suatu yang tidak bermanfaat. *oBike* dilancarkan bersempena dengan Sukan SEA Malaysia yang baru-baru ini. Penaja bersama, dia lancarkan *oBike*. Waktu itu tujuannya dia kata untuk Sukan SEA mempermudah atlet-atlet ataupun orang asing yang datang menggunakan kemudahan itu. Akan tetapi kena bayar Tuan Yang di-Pertua, 50 sen untuk 30 minit perjalanan. Maknanya pembayaran dibuat secara kredit telefon ataupun *debit card*.

Saya hendak tanya kepada pihak kementerian, vandalisme semakin meningkat. Basikal dibuang, dirosakkan dan sebagainya. Apakah langkah dan juga cara untuk kita *trace* orang yang meminjam basikal ini? Tuan Yang di-Pertua, kalau dia pakai telefon dia, dia membuat satu pembayaran melalui *debit card*, maknanya kita ada rekod siapa yang meminjam atau menyewa basikal itu.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita jumpa basikal itu hilang tempat duduk, kita tahu sudah hendak cari siapa. Sebab apa? Dia bayar melalui *debit card* dia. Akan tetapi masalahnya sekarang seolah-olah benda itu tidak terikat dengan perkara itu sehingga membolehkan mereka ini pandang tidak penting *oBike* ini. Angkat, buang, campak macam itu sahaja. Saya semalam di Ampang Park, sempat jumpa dua, tiga basikal, saya tengok sistem dia macam mana. Dia ada QR code Tuan Yang di-Pertua, scan dengan *handphone*, buka *lock*, boleh kayuh tetapi kemudian hendak diletakkan di mana, hendak tinggalkan di mana, ikut suka hati kita.

Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kementerian, apa yang boleh kita buat dengan *oBike* ini agar ia tidak menyemakkan mata kita yang setiap hari berhadapan di Kuala Lumpur ini. Maknanya ada itu bagus tetapi pengurusan itu tidak bagus. Maknanya syarikat yang mengurus ini juga Tuan Yang di-Pertua, perlu dipersalahkan. Bagaimana kamu tidak ada satu sistem yang mengurus basikal *oBike* ini, yang sepatutnya tiap-tiap hari dia *round* semua *check point* *oBike* untuk tengok sama ada basikal itu diletakkan secara betul ataupun tidak betul. Jadi pihak pengurusan juga perlu dipersalahkan dalam isu ini.

Keduanya, kena ada satu cara yang mana ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dua minit lagi.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Okey. Saya minta sedikit lagi ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Ya. Bagaimana perkara ini perlu diperjelaskan dan yang kedua tadi itu, undang-undang yang boleh kita takutkan kepada pengguna-pengguna *oBike* ini, bila kamu lakukan ini, ini adalah di bawah kesalahan vandalisme, maka kamu boleh dihukum dengan undang-undang. Maknanya dia takkan terlepas dengan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa isu – Ini sebenarnya isu yang panjang Tuan Yang di-Pertua tetapi saya akan ambil secara poin-poin sahaja. Isu penjawat awam. Kita ada 1.645 juta orang penjawat awam di pelbagai sektor termasuk anggota polis dan sebagainya. Saya akan hendak sebut terus kepada poin-poin penting yang hendak saya bawa.

Pertama saya hendak sebut permintaan CUEPACS yang mana sebelum pembentangan belanjawan dibuat, CUEPACS ada berjumpa dengan Perdana Menteri, ada sampaikan saranan mereka yang mereka mahukan kad diskau pengangkutan awam, yang mana elaun perumahan dan sebagainya. Saya hendak tahu sejauh itu, daripada semua senarai yang CUEPACS senaraikan, apa yang diterima dan apa yang ditolak dan mengapa ia ditolak? Saya hendak tahu kerana perlu ada penelitian Tuan Yang di-Pertua kenapa itu dianggap tidak relevan dan ia ditolak.

Keduanya saya hendak sebut ialah soal isu tentera. Saya hendak tahu yang pertamanya, berapa ramai anggota bawah 40 tahun yang melepaskan khidmat mereka atau kata mudah berhenti daripada menjadi tentera? Oleh sebab saya difahamkan ramai bilangannya Tuan Yang di-Pertua kerana orang muda merasakan bahawa duduk dalam tentera sekarang ini dengan elaun yang *ciput*, akhirnya mereka terpaksa cari alternatif kerja lain untuk menampung kos mereka. Jadi saya hendak tahu yang pertamanya, berapa jumlah anggota bawah 40 tahun yang melepaskan tugas mereka dalam tentera?

Kedua saya hendak tanya, soal MALBATT ini, tentera yang dihantar ke luar negara, ke Lubnan ini Tuan Yang di-Pertua. Ada yang memaklumkan kepada saya sebelum ini, elaun misi yang diberikan kepada mereka bernilai USD3,000. Akan tetapi akhirnya baru-baru ini, jumlah yang diberi kepada mereka hanyalah USD1,412 sahaja. Mereka bertanya kenapa kekurangan itu berlaku kepada pentadbiran. Pentadbiran jawab, “*Oh, kerana kos yang lain itu telah ditolak untuk beli baju dan juga kasut*”.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkongsi dengan Tuan Yang di-Pertua, keluhan mereka sekarang kasut yang dibekalkan kepada anggota pengaman di Lubnan bawah MALBATT ini ialah kasut yang kita boleh beli di *Pertama Complex*. Kasut anggota tentera di Lubnan adalah kasut yang boleh dibeli di *Pertama Complex* Tuan Yang di-Pertua, saya berkongsi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini saya sudah *remind* Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau hendak cakap, tolong keluar Dewan. Bila ini untuk perbahasan, bukan untuk perbincangan. *So please take it very serious.* Silakan.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Terima kasih. Ini bukan tuduhan. Saya faham ada bekas-bekas tentera di sini, bukan tuduhan. Ini adalah keluh-kesah yang disampaikan oleh anggota-anggota kita di sana, yang minta penelitian. Kita tidak tahu, kita di Malaysia, mereka di sana. Mereka yang pakai kasut itu, mereka yang pakai baju itu. Mereka kata sebelum ini, mereka dibekalkan dengan kasut yang tinggi teknologinya, orang kata elok- maknanya khusus untuk tentera tetapi sekarang mereka peroleh kasut yang sebegitu.

Jadi mereka tanya, “*Kenapa kami dapat kasut yang sebegitu?*”. Ini penjelasan, jangan cakap bohong atau tidak bohong. Isunya sekarang, kita bangkitkan dulu isu masyarakat, isu rakyat, isu anggota, kemudian kementerian boleh jawab selepas itu Tuan Yang di-Pertua.

■1530

Saya hendak masuk yang dua akhir Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Last, dua akhir Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup masa lah Yang Berhormat.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Dua akhir Tuan Yang di-Pertua, dua sahaja saya minta.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Okey, secara ringkas. Bomba, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak sebut ada tiga permintaan daripada pihak bomba kepada kementerian. Pertamanya, iaitu Bantuan Insentif Bomba dinaikkan iaitu BIB nya daripada sebelum ini RM110 ke RM200 dinaikkan kepada RM200 dan RM400. Kedua, mereka juga minta elauan *on call*. Maknanya elauan selepas kerja, yang mana dipanggil untuk *on call* datang, hadir dan juga diberi sedikit elauan atas tugas-tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menghormati Tuan Yang di-Pertua. Walaupun ada beberapa perkara lagi sebenarnya yang saya hendak sebut, ada berapa banyak lagi isu penjawat awam yang saya hendak bangkitkan, tidak apalah memandangkan menghormati Tuan Yang di-Pertua sebagai orang yang paling utama di Dewan ini.

Akhirnya saya hendak mengatakan bahawa saranan saya kepada kerajaan. Pertama, boleh atau tidak kerajaan meneliti semula, baru-baru ini dibangkitkan isu tambang bas sekolah yang hendak dinaikkan. Jadi saya minta penelitian kerajaan dalam isu itu. Kalau boleh janganlah naik, cukuplah beban yang ada.

Kedua, boleh atau tidak kerajaan untuk buat satu bulan dalam bulan Disember ini, akhir ini Tuan Yang di-Pertua. Tidak hendak buat sebulan pun tidak apalah, buat dua minggu. Hari pembelian barang sekolah *back to school* tanpa GST yang bagi saya itu akan meringankan sedikit beban ibu bapa hendak beli barang sekolah untuk anak-anak ini. Tidak hendak lama, seminggu pun tidak apalah. Asalkan ibu bapa itu keluar sikit daripada beban GST ini, dia boleh beli barang untuk anak dia.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, menjadi ibu itu mudah tetapi mempunyai hati seorang ibu itu bukan suatu yang boleh diambil macam itu sahaja. Jadi saya mengharapkan agar kerajaan meneliti banyak perkara, mengambil banyak saranan, akhirnya membaik pulih agar rakyat di luar sana tidak terbeban dengan masalah ekonomi yang sedia ada.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang. Sekian, *Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk T. Mohan, silakan.

3.32 ptg.

Datuk Mohan A/L Thangarasu: Salam sejahtera, selamat petang dan *vanakkam*, dengan izin. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 di Dewan yang mulia ini.

Hari ini adalah merupakan hari yang bersejarah dalam hidup saya kerana buat pertama kalinya saya akan menyampaikan pembahasan di Dewan yang mulia ini selepas dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pada 16 November yang lepas.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan rasa terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Presiden MIC kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk memikul amanah sebagai Ahli Dewan Negara. Saya berjanji akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab saya sebagai Ahli Dewan ini dengan sepenuh amanah dan berdedikasi demi agama dan negara yang saya cintai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang menarik perhatian saya dalam pembentangan Bajet 2018. Bajet 2018 ini adalah merupakan ibu kepada segala bajet yang pernah dibentangkan di Parlimen Malaysia oleh pemimpin-pemimpin sebelum ini. Demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat maka Bajet 2018 merupakan sejumlah RM208.25 bilion. Dalam jumlah tersebut, RM234.25 bilion adalah perbelanjaan pengurusan dan RM46 bilion lagi bagi perbelanjaan pembangunan di bawah peruntukan pembangunan.

Sektor ekonomi menerima agihan tertinggi sebanyak RM26.34 bilion, sektor sosial menerima sejumlah RM11.72 bilion. Manakala sektor keselamatan diperuntukkan RM5.2 bilion dan sektor pentadbiran am sebanyak RM2.72 bilion. Kita harus berterima kasih kepada komitmen dan perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah menyampaikan satu bajet yang merangkumi setiap aspek dan inklusif selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Keselelas.

Menyentuh berhubungan dengan tunjang pertama iaitu perkapalan, pelabuhan dan perdagangan. Saya tertarik kepada pembiayaan mikro, peruntukan sebanyak setengah bilion ringgit adalah peruntukan yang paling tinggi dalam sejarah pembangunan usahawan di negara kita. Ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam membantu golongan usahawan untuk terus maju ke hadapan tanpa kegagalan atau rintangan dari aspek kewangan. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

Saya mencadangkan agar mekanisme seterusnya yang lurus dapat dilaksanakan untuk memastikan golongan belia daripada semua lapisan masyarakat dapat menikmati kemudahan yang sedia ada oleh Kerajaan Barisan Nasional. Saya harap agar kita dapat lihat penyertaan menyeluruh daripada kaum India dalam pelaksanaan ekonomi ini. Dengan ini saya mengalu-alukan kedatangan Pertubuhan Aspirasi Generasi Selangor ke Dewan di lawatan ini dan dapat memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Terima kasih... [Tepuk]

Seterusnya, izinkan saya menyentuh pe-tunjang kedua mengenai aspirasi TN50. Aspirasi ini adalah satu landasan yang cerdik serta berwawasan demi pembangunan negara, bangsa dan agama Malaysia, pe-tunjang dalam senarai tertinggi negara terbaik di dunia. Program Transformasi Negara yang menitikberatkan segala aspek pembangunan yang inklusif, yang dalam membantu negara kekal berdaya saing di persada antarabangsa.

Di bawah kejayaan dan bakat TN50, Program Skim Latihan 1Malaysia adalah salah satu mekanisme pembangunan belia yang berkualiti dan berkemahiran. Saya amat bersyukur kerana terdapat ramai belia kita yang gagal meneruskan pelajaran ke peringkat tinggi dapat disalurkan ke pasaran pekerjaan melalui pendidikan kemahiran. Saya memohon pertanyaan kementerian yang

berkenaan daripada 138,000 graduan SL1M, berapa ramai tenaga SL1M ini dapat menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa? Saya juga turut memohon pecahan penyertaan graduan SL1M mengikut kaum sejak ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai pembangunan sukan negara. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan atas kejayaan yang cemerlang sebagai juara Sukan SEA Ke-29 dan meraih tempat kedua Sukan Para ASEAN kesembilan. Tahniah dan syabas kepada semua atlet negara yang telah mengharumkan nama negara di persada Asia. Dengan kewibawaan dan kepakaran Menteri Belia dan Sukan serta komitmen dari semua pegawai kementerian dan sukarelawan yang amat dedikasi ini adalah tidak mustahil untuk kita mencapai kegemilangan sebagai juara Sukan SEA 2017 dan juga sokongan mereka, tahniah dan syabas kepada kementeriannya.

Peruntukan sebanyak RM1 bilion diterima bagi melaksanakan beberapa inisiatif dalam bidang sukan di Malaysia. Oleh kerana fasiliti serta kemudahan sukan yang kukuh dan baik telah menjulang pencapaian bidang sukan negara. Saya harap agar kerajaan sentiasa peka terhadap pembangunan dengan meluaskan skop pembangunan bakat sehingga ke akar umbi. Tenaga pengajar di sekolah-sekolah harus dilengkапkan dengan kemahiran, kepakaran serta kebolehan selain dari fasiliti dan kemudahan sukan yang sedia ada. Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mengenal pasti guru-guru yang layak dan memberi latihan dan kemahiran yang diperlukan bagi melahirkan guru-guru dengan izin, *specialize* di sesuatu bidang sukan.

■1540

Contohnya sekiranya hendak jadi jurulatih, pengadil atau pegawai sukan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional kerana menyediakan peruntukan RM550 juta bagi tabung khas penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah. Bagi Sekolah Jenis Tamil, sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan.

Saya harap peruntukan ini dapat memenuhi hasrat kerajaan, dapat wujudkan suasana kondusif dalam persekitaran pelajaran di Malaysia. Pada masa yang sama saya ingin juga mengucapkan takziah dan melahirkan rasa simpati kepada keluarga dan mangsa tragedi kebakaran Tahfiz Darul Quran Kampung Datuk Keramat yang telah menyebabkan kehilangan seramai 23 pelajar. Saya harap dan percaya kejadian sedemikian tidak lagi berlaku jika perancangan serta keselamatan dapat diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin beri perhatian adalah mengenai gejala sosial di kalangan belia-belia khususnya belia India yang kini berada pada tahap yang membimbangkan. Walaupun pelbagai usaha berterusan dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui program-program seperti SEDIC, SL1M, program-program khas untuk belia-belia namun penglibatan belia dalam aktiviti-aktiviti kurang sihat amat serius. Untuk itu, saya mencadangkan agar kerajaan dapat melaksanakan kelas keagamaan bagi pelajar-pelajar beragama Hindu di sekolah-sekolah. Terbukti bahawa individu yang mempunyai didikan dari aspek keagamaan tidak mudah diperdaya dengan unsur-unsur kurang sihat.

Justeru, saya mohon Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mempertimbangkan cadangan saya untuk mewajibkan pengajaran kelas agama Hindu di sekolah-sekolah. Saya percaya dan yakin, sekiranya perkara tersebut dilaksanakan, gejala sosial di kalangan belia India dapat dikurangkan.

Malaysian Indian Blueprint. Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit tentang *Malaysian Indian Blueprint* di mana saya ingin berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang betul-betul mempunyai visi untuk membantu masyarakat India di negara ini. Dengan adanya MIB, kita boleh melihat arah tuju yang jelas dalam menjamin masa depan masyarakat India.

Satu lagi perkara yang tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak merupakan satu-satunya Perdana Menteri yang banyak sekali membantu masyarakat India di negara ini. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Bukan seperti mantan Perdana Menteri kita yang tiba-tiba berura-ura kononnya hendak membela nasib masyarakat India di negara ini. Di mana perginya wawasan beliau selama 22 tahun semasa kepimpinan beliau? Adakah kaum India tidak pernah wujud dalam tempoh kepimpinannya? Saya hairan, mengapa beliau tidak menjalankan amanah tersebut ketika memegang jawatan Perdana Menteri selama 22 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyempurnakan ucapan ini dengan ungkapan Tirukkural iaitu 385 oleh Pendeta Thiruvalluvar dalam bahasa Tamil berbunyi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Sekali sahajalah.

Datuk Mohan A/L Thangarasu: *[Berucap dalam bahasa Tamil]* Ia membawa maksud, pemerintah bukan sahaja berperanan mencari kemungkinan, membawa kemakmuran kepada negara. Beliau turut mewajibkan mengatur dan mengawal pembelajaran kerajaan untuk tujuan memastikan keadaan tersebut membawa kesejahteraan kepada rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya memohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2018. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Syabas ucapan pertama Yang Berhormat.

Silakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun.

3.45 ptg.

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya, memberi keizinan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2018. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dalam Bajet 2018 terdapat banyak inisiatif dan peruntukan yang diberikan kepada rakyat untuk memastikan kesinambungan pertumbuhan ekonomi negara.

Saya selaku Ahli Dewan Negara yang mewakili negeri Selangor ingin memanjangkan rasa syukur dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memansuhkan operasi kutipan tol Lebuhraya Persekutuan Batu Tiga dan Sungai Rasau di Shah Alam. Harapan saya semoga dengan pemansuhan operasi kutipan tol ini, kos sara hidup penduduk di Lembah Klang terutamanya di Shah Alam, Klang dan Subang Jaya lebih rendah dan mereka mempunyai lebih wang untuk berbelanja bagi merancakkan ekonomi setempat.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana meluluskan projek *flyover* di Dengkil dan Putrajaya. Oleh yang demikian,

kesesakan lalu lintas yang hari-hari berkilo-kilometer panjangnya akan dapat dikurangkan dalam tempoh masa yang akan datang.

Soalan saya kepada Kementerian Kewangan dan Jabatan Kerja Raya, bagaimanakah membuat pemantauan agar untuk yang diberi kepada negeri Selangor iaitu untuk selenggara jalan-jalan raya di bawah senarai MARRIS diurus seliakan dengan cekap. Sekarang ini peruntukan MARRIS ini tidak diselenggarakan atau digunakan dengan yang terbaiklah.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Prestasi Ekonomi Suku Tahun Ketiga 2017 menunjukkan pengurusan ekonomi Kerajaan Persekutuan berada di landasan yang baik. Sejajar dengan polisi pembangunan dan rancangan program-program untuk rakyat justeru dengan *indicator* yang terbukti baik ini, apakah pada tahun 2018 kerajaan menjangkakan pertumbuhan yang lebih rancak di sektor awam dan swasta dan bagi Unit Perancangan Ekonomi bersama-sama agensi dan jabatan kerajaan dapat mengekalkan kadar penyertaan buruh rakyat tempatan sehingga mencapai 85 peratus berbanding tahun ini hanya 69.4 peratus sahaja.

Saya juga ingin mendapatkan maklum balas dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan tentang perincian sebenar hutang dalam negara, hutang luar persisiran dan hutang Kerajaan Persekutuan dari aspek perbandingan dengan kadar KDNK negara, pendapatan per kapita rakyat serta tempoh-tempoh sukar negara semasa berlakunya kemelesetan ekonomi pada tahun 1986 hingga tahun 1987, tahun 1997 hingga tahun 1998, tahun 2007 hingga tahun 2008 dan tahun 2015 hingga tahun 2017. Sesungguhnya melalui penjelasan terperinci status hutang negara ini, fakta sebenar dapat disampaikan kepada rakyat dan cubaan pembangkang menyelewengkan fakta dan memanipulasikan isu hutang negara dapat ditangani secara bersama dan berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan kos sara hidup rakyat di Lembah Klang dan seluruh negara tidak mengalami peningkatan yang mendadak serta memberikan kehidupan rakyat, tumpuan perlu diberi kepada sektor pertanian, tanaman, makanan asas dan memastikan industri perikanan dan penternakan lembu diberi perhatian khusus oleh kerajaan agar pasaran sayuran, buah-buahan tempatan, ikan dan daging, ayam dan beras mencukupi untuk menampung keperluan rakyat sepanjang tahun 2018.

■1550

Untuk itu saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan dari kerajaan terutamanya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tentang beberapa perkara berikut. Apakah pada masa ini pendaratan ikan di seluruh negara mencukupi untuk pasaran tempatan? Berapakah jumlah lesen perikanan laut dalam di Semenanjung Malaysia serta bagaimanakah usaha insentif Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia untuk memastikan orang tengah sehingga menjadikan harga ikan kembung menjadi RM20.00 sekilo dapat ditangani dengan cekap oleh kerajaan.

Bagaimanakah pula aspek pergantungan industri makanan dan sayuran tempatan yang masih lagi bergantung kepada sumber import dari luar negara? Apakah perancangan lebih inisiatif dan aktif kepada kerajaan bagi memastikan projek penanaman sayur-sayuran, buah-buahan tempatan dan pengurusan bekalan seluruh negara dapat memanfaatkan rakyat agar harga makanan tidak terlalu mahal dan kumpulan B40 tidak mampu untuk membeli barang pertanian ini.

Dalam Bajet 2018, kerajaan merancang untuk membangunkan lima koridor tambahan seperti Selatan Perak, Zon Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam, Tok Bali dan Empangan Baleh di Sarawak. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah dengan membangunkan Wilayah Selatan Perak apakah boleh kerajaan membangunkan juga kawasan Utara Selangor seperti di Hulu Selangor, Sabak Bernam dan Bukit Beruntung kerana dengan kepesatan jaringan pengangkutan rel, penambahan empat *lane PLUS Highway* dari Duta ke Ipoh, Wilayah Utara Selangor akan terus sama membangun dan membuka peluang pekerjaan kepada belia di Utara Selangor.

Peruntukan besar sejumlah RM4.1 bilion dalam membiayai bekalan ubat serta sokongan perubatan menggambarkan kerajaan serius memastikan rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan berkualiti. Soalan saya, apakah Kementerian Kesihatan tidak berhasrat mewujudkan sebuah hospital di Sepang agar penambahan penduduk di Dengkil, Nilai dan di sekitar Sepang akan memperoleh perkhidmatan kesihatan yang berkualiti?

Ini memandangkan jika penduduk di sekitar Sepang ini- untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan, Sepang ini luasnya seperti negeri Perlis. Akan tetapi, satu hospital pun tidak ada. Jadi, kalau boleh rakyat Sepang hendak satu hospital di Sepang sendiri. Sekarang ini kita terpaksa pergi ke Hospital Seremban, pergi Putrajaya, pergi Serdang, pergi Hospital Banting. Banting yang kecil itu pun ada hospital, Sepang yang besar ini yang banyak pembangunan tidak ada hospital.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan menaikkan cukai produk tembakau dan menaikkan harga rokok amat-amat saya alu-alukan. Namun begitu saya amat kecewa apabila rokok-rokok seludup masih lagi berleluasa di kedai-kedai dan di *outlet* restoran di seluruh negara sehingga saya lihat rokok seludup ini turut sama dibeli oleh penguat kuasa. Oleh itu, saya ingin mendapatkan beberapa penjelasan, apakah tidak ada perancangan NBOS bagi memastikan aktiviti penyeludupan dan jualan runcit rokok seludup ini dibendung sepenuhnya pada tahun 2018. Bagaimanakah Kementerian Kesihatan dan PBT menguatkuaskan dengan lebih tegas perokok agar semua tempat-tempat awam seperti *outlet* makanan diharamkan merokok?

Saya juga ingin mendapatkan status terkini mengenai perokok wanita yang menunjukkan trend peningkatan. Melalui kajian yang dibuat oleh AIA dalam laporan khas *The Edge*, 20 November 2017, Malaysia mempunyai lima juta perokok tegar dan dianggarkan seramai 20,000 perokok meninggal dunia setahun kerana penyakit berkaitan dengan tabiat merokok.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada SPRM kerana mengambil tindakan tegas dalam beberapa kes-kes rasuah yang berlaku dalam negara. Namun demikian, terdapat juga cercaan dan fitnah yang dibuat di media sosial yang menuduh SPRM hanya menangkap ikan bilis berbanding jerung. Oleh itu, persepsi negatif rakyat ini perlu ditangani segera.

Justeru saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan tentang berapa ramaikah individu yang ditangkap oleh SPRM disiasat di bawah peruntukan undang-undang SPRM atau AMLA dari tahun 2013 sehingga 2017 serta berapakah kes-kes yang telah dibicarakan serta jumlah rampasan wang rasuah dan wang AMLA untuk tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes jenayah siber yang berlaku dalam negara amat membimbangkan kita. Begitu juga dengan meningkatnya kes-kes ancaman fitnah, provokasi melalui media sosial yang sukar dan amat konflik untuk ditangani oleh kerajaan. Oleh kedua-dua jenayah siber

dan penyalahgunaan media sosial ini bagi membuat fitnah dan provokasi liar yang memberikan impak negatif kepada negara dan masyarakat. Saya ingin mendapatkan penjelasan dari Kementerian Komunikasi dan Multi Media dan Jabatan Peguam Negara.

Setakat November 2017 bagaimanakah kerajaan melalui Jawatankuasa Khas yang diwujudkan oleh Kabinet dalam menangani jenayah siber merancang dan menetapkan sasaran penguatkuasaan. Meminta Jabatan Peguam Negara tentang apakah perlu kerajaan menimbang untuk bagi meminda beberapa perundangan yang berkaitan dengan jenayah siber dan pengguna media sosial agar hukuman lebih berat dikenakan dan kuasa penguat kuasa diperkemas seiring dengan teknologi dan aplikasi terkini. Bagaimanakah Jabatan Jenayah Komersial bersama-sama Bank Negara atau KPDKKK memastikan kes-kes penipuan komersial disiasat dan dimuktamadkan tindakannya agar mangsa kes penipuan mendapat pembelaan yang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin kehidupan golongan B40 yang merangkumi miskin bandar dan miskin luar bandar dikenal pasti dengan lebih tepat dan menjimatkan pelaburan kerajaan dalam kes pemberian BR1M, saya ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan apakah perlu kerajaan untuk mendefinisikan semua kumpulan B40 ini dalam pelbagai fokus kumpulan ekonomi dan jumlah pendapatan isi rumah mereka. Justeru saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah kerajaan mempunyai beberapa ketetapan dan angka yang telah dikaji dan disusun mengikut kelas B40 seperti berikut:

- (i) garis pendapatan miskin bandar dan jumlah tanggungan anak dan tanggungan waris terdekat;
- (ii) garis pendapatan miskin luar bandar dan jumlah tanggungan anak atau tanggungan waris terdekat;
- (iii) garis pendapatan miskin sama ada bandar atau luar bandar jika sekiranya mereka mempunyai masalah tanggungan khas seperti menanggung ahli keluarga mengidap penyakit kronik atau OKU yang memerlukan perhatian dan kelengkapan atau rawatan khas;
- (iv) garis pendapatan miskin sama ada di bandar atau luar bandar mengikut bilangan tanggungan anak-anak yang belajar di IPTA dan Institut Kemahiran.

Saya percaya melalui penepatan untuk mengklasifikasikan semula kumpulan B40 ini mengikut kelas di atas jumlah Bantuan Rakyat 1Malaysia akan lebih baik dan tepat. Justeru program BR1M ini diberi disasarkan kepada kumpulan yang memerlukan mengikut bebanan kewangan dan kemampuan.

■1600

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, ada di bandar dan di kampung juga yang layak terima, kalau bantuan sekolah kah bantuan BR1M kah, RM3,000 juga tetapi sedangkan anak mereka ramai. Kadang-kadang yang terima di luar bandar itu anak seorang sahaja sekolah tetapi yang di bandar anak dia lima orang. Jadi, pendapatan ini kalau boleh kita minta di bandar dan di luar bandar dinaikkanlah dalam RM5,000 atau RM6,000.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Boleh dirumuskan dalam seminit?

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: Okey, sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap. Hendak tukar. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Assalamualaikum. Teruskan.

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu gelandangan masih dilihat belum lagi mencapai kejayaan untuk dimuktamadkan dan dilihat peranan Yayasan Kebajikan Negara Malaysia melalui operasi Anjung Singgah.

Soalan saya, berapa ramai kah bilangan gelandangan yang didaftarkan sehingga tahun 2017? Apakah kerjasama secara NBOS kementerian dan PBT seperti DBKL agar kawasan tumpuan gelandangan ini diberi perhatian dan penguatkuasaan yang lebih cekap?

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menetapkan sasaran 30 peratus wanita akan ditempatkan dalam *board* syarikat berkaitan kerajaan yang disenaraikan di Bursa Saham dan syarikat-syarikat pelaburan kerajaan dan anak-anak syarikat atau anak-anak syarikat badan berkanun menjelang tahun 2020.

Justeru, saya ingin mendapat penjelasan dari kerajaan, sehingga November 2017 ini, berapakah bilangan wanita yang ditempatkan di *board* ini, serta apakah perancangan dua tahun lagi untuk kerajaan memastikan sasaran ini tercapai?

Kenaikan kos bagi menuaikan haji menyebabkan Lembaga Tabung Haji terus memberi subsidi kepada umat Islam di seluruh negara. Oleh itu, kenaikan kos dan subsidi ini agar ia lebih saksama kepada pencarum simpanan Tabung Haji.

Soalan saya, berapa ramai kah pendeposit dan pelabur di Tabung Haji sehingga November 2017? Bagaimanakah proses dan pertumbuhan pulangan dividen operasi anak syarikat Tabung Haji dan apakah pulangan dividen ini mencukupi bagi menampung subsidi besar operasi haji setiap tahun?

Tuan Yang di-Pertua, jumlah banduan muda di seluruh negara berjumlah seramai 2,652 orang. Ini berdasarkan statistik yang dikeluarkan KDN pada Oktober 2015. Soalan saya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, bagaimanakah fokus kerajaan dalam memastikan angka banduan muda ini tidak lagi bertambah pada tahun 2018?

Kita juga ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan tentang bagaimanakah kementerian, JPN dan PPD bersama-sama Majlis Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di setiap Parlimen bersama dengan PIBG sekolah dapat membantu untuk menjalankan program pembangunan masyarakat agar saranan ibu bapa dan komuniti setempat dapat menangani masalah buli dan disiplin pelajar di hampir 10,000 sekolah di seluruh negara?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapat banyak rungutan daripada pasangan yang bercerai atau yang berurusan dengan mahkamah syariah bagi memuktamadkan perbicaraan kes-kes syariah yang memakan masa yang lama. Tempoh masa pelupusan sesuatu kes syariah yang lama akan menimbulkan isu sosial dan perlu ditangani dengan baik.

Justeru, saya ingin mendapatkan kepastian, berapa ramai kah bilangan hakim mahkamah syariah di seluruh negara? Apakah JAKIM, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Majlis Agama Islam Negeri tidak dapat menetapkan satu tempoh standard agar satu-satu kes dapat dimuktamadkan dengan kadar segera? Apakah ada kerjasama dan bantuan yang boleh diberi kepada Pusat untuk

melupuskan kes-kes yang berada dalam daftar Mahkamah Syariah di seluruh negara dan kerajaan mencari formula NBOS bagi mengatasi masalah kes-kes Mahkamah Syariah?

Sebab, dah berpisah lama tapi lama sangat nak dapatkan surat cerai itu. Jadi, ini masalah kepada wanitalah selalu ya. Nak tanggung anak lagi. Kadang-kadang yang bercerai itu, lelaki dah bercerai, dia kahwin lagi, yang tinggal orang perempuan saja yang menanggungnya. Jadi, kalau boleh dicepatkan dia punya proses supaya wanita itu boleh bebas, dia boleh cari lain pula... [Dewan riuh] Biarlah dia cari lain pula kan. Dah dia dapat yang baru.

Akhir kata, saya mohon menyokong pembentangan Bajet 2018 ini. Semoga semua inisiatif dan peruntukan yang diperuntukkan oleh kerajaan benar-benar akan dapat memanfaatkan kepada rakyat. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun yang membawa rintihan isteri yang diceraikan. Betul itu ya. Itulah kita rasa kita kena sokonglah. Jangan bagi tali digantung lama sangat ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali. Saya bagi 15 minit ya. Tolong ya. Terima kasih. Sila.

4.06 ptg.

Datuk Rabiyah binti Ali: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua di atas keizinan kepada saya untuk menyertai sama perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dalam Bajet 2018, kerajaan telah mengotakan janji untuk membina banyak projek perumahan rakyat pada tahun hadapan. Sebanyak 17,000 projek perumahan rakyat dan 210,000 projek perumahan PR1MA akan dibina oleh kerajaan.

Namun demikian, saya mendapat maklum balas terhadap beberapa kekangan yang melaksanakan projek ini kerana kekurangan *land bank* ataupun tanah. Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan, bagaimana kerajaan membantu Perbadanan PR1MA, Jabatan Perumahan Negara dan SPNB mendapatkan tanah untuk membina lebih banyak projek perumahan rakyat? Apakah kerajaan mendapat sokongan dari kerajaan negeri terutama negeri yang dikuasai oleh Barisan Nasional agar penempatan suatu kuota peruntukan tahunan khusus diberikan kepada SPNB, PR1MA dan Jabatan Perumahan Negara?

Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan bahawa kekangan utama pemilikan dan pembelian rumah projek PPR dan juga PR1MA adalah *bankability* seorang pemohon untuk mendapatkan pembiayaan kewangan.

Soalan saya kepada Kementerian Kewangan, apakah kerajaan mewujudkan satu institusi khusus bagi memberi jaminan kepada permohonan yang tidak mempunyai *bankability* di sektor perbadanan komersial agar pemohon akan berjaya mengatasi masalah pembiayaan perumahan? Juga, apakah kerajaan dapat menstrukturkan satu skim pembiayaan dengan bantuan geran modal teroka kerajaan yang diterbitkan melalui *medium term note* kerajaan agar bank-bank terpilih dimiliki kerajaan dapat membuat pembiayaan skim perumahan rakyat dengan syarat dan ketetapan yang lebih ringkas dan mudah?

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, syarikat pembetungan negara amat giat mengadakan kutipan caj pembetungan tertunggak di seluruh isi rumah di seluruh negara.

Soalan saya kepada Kementerian Kewangan tentang IWK ini, berapa jumlah caj-caj tertunggak yang dikumpulkan ketika ini dan berapakah syarikat pengutip caj kutipan dilantik di seluruh negara? Bagaimana IWK mengendalikan kes-kes tunggakan yang bukan milik penghuni terkini dan mungkin caj tertunggak ini merupakan hutang pemilik sebelum ini?

Tuan Yang di-Pertua, Khazanah Nasional merupakan identiti pelaburan kerajaan yang amat penting bagi memastikan perolehan dividen pelaburan yang dapat membantu perolehan pendapatan Kerajaan Persekutuan.

■1610

Saya memuji langkah Khazanah menceburi sektor kesihatan dan membangunkan taman tema seperti KidZania dan Legoland. Soalan saya, sehingga kini berapakah nilai pelaburan dan nilai pulangan yang telah diperoleh oleh Khazanah dan juga pelaburan ini? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, bagaimanakah Khazanah memastikan agar penyelenggaraan aset taman tema ini dan kualiti perkhidmatan ini dipelihara agar operasi taman tema ini kekal menarik minat pengunjung?

Saya mendapat maklumat daripada Legoland, bayaran untuk akses sehari kanak-kanak berumur empat tahun adalah RM112 tetapi malangnya, nak guna *facilities train* dan juga beberapa alatan yang ditawarkan tidak berfungsi kerana kemudahan tersebut sedang dibaikpulih, kadang-kadang rosak. Kita bayar RM112 itu kadang-kadang tidak dapat kita hendak gunakan permainan-permainan yang anak-anak kita nak main, cucu kita hendak main, tidak boleh. Jadi, rugi kadang-kadang.

Jadi adalah tidak berbaloi dengan bayaran bagi budak 4 tahun ini kerana tidak banyak kemudahan di taman tema ini dapat digunakan. Jadi ini menimbulkan persepsi negatif di kalangan pengunjung terutama semasa cuti sekolah ini. Justeru, saya menggesa agar pengurusan tertinggi Khazanah melihat perkara ini dengan lebih serius dan pastikan aset serta kemudahan yang ditawarkan sentiasa beroperasi agar tidak timbul *complaint* daripada pengunjung.

Tuan Yang di-Pertua, penjualan plat kenderaan istimewa menjadi rebutan dan menarik minat ramai pengguna kenderaan. Justeru, pada tahun 2018, kutipan bagi pendaftaran kenderaan dianggarkan sekitar RM156 dan bayaran plat kenderaan mencecah kepada RM19 juta. Soalan saya kepada Kementerian Pengangkutan, apakah kerajaan tidak berhasrat untuk mengenakan cukai atau levi kepada hasil keuntungan penjualan plat istimewa di pasaran sekunder? Ini kerana saya dapat selepas nombor plat istimewa ini berjaya di tender dengan JPJ, ia ditawarkan semula di pasaran sekunder yang dengan kenaikan berganda-ganda harganya. Ini juga dapat dilihat trend pemasaran plat istimewa ini diiklankan di dalam media sosial dan majalah automatif.

Kemalangan yang melibatkan kenderaan komersial dan kenderaan berat amat serius. Jumlah kematian dan kecederaan amat tinggi. Dalam Bajet 2018, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM45 juta bagi sistem kawalan biometrik bagi memantau pemandu bas ekspres. Soalan saya, mengapakah sistem kawalan ini hanya dilaksanakan kepada pemandu bas ekspres sahaja dan apakah kawalan biometrik ini tidak dipanjangkan kepada pemandu lori? Pemandu yang banyak masalah sekarang pemandu lori, selalu kita tengok lori terbalik di mana-mana *highway* dan kenderaan berat lain, agar kes-kes kemalangan lain dapat dikawal dengan sepenuhnya.

Saya ingin mendapatkan maklumat daripada Kementerian Pengangkutan tentang beberapa buah institusi pengajian maritim yang diiktiraf oleh kerajaan di seluruh negara. Melihatkan kepada pertumbuhan sektor pengangkutan dan logistik dalam Bajet 2018, kita perlu memanfaatkan pertumbuhan sektor maritim ini agar lebih banyak peluang pekerjaan dapat dibuka kepada rakyat atau belia setempat. Jadi saya mohon Kementerian Pengangkutan untuk memperincikan bilangan personel yang didaftarkan di bawah pensijilan kompetensi Jabatan Laut sehingga November 2018. Berapakah unjuran keperluan bilangan pelaut dan personel kompeten yang diperlukan menjelang 2050?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengemukakan isu taman tema ini kerana Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan atau mana-mana agensi- apakah ada suatu siri perundangan yang dikuatkuasakan kepada kemas kini agar operasi, caj dan kualiti dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengendali taman tema dapat dikawal selia dengan baik. Kita juga perlukan satu perundangan komprehensif agar permit dan lesen operasi serta caj-caj perkhidmatan ini dikuatkuasakan segera.

Bagi memakmurkan pembangunan kerja raya dan bakat TN50, kerajaan telah mewajibkan agar syarikat yang mempunyai kontrak kerajaan menyediakan satu peratus dari kontrak-kontrak untuk latihan SL1M. Soalan saya, apakah nilai siling kontrak dan bagaimana pengagihan serta SL1M ini kepada syarikat-syarikat yang terlibat dapat dilaksanakan?

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana menubuhan CENDANA iaitu *Cultural Economy Development Agency* bagi memastikan warisan budaya dan ekonomi yang menjadikan kraf, budaya, seni persembahan, tarian dan muzik, teater dan seni visual perlu ditekankan agar sumbangan sektor ini dapat membuatkan pertumbuhan ekonomi negara lebih signifikan. Soalan saya, bagaimanakah hala tuju panel penasihat di peringkat eksekutif, industri dan antarabangsa dapat memanfaatkan penubuhan CENDANA akan merealitikan penekanan lebih cekap di sekolah-sekolah rendah dan menengah, institusi TVET ataupun IPT. Apakah pula sasaran kerajaan dalam bidang ekonomi agar ia menyumbang secara signifikan dalam ekonomi sektor pelancongan negara?

Pada masa kini, banyak kemunculan NGO dan persatuan yang mendaftar dengan ROS terpesong dari matlamat awal penubuhannya. Seperti yang terkandung dalam perlembagaan NGO, didapati ramai pemimpin NGO ini menjadikan platform NGO sebagai pembiayaan aktiviti yang menggugat keharmonian dan ketenteraman awam. Soalan saya, apakah tindakan ROS dan KDN bagi mengawal NGO ini? Apakah kita perlu memperincikan langkah pencegahan agar tidak ada anasir negatif luar negara masuk campur dalam urusan pentadbiran kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, komitmen kerajaan dalam memastikan peningkatan harga stok makanan melalui FAMA dan LKIM amat saya hargai. Dengan bajet RM50 juta bagi menstabilkan stok makanan dijual dengan harga patut amat membantu rakyat. Soalan saya, bagaimanakah agihan bajet ini dilakukan? Apakah dapat bajet ini diagihkan secara cekap dan terarah mengikut lokasi di seluruh bahagian di Malaysia agar sasaran kerajaan menstabilkan harga patut makanan ini mencapai matlamat?

Akhir kata, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2018, dan Bajet 2018 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Rabiyah binti Ali, terima kasih banyak. Saya pergi kepada giliran Yang Berhormat Datuk Paul Igai, silakan.

4.17 ptg.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk mengikut atau turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2018. Salam sejahtera, salam ibu pertiwi dan salam negara-ku.

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan presiden saya, Parti Demokratik Progresif kerana memberi peluang kepada saya memikul jawatan sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sesungguhnya akan menunaikan khidmat saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini demi untuk membela rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang telah mengemukakan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 yang lalu. Bajet ini kita semua dah tahu, yang kesembilan bajet Yang Amat Berhormat selepas Yang Amat Berhormat menyandang jawatan Perdana Menteri Malaysia.

Bajet itu juga yang memang inklusif, bajet yang meliputi semua lapisan rakyat, baik sektor awam, swasta, warga emas, belia, peneroka, tentera, polis, kaum wanita yang mengandung atau sudah dan semua kaum nelayan, peladang dan sebagainya. Bajet yang tertinggi sekali dalam peruntukan sebanyak RM280.25 bilion dan peruntukan RM234.25 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM46 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah dimaklumkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau MITI iaitu eksport negara pada Oktober 2017 berkembang kepada 18.9 peratus kepada RM82.41 bilion iaitu melebihi angka jangkaan kita RM80 bilion buat kali ketiga pada tahun ini. Jumlah perdagangan Malaysia pada bulan yang sama turut melonjak 19.8 peratus kepada RM154.26 bilion, berbanding daripada Oktober 2016 yang lalu. Eksport berjumlah RM772.66 bilion naik 21.1 peratus, manakala import melonjak kepada RM692.51 bilion, meningkat 21.9 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan kelebihan dagangan bernilai RM80.5 bilion direkodkan, ini naik 14.4 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan berkesannya pelaksanaan bajet dalam segi *political stability* negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit hal bajet ini yang saya kaitkan dengan Bumi Kenyalang, Sarawak. Sekali lagi saya menyuarakan ucapan besar-besar terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sangat prihatin kepada penduduk-penduduk kami di Bumi Kenyalang, Sarawak, khasnya dalam projek-projek berikut. Kita sudah tahulah perbelanjaan kepada Pan Borneo yang kita lama-lama sudah ada di dalam impian kita iaitu RM2 bilion dan juga RM1 bilion untuk baik pulih sekolah yang usang di Sarawak lebih-lebih lagi di pedalaman- RM30 *million survey* untuk Tanah Adat Orang Asal Sarawak ataupun izinkan saya cakap, *Natives Customary Land* dan juga RM500 *million* untuk jalan pedalaman ataupun *rural roads*, dengan izin, dan juga perbekalan air di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, diberikan kita ialah RM300 *million* dan juga *Telekom tower* yang kita inginkan dimajukan ialah RM500 *million*.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita beri ribuan terima kasih kepada kerajaan dipimpin oleh Yang Amat Berhormat. Akan tetapi saya ada perkara lagi yang saya akan minta kementerian-

kementerian yang tertentu untuk beri perhatian. Dalam segi agrikultur atau pertanian. Kadang-kadang kita mendengar petani-petani yang baru menceburi dalam usaha menanam buah-buahan seperti nanas, labu, lada ataupun tanaman yang lain-lain. Ada seketikanya kita mendengar pemimpin tempatan menggalakkan penduduk kampung menanam sesuatu tanaman, umpamanya *Jatropha* ataupun nama saintifiknya *jatropha curcas* yang asalnya dari Mexico, Amerika yang dapat juga menghasilkan biodiesel tetapi ada petani sehampir muflis sudah menanam *Jatropha* ini. Kenapa?

Tuan Yang di-Pertua, faktor menjurusnya kepada kegagalan ialah tanaman *Jatropha* itu tak sesuai dengan tanah kita dan tak dapat memberi hasil yang lumayan. Kita juga ada kes peneroka sudah menanam koko dahulu dan juga tidak memuaskan. Koko ditebang, dipotong dan tukar dengan getah dan lagi tukar dengan lada, juga nanas juga ditanam di setempat. Umpamanya di Sarikei, memang manis tetapi sama jenis ditanam tempat lain, ia masam.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada Kementerian Pertanian ataupun kementerian yang tertentu untuk berusaha mengkaji kesesuaian tanaman dengan tanah setempat. Jika usaha ini belum diusahakan dan jika sudah ada dijalankan oleh kementerian, saya minta agensi-agensi itu mengumumkan kepada jabatan pertanian tempatan atau daerah untuk ketahui pertanian. Kita takut dan bimbang petani-petani kita menceburi menanam tanaman yang baru tetapi tidak sesuai dengan tanah setempat.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun ada bimbang sikit mengenai menanam Musang King. Kami diberitahu di Sarawak, kita tak dapat mengimport Musang King, *seedling*nya atau benih kepada Sarawak kerana ia ada peraturan dengan Kementerian Pertanian. Kita dapat mengimport benih yang *grafting*, bukan benih yang ada tanah. Kita bimbang juga kerana kita sudah mendengar negara asing dapat menyewa tanah kita lalu mereka menanam buah-buahan ini, dijual kepada negaranya di seberang. Saya memohon kepada kementerian yang berkenaan, jika dapat tapi mungkin dapat, janganlah sewa tanah itu terus kepada *foreigner* atau orang asing tetapi mahu untuk kita orang tempatan berkongsi dengan peniaga asing itu.

Tuan Yang di-Pertua, itu bukan isu yang sensitif tetapi izinkan saya menyentuh sikit sahaja dalam perkara MA63. Akan tetapi saya tidak akan berdebat dalam perkara hal ini, cuma Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyatakan seperti berikut. Dengar betul-betul ya. Sarawak sudah dalam Malaysia 54 tahun sekian dan Sarawak sedang dalam Malaysia sekarang. Seterusnya Sarawak akan kekal dalam Malaysia selamanya.

■1630

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2018. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai memberi pandangan dan jawapan yang baik. Itu menyokong kuat dalam negara Malaysia.

Dan saya minta pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias. Sila, cakaplah ya. Ini saya bagi lama sedikit.

4.31 ptg.

Datuk Haji Bashir bin Haji Alias: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang dan ruang yang diberikan untuk saya turut sama bangun dan mengambil bahagian berbahas serta berkongsi pandangan berhubung inti pati Bajet 2018.

Tuan Yang di-Pertua, mengulas mukadimahnya Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia bertemakan, "Memakmur Ekonomi yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat Menuju Aspirasi TN50". Bajet yang berpaksikan lapan teras utama yang memperuntukkan sejumlah wang RM280.25 bilion menyaksikan pertambahan peruntukan berbanding RM260.8 bilion peruntukan Bajet 2017. Jika mengikut pecahan pula RM234.25 bilion peruntukan bagi perbelanjaan mengurus dan RM46 bilion untuk perbelanjaan pembangunan dan ini tidak termasuk simpanan luar jangka sebanyak RM2 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyentuh beberapa perkara dan isu agar mendapat perhatian dari pihak kementerian berkaitan. Topik yang pertama ialah Jambatan Labuan yang menghubung tanah besar Sabah dengan Labuan ataupun dengan Menumbok. Labuan berdiri megah sebagai pusat perbankan pesisir pantai, pusat tumpuan minyak dan gas dan beberapa tarikan sektor pelancongan yang meningkatkan tahap ekonomi Labuan termasuk pencapaian ekonomi penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memacu ekonomi Labuan, wujudnya beberapa pelan cadangan pembangunan yang mempercepatkan lagi pertumbuhan kepesatan Labuan. Antaranya pembinaan jambatan yang menghubungkan Labuan dengan tanah besar Sabah ataupun Menumbok sebagai pemacu perubahan utama ekonomi Labuan. Idea ini sebenarnya sudah wujud sekian lama sekitar awal 90-an lagi. *Alhamdulillah* di era kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini, jelas beliau prihatin dengan cadangan ini acap kali melawat Labuan serta Sabah dan Sarawak, malah peruntukan yang begitu besar diluluskan di negeri-negeri sebelah timur ini.

Antara yang bakal memberi impak besar ialah pembinaan lebuh raya bebas tol Pan-Borneo antara Sarawak hingga ke Sabah. Akan tetapi malangnya projek tersebut tidak meliputi jalan Kuala Penyu dan Menumbok. Oleh itu besarlah harapan saya agar jajaran Pan-Borneo ini juga akan memasukkan sama jalan Kuala Penyu dan Menumbok yang menjadi laluan utama ke Wilayah Persekutuan Labuan. Sudah pastinya turut memberi tempias positif kepada ekonomi dan penduduk Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2018 telah mengumumkan sebanyak RM14.31 juta bagi pelaksanaan kajian pembinaan jambatan Labuan menghubung tanah besar Sabah di bawah kawal selia Kementerian Wilayah Persekutuan. Kajian ini untuk melihat kebolehlaksanaan projek jambatan serta impaknya terhadap sosioekonomi setempat. Ironinya jambatan menghubungkan Labuan dan tanah besar Sabah jika dilaksanakan pembinaannya bukan sahaja memudahkan perhubungan penduduk antara dua wilayah ini, malah menjadi pemacu kepada perubahan bukan sahaja Labuan tetapi juga kawasan berhampiran sekitar

Pulau Labuan seperti Kuala Penyu dan juga Menumbok serta Beaufort. Malahan penemuan ini membuktikan kerajaan mendengar suara rakyat Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, ketika ini penduduk Labuan dan Sabah terpaksa menaiki kenderaan untuk berulang alik pada jarak lebih 10 kilometer yang mengambil masa 90 minit sehala dan menaiki bot laju penumpang yang mengambil masa 20 minit hingga 30 minit. Penumpang bukan sahaja berada dalam keadaan sempit dan tidak selesa tetapi juga berdepan dengan risiko ombak besar dan laut bergelora.

Tuan Yang di-Pertua, ketika sektor minyak dan gas berdepan dengan cabaran yang mengakibatkan ekonomi Labuan dalam keadaan suram dan ketidaktentuan menyebabkan banyak syarikat-syarikat yang menutup dan memperkecilkan operasinya yang telah menyebabkan ramai pekerja diberhentikan kerja. Dengan pengumuman ini bakal membantu merancakkan ekonomi dan industri pelancongan tempatan. Cadangan pembinaan jambatan ini juga dilihat akan menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada pembangunan Pulau Labuan khususnya dalam pertumbuhan ekonomi seiring dengan inisiatif yang telah digariskan oleh *Blueprint Pembangunan Labuan 2030*.

Jambatan Labuan-Menumbok mampu menjadi penggerak utama untuk merancakkan pembangunan ekonomi Labuan dan serantau di masa depan. Dengan lokasi yang strategik, ia boleh memanfaatkan kedudukan semasa Labuan sebagai pusat global dan serantau untuk perniagaan dan syarikat kewangan antarabangsa sejajar dengan hasrat untuk membangun Labuan sebagai sebuah bandar pintar, lestari dan kepelbagaian ekonomi menjelang 2030.

Saya penuh berkeyakinan impian rakyat Labuan selama ini semakin hampir menjadi kenyataan. Jambatan ini bukan sahaja menjadi penghubung kemajuan Labuan dan sekitarnya malah ianya juga bakal menjadi simbol penyatuan persaudaraan yang bakal menyatukan dalam konteks kepelbagaian yang lebih dinamik.

Marilah kita sama-sama meletakkan sepenuh kepercayaan dan memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi dan saya penuh yakin kajian yang bakal dijalankan ini membawa hasil yang positif *insya-Allah*. Dengan ini saya memohon kepada kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan agar menyegerakan pelantikan syarikat ataupun konsultan bagi melaksanakan kajian kebolehlaksanaan projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, topik yang kedua, saya terpanggil untuk menyentuh perkembangan dan pengukuhan agenda ekonomi bumiputera. Saya melihat Bajet 2018 diyakini bakal mengukuhkan lagi agenda bumiputera di bawah Transformasi Kesejahteraan Bumiputera ataupun TKB seterusnya meningkatkan pembangunan sosial ekonomi negara. Pelbagai inisiatif yang terkandung dalam Bajet 2018 akan menyediakan kaedah lebih holistik, inklusif, berfokus dan berdaya maju ke arah meningkatkan pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan negara.

Inisiatif berkenaan juga sejajar dengan usaha Transformasi Kesejahteraan Bumiputera ataupun TKB yang telah dilancarkan awal tahun ini yang memberi amanah kepada TERAJU sebagai peranan lebih meluas dalam memastikan pendidikan, kesihatan, sosial dan budaya serta persekitaran hidup bumiputera ke tahap lebih tinggi sekali gus terjalin dalam fabrik sosial masyarakat majmuk Malaysia.

Dalam konteks landskap sosial yang pantas dan ekonomi global yang semakin kompetitif ketika ini, Bajet 2018 yang menyentuh pelbagai isu kritikal kepada kita sebagai bumiputera untuk berubah dan mengejar kecemerlangan.

■1640

Jelas pendekatan yang diumumkan kebanyakannya dapat dijayakan melalui perubahan minda dalam memastikan bumiputera tidak ketinggalan berbanding masyarakat lain. Melalui Bajet 2018, dasar kerajaan melalui Transformasi Kesejahteraan Bumiputera akan terus diperkasa menjadi agenda nasional dan pelbagai peruntukan khas kepada bumiputera seperti lebih RM3.5 bilion untuk inisiatif meliputi biasiswa dan pembangunan modal insan serta keusahawanan.

Oleh kerana Labuan terletak jauh daripada Kuala Lumpur dan tanah besar Sabah saya memohon dan mencadangkan agar pejabat TERAJU diwujudkan di Wilayah Persekutuan Labuan. Topik ketiga dan terakhir ialah keperluan memastikan tidak berlakunya ketirisan dalam pelaksanaan Bajet 2018. Memandangkan jumlah peruntukan pada bajet kali ini meningkat berbanding Bajet 2017, adalah penting untuk pihak kerajaan memastikan segala peruntukan hendaklah disalurkan sampai kepada golongan sasar.

Bagi memastikan masalah ketirisan adalah penting, pihak kerajaan sentiasa memantau serta menyemak segala proses penyemaian kepada rakyat agar hasrat Bajet 2018 benar-benar dilaksanakan dengan penuh bertanggungjawab. Amat penting juga kerajaan membuat pemantauan rapi terhadap segala proses pelaksanaan infrastruktur yang akan dibina pada tahun depan bagi mengelakkan ketirisan penyalahgunaan kuasa serta rasuah...

Tuan Ramli bin Shariff: Mohon mcelah?

Datuk Haji Bashir bin Haji Alias: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak minta pandangan daripada rakan saya Yang Berhormat Datuk, apakah pandangan Yang Berhormat jika peruntukan juga diizinkan oleh kerajaan kepada Ahli-ahli Dewan Negara kepada kawasan-kawasan Parlimen yang diwakili oleh Ahli-ahli Senator dari Barisan Nasional. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk, terima kasih.

Datuk Haji Bashir bin Haji Alias: Yang Berhormat, boleh minta ulang?

Tuan Ramli bin Shariff: Peruntukan untuk kawasan Ahli Senator.

Datuk Haji Bashir bin Haji Alias: Saya amat bersetujuh dengan pandangan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ramli. Jadi saya teruskan saja saya punya bahas. Amat penting juga kerajaan membuat pemantauan rapi terhadap segala proses pelaksanaan infrastruktur yang akan dibina pada tahun depan bagi melaksanakan ketirisan penyalahgunaan kuasa serta rasuah.

Sesungguhnya sikap sambil lewa serta tidak ambil tahu sewajarnya tidak boleh wujud dalam kalangan pegawai pelaksana yang terdiri dalam kalangan kakitangan dan pegawai kerajaan terutamanya dalam konteks menjalankan setiap amanah yang telah ditetapkan dalam bajet negara. Mahu tidak mahu dalam kita menunaikan tanggungjawab ini setiap penjawat awam bermula daripada kakitangan bawahan hingga peringkat atasan perlu memastikan setiap peruntukan yang telah ditetapkan ini dibelanjakan mengikut peruntukan bajet yang telah diluluskan pada Oktober yang lepas.

Dalam pada ini juga sampai masanya pihak kerajaan mempertimbangkan penubuhan satu unit ataupun agensi khusus yang bersifat berkecuali bagi memastikan segala peruntukan dalam bajet berkenaan dibelanjakan dengan amanah.

Selain itu, setiap kelemahan yang telah dikenal pasti melalui laporan-laporan audit dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara saban tahun perlu diteliti sebaik-baiknya. Jika ada unsur-unsur penyelewengan dan pecah amanah tindakan tegas perlu diambil terhadap mereka yang terlibat. Langkah ini penting dalam usaha kita mengelak berlakunya ketirisan atau pembaziran wang peruntukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kalam saya sekali lagi ucapan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas penyediaan bajet yang begitu komprehensif dan realistik. Mengambil kira kemampuan kewangan hari ini namun tidak langsung mengabaikan rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang kaum, etnik, budaya dan sokongan politik mereka. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias, yang telah antara lainnya mengucap kesyukuran terima kasih kepada pucuk pemimpin yang menyiapkan tadi induk segala bajet katanya ya dan juga Sarawak banyak mendapat kemudahan ya. Terima kasih.

Sekarang saya jemput pula saudara Yang Berhormat Datuk Haji Abidullah bin Salleh. Silakan.

4.45 ptg.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam sehati sejiwa dan salam negaraku Malaysia.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberikan kesempatan dan ruang kepada saya untuk turut sama dalam perbahasan Bajet 2018. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kita sayangi selaku Menteri Kewangan yang telah mengemukakan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 yang lalu.

Sesungguhnya Bajet 2018 yang dibentangkan ini adalah merupakan bajet yang paling inklusif dan konklusif yang pernah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan. Bajet 2018 ini bertemakan, "Memakmurkan Ekonomi Inklusif, Mengimbangi Keunggulan Duniawi dan Ukhraw...i", yang itu lebih penting- dunia dan juga akhirat, "...Demi menyejahterakan kehidupan rakyat menerusi aspirasi TN50."

Tuan Yang di-Pertua, kerana rakan saya hari ini merupakan hari yang terakhir datang daripada Melaka akan perbahasan pada petang ini jadi kita bagi ruang sebanyak mungkin untuk Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin. Jadi hanya tiga perkara yang nak disampaikan dan ada kaitan dengan negeri Melaka kerana yang lain rasa saya ramai yang perasan sudah masuk hari yang keempat ini, terutama tentang penjawat awam dan yang lain-lain lagi.

Pertama, saya nak menyentuh mengenai berhubung dengan merancak pelaburan perdagangan dan industri khususnya mempergiat industri pelancongan. Ini memang negeri Melaka salah satu hasil utamanya ialah tentang pelancongan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada

kerajaan khususnya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang telah menyumbang sebagai antara penjana pendapatan utama ekonomi negara termasuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang ke-12 paling ramai dikunjungi oleh pelancong dari seluruh dunia pada tahun 2016.

Kejayaan sektor pelancongan di Melaka yang berjaya menarik pelancongan domestik, ini saya ceritakan hal negeri Melaka kerana saya datang dari Melaka dan Senator saya pun diangkat daripada Melaka. Pelancong domestik dan antarabangsa amat membanggakan sehingga bulan November ini telah menjangkau 17 juta pengunjung datang negeri Melaka. Namun begitu adalah penting dan wajar bagi kerajaan untuk mengkaji dari dua segi iaitu kemudahan infrastruktur jalan raya, yang ini yang selalu yang diperkatakan oleh pelancong-pelancong yang datang ke Melaka dan pengangkutan awam.

Kebanyakan jalan raya di negeri Melaka ini akan menjadi begitu sesak. Baru-baru ini semasa hujung minggu yang panjang hari Jumaat, Sabtu, Ahad itu Maulidur Rasul. Saya tengok berderet-deret masuk Tol Ayer Keroh hingga sampai Bandar Hilir macam Melaka nak pergi Kuala Lumpur satu jam setengah mengambil masa. Hendak sampai Bandar Hilir satu jam setengah mungkin dalam 13 atau 14 kilometer sahaja. Begitulah sesak apabila cuti panjang di negeri Melaka.

Keadaan ini memburukkan dengan sistem pengangkutan awam yang kurang berkesan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan pun datang dari negeri Melaka. Apakah langkah dan cadangan kerajaan dalam memperbaiki infrastruktur jalan raya yang lebih di negeri Melaka bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas bagi memasuki dan keluar dari negeri Melaka supaya memberikan keselesaan kepada pengguna termasuklah penduduk tempatan.

■1650

Macam saya, kalau hujung minggu hendak pergi Bandar Hilir kena fikir sepuluh kali. Kalau tidak ada hal penting memang tidak hendak masuk di Bandar Hilir itu kawasan tempat bersejarah.

Kedua, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam di negeri Melaka dan ketiga, adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan perkhidmatan seperti Rapid KL bagi memastikan keselesaan dan kesejahteraan rakyat dan menjamin pengangkutan awam yang lebih efisien. Itu mengenai tentang Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan juga Kementerian Pengangkutan. Kedua saya hendak sentuh tentang pendidikan tinggi. Ini memang biasa kita sebut.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mohon penjelasan daripada rakan saya Datuk Haji Abidullah bin Salleh tentang uniknya Melaka mendapat kesesakan apabila hujung minggu yang panjang. Saya juga baru balik dari Melaka apabila menghadiri juga program isteri-isteri wakil rakyat Barisan Nasional di Melaka. Apa yang saya- daripada pemerhatian saya didapati bahawa kesesakan ini unik di Melaka sebab saya boleh bandingkan negeri saya Perlis dengan Melaka saiznya lebih kurang sama. Tetapi di Perlis tidak berlaku kesesakan yang teruk saya katakan di Melaka.

Jadi apa yang saya hendak minta penjelasan rakan saya ini Datuk Haji Abidullah bin Salleh, kenapa peruntukan tidak diminta kepada Kementerian Kerja Raya. Sebab itu adalah suatu

kemudahan infrastruktur. Kutipan saya rasalah, kutipan Kerajaan Negeri Melaka melalui aktiviti pelancongan ini begitu tinggi. Adakah mungkin sumbangan daripada kerajaan Melaka bersama dengan Kementerian Kerja Raya agar masalah infrastruktur jalan raya ini dapat diringankan sedikit di Melaka. Mohon penjelasan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Abidullah bin Salleh.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff yang baru minggu lepas datang ke Melaka kerana ada program sukan isteri-isteri Wakil Rakyat. Mungkin dia duduk dua malam ke tiga malam saya tidak tahu, tetapi tidak jumpa. Entah ke mana dia hilang saya pun tidak tahu. Saya dengan sibuk saya kerana menjaga yang suami-suami, isteri-isteri Wakil Rakyat. Ini kerana di Melaka ini tiap-tiap Wakil Rakyat kena menjaga setiap negeri. Saya pula kena jaga TPM. Lagi masalah. Lagi berat.

Jadi Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff kalau boleh kesibukan di Melaka ini kalau diikutkan dibandingkan tahun 70-an memanglah berkurangan sampai Melaka dipanggil *sleepy hollow*. Orang hendak tidur datang Melaka. Hendak meninggal pun datang Melaka.

Akan tetapi semenjak tahun akhir 90-an sampai tahun 2000 sampai lahir sekarang ini, Melaka begitu- orang ramai datang ke negeri Melaka. Ini kerana di negeri Melaka ini, kalau hendak ikutkan panjang cerita. Semuanya berdekatan. Hendak makan dekat, hendak tengok tempat bersejarah dekat, hendak beriadah dekat, hendak bawa keluarga semua dekat dan fasiliti di Melaka ini memang di hotel-hotel atau tempat penginapan memang ingat-ingat 4 ataupun 5 Bintang lah. Itu sebab ramai yang datang Melaka. Yang ramai tidak datang Perlis kerana kadang-kadang *break* dia terlajak sampai ke Siam. Itu dia mungkin lahir kerana tarikan itu terlebih.

Jadi, tentang peruntukkan daripada Kementerian Kerja Raya memang setiap tahun kerajaan negeri Melaka ada memohon untuk membuat jalan yang baru. Kalau kita lihat banyak-banyak jalan yang baru telah dibina di negeri Melaka. Akan tetapi masih sesak lagi. Mungkin kerana Melaka merupakan satu negeri warisan yang telah di takluk oleh UNESCO. Bangunan-bangunan lama terutama jalan-jalan sempit itu tidak boleh dirobohkan.

Itu sebabnya, terpaksa apabila hendak pergi ke bandar ini terpaksa melalui jalan-jalan sempit. Itu sebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas terutama hendak masuk di bandar iaitu di Bandar Hilir. Ya, Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff ya.

Okey, saya teruskanlah yang kedua iaitu tentang Kementerian Pendidikan. Saya ingin menyentuh berhubung dengan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang biasa kita ini. Bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing yang berada di bawah tujuh kementerian dan kini dijenamakan semula sebagai TVET Malaysia di bawah Kementerian Sumber Manusia. Jadi, sini saya hendak dapatkan penjelasan tentang TVET ini.

Pertama, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kadar dan cas berkaitan memfailkan harta intelek serta insentif yang sesuai bagi menggalakkan lebih banyak inovasi dihasilkan terutamanya melalui institusi TVET.

Kedua, setakat manakah TVET Malaysia mampu melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi khususnya dalam inisiatif kerajaan untuk mentransformasikan ekonomi negara dan berfungsi menutup jurang kemahiran yang dihadapi oleh industri.

Penjelasan ketiga yang didapati itu, apakah lonjakan transformasi TVET Malaysia untuk melatih dan meningkatkan tenaga mahir tempatan secara berterusan bagi menjadikan mereka kompetitif, berpeluang memiliki pekerjaan dan pendapatan yang lumayan serta menikmati taraf hidup yang lebih baik.

Keempat, apakah langkah kerajaan bagi memperkuuh dan memperhebatkan lagi kerjasama strategik *public private partnership* atau antara TVET awam serta pihak industri bagi membentuk sinergi terutamanya dalam membangunkan tenaga kerja berkemahiran.

Akhir sekali, apakah langkah kerajaan bagi membuka peluang lulusan bidang TVET boleh menceburii bidang perniagaan khususnya *technopreneurship* atau menjadi usahawan *techno* dalam bidang teknikal.

Akhir sekali saya hendak masuk tentang Kementerian Kesihatan. Ini pun menjadi masalah di Melaka. Dalam bajet kali ini, kerajaan mengumumkan peruntukan hampir RM27 bilion untuk perkhidmatan kesihatan.

Di kesempatan ini Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin mengalih perhatian kepada keadaan di Hospital Besar Melaka yang semakin hari semakin sesak. Kawasan tempat kereta yang tidak pernah cukup sehingga menyebabkan taman-taman perumahan di sekeliling hospital ini turut dipenuhi kereta pengunjung hospital. Ini memang berlaku kerana hospital Melaka ini memang di tengah-tengah bandar dan apabila dibuat *parking* bertingkat pun tidak cukup. Kalau hendak melawat atau ziarah kawan-kawan kita atau saudara mara kita dan waktu-waktu yang tertentu memang kadang-kadang tidak ada *parking*. Terpaksa *parking* di tempat sebelah itu masjid besar Melaka ataupun di taman-taman.

Ini menjadikan kesukaran. Keadaan ini cukup menggambarkan kesesakan pengunjung hospital yang datang dari seluruh negeri Melaka. Keadaan wad-wad di dalam hospital yang turut dipenuhi pesakit juga memberi gambaran tentang perlunya diwujudkan sebuah lagi hospital kerajaan bagi menampung kesesakan yang berlaku.

Baru-baru ini dalam dua minggu lepas apabila wad kecemasan berlakunya *accident* ataupun sakit. Pesakit itu terpaksa menunggu di wad kecemasan hampir tiga ataupun empat jam kerana katil-katil di wad-wad itu tidak mencukupi di negeri Melaka. Ini kita hendak mohon. Justeru itu, diharapkan agar kerajaan turut mempertimbangkan untuk sama ada membina hospital baru di Bandar Melaka ataupun di pinggir bandar Melaka. Ini perlu kerana di kawasan hospital Melaka ini kawasan ini tidak begitu besar lagi dan tempatnya tidak ada. Diharapkan Kementerian Kesihatan agar dapat mencari tempat yang baru untuk membina hospital yang baru di pinggir Bandar Melaka.

Jadi rasa saya hendak beri lebih kurang ini hendak dekat pukul 5. Hendak beri kepada sahabat saya saudara Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin mungkin dalam masa setengah jam. Akhir kalam, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak selaku Perdana Menteri Malaysia yang telah membentangkan Bajet 2018 dengan begitu jayanya. Sekian. *Wassalamualaikum*. Saya mohon menyokong.

■1700

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Haji Abidullah bin Salleh yang beri penerangan yang baik dan bagusnya.

Tadi saya rasa saya nampak rata-rata Yang Berhormat pandai menilai penghormatan kepada kita punya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya percaya benda ini sudah sampai kepada dia. Mungkin disampaikan oleh kita punya presiden kah atau apa-apa budi baik dia. Bukan dia kata tadi “*Kayuh kemudi di mana haluannya, barat daya timur ku pandang, budi baik apa balasnya?*”

Jadi kita kata doakan umur Yang Amat Berhormat panjang. Itu sahaja ya. Dia buat jasa kepada kita- ramai hari ini bercakap, ada juga teguran yang membina. Kita anggap itu sangat bagus. Jadi kita doa semoga Yang Amat Berhormat kita umurnya panjang ya.

Jadi kita alihkan kepada akhirnya tadi ada seorang tokoh bernama Yang Berhormat Senator Datuk Zali Bin Mat Yasin. Bercakaplah Yang Berhormat, saya bagi peluang bercakap lebih pada 20 minit. Tidak apa, teruskan ya. Beri peluang dan juga presiden pun boleh tegurlah kalau ada apa kah.

5.01 ptg.

Datuk Zali bin Mat Yasin: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya mungkin ucapan membahaskan Bajet 2018 untuk yang terakhir saya di Dewan ‘Rakyat’ ini [Ketawa] Minta maaf Dewan Negara. Saya tidak lupa diri.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan kerana berjaya membentangkan Bajet 2018 yang bertemakan “Memakmurkan Ekonomi yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahterakan Kehidupan Rakyat Menuju Aspirasi TN50” dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM280.25 bilion.

Saya bersyukur dan berbangga kerana Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sangat signifikan serta menepati cita rasa dan kehendak rakyat khususnya golongan muda dan mana tidaknya pelbagai insentif disediakan hanya untuk golongan muda yang bakal mewarisi pemerintahan negara suatu hari nanti. Ia sejajar dengan saranan Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Mohd. Najib ketika merasmikan Perhimpunan Gen Y Green The City Melaka 2017 di Dataran 1Malaysia, Klebang, Melaka baru-baru ini bahawa pemimpin masa kini perlu menyediakan negara yang sempurna dan maju kepada generasi muda yang bakal mewarisi negara suatu hari nanti.

Hal ini kerana generasi muda yang dikenali Gen Y itu adalah penting bagi memastikan kelangsungan pembangunan sebuah negara sebab itulah Transformasi Nasional 2050 (TN50) diwujudkan kerana kerajaan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Mohd. Najib ini mahu menyediakan orang muda yang baik dan berkualiti untuk negara pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, agenda sosial. Malaysia hari ni berhadapan dengan masalah sosial dalam kalangan remaja yang semakin membimbangkan terutama dari sudut perlakuan luar batasan. Jika dilihat masalah sosial dalam kalangan remaja sudah lama berlaku. Namun hanya tertumpu pada kegiatan seperti ponteng sekolah, merokok, vandalisme dan lain-lain. Akan tetapi kini segelintir daripada remaja kini dilihat semakin ekstrem dan tidak hirau untuk menghisap ataupun mengedgar dadah secara terbuka. Malah perbuatan merogol, menyamun dan membunuh itu seolah-olah perkara

biasa bagi mereka yang seakan tidak memikirkan kesan pada masa akan datang. Sesuatu yang di luar jangkaan....

Tuan Ramli bin Shariff: Mohon mencelah, Yang Berhormat.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih, Yang Berhormat. Setuju atau tidak kalau saya lontarkan pandangan saya bahawa golongan muda sekarang gaya hidup ataupun *lifestyle*, dengan izin, telah berubah. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian, sekarang ini naratifnya bukan ‘*what*’, ‘*why*’. Jadi adakah Yang Berhormat setuju bahawa lonjakan kehidupan remaja-golongan muda sekarang telah berubah secara *structure*-nya, bukan secara disiplin lagi? Itu sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Saya amat bersetuju kerana masalah sosial ini dulu dan sekarang adalah mungkin berbeza. Mungkin zaman Yang Berhormat Senator Tuan Ramli dengan zaman saya mungkin berbeza. Jadi saya yakin dan percaya bahawa apa pun perbezaan yang berlaku sama ada dulu, kini dan mungkin akan datang yang penting ialah bagaimana kita, kerajaan pada hari ini termasuk komuniti masyarakat, ibu bapa, guru-guru dan sebagainya perlu mengambil berat perkara ini supaya perkara ini tidak berlanjutan ianya berlaku dan akhirnya merosakkan dan juga menggagalkan agenda negara pada masa akan datang. Terima kasih.

Jadi sesuatu di luar jangkaan apabila rata-rata gejala sosial yang berlaku hari ini dalam kalangan remaja di bawah usia 18 tahun. Peningkatan ini pastinya menimbulkan permasalahan...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya pula hendak mohon mencelah.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Sila, Yang Berhormat.

Dato' Sri Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya pun asalnya daripada pimpinan Pemuda pada zaman saya dululah. Berlainan dengan zaman sekarang. Semenjak menjadi Ketua Pergerakan Pemuda selama lebih daripada 10 tahun, saya melihat pada ketika itu kita *engaged*, dengan izin, kita *engaged* dengan remaja-remaja ini.

Bermakna kita kalau ada penagih dadah pada ketika itu, walaupun dadahnya tidak seberat sekarang lah- sekarang ini segala macam punya dadah. Sampai kita pun tak tahu hendak kira macam mana. Ubat yang digunakan untuk mengubati pesakit dijadikan ubat untuk dia khayal. Sehingga ketum digunakan dengan memasukkan ubat nyamuk untuk dia khayal. Siapa pernah terfikir? Dia lebih pada saintis. Masukkan ubat nyamuk lah, masukkan *Panadol* lah ke dalam ketum dan sehingga kita pula mengharamkan ketum. Amerika pula ambil ketum buat R&D hari ini jadi ketum Malaysia menjadikan ubat. Ganja dijadikan ubat. Remaja kita ini dia pun pandai cipta, dia cipta untuk lebih khayal. Akan tetapi saya rasa yang menjadi masalah sekarang ialah kita kurang *engagement* dengan mereka ini. Bermakna kalau kita lihat penagih dadah, kita sisih. Kita biar AADK atau PEMADAM kah yang mengendalikan.

Di kalangan kita, kita tak mahu hendak bercampur. Apa yang kita buat pada zaman saya menjadi Ketua Pemuda kita panggil dia, kita bagi jersi bola dan kita bagi kelengkapan bola sepak kita suruh dia main. Ataupun kita bagi kelengkapan takraw kita bagi dia main dan akhirnya dia balik dia bawa hadiah, bawa piala. Ini bererti anak-anak remaja ini dia boleh bersukan dan boleh buat benda-

benda lain tetapi entah di mana yang kita tidak cari punca apa dia sebenarnya anak-anak ini mahu dan kita biar mereka jadi kita sisisikan.

Tambah lagi kalau kita tahu dia ini sudah berlaku satu perkara yang buruk kita lagi hendak sisisikan. Bila *you* sudah *distant*-kan diri dengan izin, Tuan Yang di-Pertua *you distant*-kan diri dengan mereka maka mereka- ada yang cuba untuk mula bermiaga tetapi tidak ada sokongan dan dokongan daripada kita maka mereka ini gagal dalam perniagaan mereka juga kecewa. Bila kecewa dia ikut golongan-golongan yang banyak menyeleweng ini. So, saya berpendapat kalau boleh pimpinan Pemuda yang ada sekarang cuba untuk *engage*. Setuju atau tidak Yang Berhormat Senator Datuk Zali? Terima kasih.

■1710

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri. Saya amat menghormati Yang Berhormat Senator Dato' Sri kerana pengalamannya luas terutama sekali dalam Pemuda UMNO sehingga hari ini Timbalan Ketua UMNO Bahagian Putrajaya. Tahniah [Ketawa]

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju kerana sedikit sebanyak apabila kita bercakap mengenai soal gejala sosial dan juga permasalahan remaja ini, ianya akan dilihat pada keseluruhan orang muda lebih-lebih lagi kepimpinan negara, orang akan melihat bahawa menjurus kepada pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Jadi kita bersyukur kerana kita mempunyai seorang Menteri, orang muda, Yang Berhormat Khairy Jamaluddin yang semalam saya ingat waktu perhimpunan Pemuda UMNO, beliau telah pun memberikan keyakinan bahawa tidak mahu melihat permasalahan gejala sosial khususnya orang muda ini yang terlibat dengan dadah dan sebagainya yang ianya berlaku berterusan dan akhirnya merugikan negara.

Jadi, kerana itulah saya menekankan juga aspek ini ketika saya membahaskan bajet pada kali ini. Saya yakin dan percaya bahawa tidak ada orang muda dan juga kita ibu bapa yang ingin melihat anak-anak kita terlibat dengan masalah gejala sosial. Sekiranya perkara ini kita sama-sama kementerian-kementerian yang ada di pihak kerajaan negeri, PBT, majlis daerah sehingga ke peringkat penghulu dan juga di pihak JKK dan di peringkat masjid sekalipun, saya yakin dan percaya kalau kita menggembung semula tenaga ini, kita gunakan segala jentera yang ada, saya yakin dan percaya maka anak muda yang ada hari ini yang terlibat dengan masalah gejala sosial, kita boleh selamatkan mereka, *insya-Allah*.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sekejap?

Datuk Zali bin Mat Yasin: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Datuk Zali, saya hanya ingin bertanya sebab baru-baru ini saya melihat satu klip video bagaimana Iceland menyelesaikan masalah sosial remaja. Dulu Iceland masalah remaja ini 80 peratus remajanya mabuk, keluar malam balik pagi, gejala-gejala dadah tinggi.

Akan tetapi apabila dia mengadakan satu program yang *engage* ibu bapa, persatuan-persatuan NGO, lalu mereka mendesak kerajaan untuk mengadakan *curfew* bagi remaja. Mereka hanya boleh keluar sehingga pukul 11 malam ataupun 10 malam. Selepas daripada itu mereka membuat rondaan. Ibu bapa dan persatuan NGO buat rondaan dan mereka berjumpa dengan

kumpulan-kumpulan yang balik lewat, dia hambat balik ke rumah. Itu salah satu kaedah yang dibuat di Iceland.

Kedua, saya juga ingin memaklumkan, saya terbaca satu artikel daripada satu *employer* yang menyentuh Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) yang melibatkan remaja kita. Dia kata begini, “*Saya mengambil budak ini dan hari pertama dan hari kedua cukup baik. Tingkah lakunya baik dan bersemangat. Tetapi masuk hari ketiga, tidak datang kerja. Kita menelefonnya, tidak angkat.*” Akhirnya petang dia menjawab dengan minta maaf, dia kata dalam bahasa Inggeris, “*I'm not a morning person.*” “*Saya ini tidak boleh bangun pagi.*” Jadi gejala ini rupa-rupanya terjadi kepada sebilangan besar remaja kita- payah atau lambat bangun pagi. Ini juga berkait dengan kebebasan mereka keluar malam.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Senator Datuk Zali, adakah ini akan menjelaskan masa depan remaja kita? Jikalau Yang Berhormat Senator Datuk Zali merasakan ini akan menjelaskan masa depan anak-anak kita, bagaimanakah caranya Yang Berhormat Senator Datuk Zali fikir yang terbaik untuk menyelesaikan masalah ini? Terima kasih.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sebelum mendengar respons daripada Yang Berhormat Senator Datuk Zali lagi, boleh izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung balik apa yang disebutkan oleh Presiden Majlis Senator ini. Dia sebut soal *engagement*, dengan izin. Boleh saya hendak tanyakan pandangan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Zali, saya hendak tambah satu lagi ialah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *engagement and connect*. Ini kerana pada zaman kepimpinan Pemuda UMNO dahulu seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin- dan saya juga berasal daripada Pergerakan Pemuda. Kalau dulu, kita rasa kita *connect* dengan rakyat ataupun *masses*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu ketika dulu kita boleh unkit bahawa apa program kerajaan yang dibuat untuk kepentingan rakyat. Misalnya, kita boleh ambil rancangan FELDA dan FELCRA, segala-galanya. Maksudnya, kita rasa rakyat terhutang dengan program-program kerajaan.

Akan tetapi, di manakah *engagement* ataupun *connections* sekarang ini untuk kita buat bersama dengan- ataupun apakah program yang dirancang oleh Yang Berhormat Khairy Jamaluddin untuk *connect-kan* antara golongan muda dengan kerajaan hari ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Tuan Yang di-Pertua, rupanya isu yang saya bawa ini amat popular dan saya ucapkan terima kasih kerana- maknanya Yang Berhormat Senator dalam Dewan ini amat berminat dengan *engagement* kita dengan orang muda, remaja dan kita juga tidak mahu melihat masalah ini berterusan berlaku. Ataupun kita hendak genapkan sampai 5.30 petang ini? *[Ketawa]* Cukupkan masa. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebab kita harap tadi pemuda harapan bangsa.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Oh? Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jalan penyelesaian tadi, Yang Berhormat Senator Datuk Hanafi Mamad tadi, jadi saya- jalan penyelesaian kepada orang muda. Jadi saya ini sudah macam- saya ingat jawapan ini lebih baik Menteri yang jawab, saya ingat. Akan tetapi walau macam mana pun, saya lihat bahawa jalan penyelesaian khususnya kepada orang muda yang susah hendak bangun pagi ini, kita boleh selesaikan mungkin dengan kaedah kalau kita orang Islam, kita minta anak kita ini bangun subuh, sembahyang subuh. Jadi secara tidak langsung ianya akan bangun waktu pagi.

Jadi pendekatan yang terbaik khususnya kepada Orang Melayu beragama Islam ialah kita balik kepada agama. Saya yakin dan percaya itulah dia. Apa pun jalan penyelesaian pada permasalahan sosial yang ada di negara kita khususnya ialah kepada Orang Melayu- Islam, kita balik kepada agama. *Insya-Allah, done*, selesai saya ingat.

Jadi saya sambung. Jadi, sesuatu yang di luar jangkaan apabila rata-rata gejala sosial yang berlaku hari ini ialah dalam kalangan remaja di bawah usia 18 tahun. Peningkatan ini pastinya menimbulkan permasalahan kepada negara apabila kita menuju ke arah TN50. Kita ingin lebih ramai generasi muda yang intelektual dan juga mempunyai sahsiah diri yang baik bagi bangunkan Malaysia secara holistik. Pastinya penekanan dan peruntukan yang signifikan daripada kerajaan kepada sektor berkaitan sosial amat kita perlukan. Agenda sosial ini tentu akan mendukung secara padu dan beriringan dengan agenda ekonomi dan juga politik negara.

Memang benar antara aspirasi dan juga kebimbangan utama belia Malaysia ialah penekanan kepada agenda sosial dan pembangunan modal insan yang menyeluruh. TN50 sememangnya berhasrat untuk membentuk watak dan akhlak bangsa Malaysia yang hebat pada masa hadapan. Kita tentu sahaja tidak mahu Malaysia menjadi negara maju tetapi masih mempunyai rakyat dan juga belia yang mempunyai penyakit sosial yang parah. Suatu intervensi harus dilakukan segera dari sekarang agar 30 tahun akan datang membolehkan kita sebagai rakyat Malaysia mendapat hasil yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya potensi dan bakat mereka sangat tinggi. Namun, kalau destinasi hidupnya menjadi penagih dadah dan banduan tanpa sokongan pihak lain, kita sebenarnya sudah gagal untuk membela kelompok ini. Namun, melalui agenda sosial, kita perlu berani memberi peluang kedua, ketiga dan seterusnya kepada belia-belia yang bermasalah.

Jadi, saya yakin dan percaya bahawa agenda nasional TN50 yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini, ianya adalah satu yang amat baik kerana ianya datang untuk mengumpul idea, pandangan orang muda daripada *bottom to up* yakni daripada bawah ke atas.

■1720

Saya yakin dan percaya idea dan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang TN50 ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memberi peluang kepada generasi muda untuk mereka sendiri melihat pada masa akan datang, apakah rupa bentuk negara dan juga bagaimana mereka hendak bangunkan negara ini. Bagaimana keadaan pada masa itu yang mungkin kita ketika itu sudah berusia 60, 70, 80 tahun dan ketika itu pemikiran dan idea serta kehendak dan jiwa kita adalah tidak sama dengan generasi pada masa itu.

Jadi kita yakin dan percaya TN50 ini lebih hebat daripada agenda 2020 yang tidak lama lagi akan muncul. Oleh kerana itu adanya TN50 dan saya yakin dan percaya bahawa kita, Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini akan bersetuju bahawa TN50 ini adalah agenda besar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi peluang dan ruang kepada orang muda.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah berkaitan dengan persoalan pembinaan Gelanggang Futsal 1Malaysia. Saya di Melaka terus terang saya mengatakan bahawa kita bersyukur kerana KBS baru-baru ini telah pun meluluskan peruntukan berjumlah hampir RM1 juta kepada warga belia di Melaka bagi membina dan membangunkan sebanyak hampir 48 Gelanggang Futsal 1Malaysia,

renovate, membaiki. *Alhamdulillah*, kita bersyukur dan kita meminta kepada yang ada, berkasih pada yang sudi.

Jadi adalah lebih sempurna jika peruntukan itu dapat ditambah lagi pada masa akan datang dan diharapkan juga peruntukan membaiki gelanggang ini bukan hanya di Melaka, tetapi juga di seluruh negara. Ini kerana kita yakin dan percaya dengan adanya Gelanggang Futsal 1Malaysia ini, ia secara tidak langsung dapat membantu khususnya orang-orang muda dan juga remaja yang mana mereka boleh gunakan gelanggang tersebut untuk aktiviti mereka sehari-hari ataupun pada waktu ruang-ruang yang ada. Ini juga adalah satu yang...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat. Yang Berhormat, hendak mencelah lagi.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Silakan Yang Berhormat

Dato' Sri Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, bila cerita fasal gelanggang-gelanggang ini, saya begitu minat sekali bercakap fasal gelanggang sukan ini. Kalau setakat futsal, saya rasa anak-anak muda kita rugilah sikit sebab futsal ini dia main 10 minit sahaja. Itu yang main 90 minit, habis kecundang semua, habis tak ada tenaga sebab kita terlalu menggalakkan sangat futsal. Saya lebih suka kalau boleh kita tumpukan juga kepada padang bola sepak. Bukan sahaja futsal, padang bola sepak juga supaya kita dapat kegemilangan bola sepak seperti dulu. Ini bola sepak sudah hancur sebab banyak sangat tumpu kepada futsal yang main tak begitu lama.

Untuk itu, kita minta supaya kalau bolehlah kalau Yang Berhormat bersetuju, masukkan dalam teks Yang Berhormat ini, kita minta supaya padang bola juga diperbetulkan. Ini kerana padang bola yang kita ada sekarang ini termasuklah di Bukit Jalil ini, hujan sahaja sudah jadi sawah. Bila hujan, jadi sawah. Mana ada padang bola sepak yang boleh – bila musim kemarau sudah jadi kering, rumput pun tak ada, jatuh pun luka dan sebagainya.

Jadi kalau boleh kita minta supaya ini semua diberi perhatian agar anak-anak muda kita dapat kita letak di situ, mengelakkan daripada gejala-gejala sosial yang lain. Kalau kita boleh tumpukan kepada perkara-perkara ini, kita main golf, hujan turun lebat, bunyi siren kita berhenti sekejap sahaja, bila sudah hujan berhenti kita boleh main, padang golf jadi kering. Ini sebab apa, sebab pembinaannya dengan *drainage system* yang begitu baik. Akan tetapi kalau padang bola tak ada sistem yang macam itu, kenapa kita tak bangunkan padang bola sepak yang seperti itu? Itu satu.

Keduanya, dewan-dewan orang ramai ini. Dewan orang ramai ini, di dalam dewan orang ramai ini ada gelanggang. Kadang-kadang dewan ini ialah dewan sukan tetapi ada disiapkan parkir yang cantik untuk kegunaan budak-budak kita main badminton, main takraw. Akan tetapi mereka hendak gunakan dewan ini pada hujung minggu, minta maaf sebab habis disewakan kepada majlis perkahwinan. Bila buat majlis perkahwinan dalam dewan-dewan ini, dalca tumpah, sirap tumpah, sirap bandung tumpah. Bila tumpah, parkir-parkir ini tercabut. Budak-budak kalau bermain sukan di situ jatuh rebah, luka, ada yang cedera parah.

Jadi, yang ini juga menjauhkan anak-anak muda daripada menggunakan tempat-tempat ini. Jadi, tempat untuk sukan biarlah digunakan untuk sukan. Kalau orang hendak buat majlis perkahwinan, buatlah tenda-tenda di luar. Bagilah orang makan, pengantin boleh bersanding dalam dewan tanpa tumpah dalca, kari, kurma, sirap dan sirap bandung ini semua. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Zali...

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Datuk Zali respons, minta mohon izin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sambut kepada Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin ini tentang padang bola. Saya hendak cadangkan ataupun persetujuan daripada Yang Berhormat Datuk Zali, bolehkah diletakkan suatu syarat tambahan oleh KPPT bahawa melalui skim perumahan yang berskala besar diperuntukkan satu padang bola selain daripada taman permainan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ramai peminat topik ini dan saya bagi 5 minit ini untuk ditangguhkan. Ya, saya bagi peluang ya. Silakan.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan pandangan kedua-dua abang saya ini kerana pertama tadi, fasal padang bola. Kemudian saya juga bersetuju supaya pembangunan akan datang di kawasan-kawasan perumahan- alamak, kakak Halimah ada di belakang [Ketawa] Jadi, sudah pasti saya yakin percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri akan ambil perhatian betapa berminatnya Yang Berhormat Senator Tuan Ramli untuk supaya pembangunan akan datang adanya padang bola di mana-mana kawasan perumahan. Saya sangat setuju kerana secara tak langsung ia menambah lagi *added value* kepada pelbagai jenis sukan yang boleh digunakan oleh anak-anak muda.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan *MyBrain*. Saya bagi pihak golongan muda di luar sana menyambut baik pengumuman peruntukan sebanyak hampir RM90 juta dalam Bajet 2018 untuk menjayakan program *MyBrain* yang membabitkan hampir 10,600 orang muda yang boleh melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan kedoktoran. Jadi, sesungguhnya bajet untuk program *MyBrain* ini disifatkan sebagai bajet *soaring upwards* yang ekoran peningkatan sebanyak 13.15 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sekali gus ini membuktikan bahawa kerajaan memberikan komitmen terus dalam memperkasakan bidang pendidikan tinggi negara khususnya kepada orang muda untuk mereka menyambung pendidikan di peringkat yang lebih tinggi lagi.

Jadi, seterusnya berkenaan dengan mesin *incinerator*. Saya masih lagi perjuangkan bagi pihak orang Sungai Udang di Tangga Batu. Timbalan Menteri ada, saya sebenarnya minta maaf, saya sambung sikit sahaja lagi berkenaan dengan mesin *incinerator* yang mana kita tahu baru-baru ini pihak KPPT ada datang ke Sungai Udang dan ada inisiatif untuk menyelesaikan permasalahan ini.

Cuma kita minta supaya kalau boleh, kerajaan boleh memberi perhatian yang lebih supaya dapat membina mesin pembakaran sisa pepejal atau *incinerator* ini yang saya rasa bajetnya mungkin boleh mencecah hampir RM1 bilion yang mana ia kalau dibina di kawasan Sungai Udang ini, secara tak langsung dapat menyelesaikan masalah pencemaran bau dan juga sampah secara total di kawasan Sungai Udang khususnya kawasan Parlimen dalam Tangga Batu. Terima kasih. Nanti saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri akan jawab.

Jadi seterusnya projek jejambat dan lebuh raya pesisir di Melaka. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, kita terima kasih kerana Kementerian Kerja Raya telah pun menyalurkan peruntukan hampir RM300 juta bagi membina dua jejambat. Satu, di persimpangan MITC Melaka, kemudian yang kedua di Peringgit. Kita lihat bahawa jejambat ini secara tak langsung kalau siap nanti bak kata Yang Berhormat Haji Abidullah tadi secara tak langsung dapat menyelesaikan masalah lalu lintas *traffic jammed* yang begitu teruk khususnya di hujung minggu di negeri Melaka. Cuma kita lihat baru-baru ini

projek ini perlahan, tidak seperti peringkat awalnya. Kita pun tak tahu, mungkin pihak JKR boleh menjawab selepas ini kenapa projek itu lambat untuk disiapkan. Lagi lambat bermakna akan lagi teruk masalah kesesakan lalu lintas yang berlaku di Melaka khususnya di hujung minggu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sudah 5.30 petang, saya rasa cukuplah. Untuk mengakhiri ucapan ini, saya berterima kasih sekali lagi kepada Kerajaan Persekutuan yang banyak membantu golongan marhaen di bawah sana menerusi peruntukan bantuan serta perkhidmatan. Sesungguhnya jasa Kerajaan Malaysia akan sentiasa dikenang dan sudah pasti ia akan dibalas dengan kemenangan cemerlang kerajaan pada masa akan datang. Jangan lupa rakyat menyokong dan seterusnya memilih lagi Kerajaan Barisan Nasional sebagai kerajaan pada masa akan datang.

Bagi mengakhiri ucapan ini, firman Allah SWT dalam surah Asy-Syura ayat 20 bermaksud, “*Sesiapa yang mengehendaki yakni dengan amal usahanya, maka akan mendapat faedah di akhirat. Kami akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendakinya dan sesiapa yang mengehendaki yakni dengan amal usahanya kebaikan di dunia semata-mata, kami beri kepadanya dan kebaikan dunia itu sekadar yang kami tentukan dan dia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak*”. Jadi saya doakan persidangan kali ini dirahmati Allah dan perpisahan kita selepas ini dilindungi-Nya dan kita semua tergolong di dalam kalangan mereka orang-orang yang beriman.

*Inderagiri pasirnya lumat,
Kerang bercampur dengan lokan,
Bagaikan Nabi kasihkan umat,
Begitulah saya kasihkan abang-kakak sekalian di dalam Dewan Negara ini.*

Terima kasih... [Dewan tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Itu dia. Itu Yang Berhormat...

Datuk Zali bin Mat Yasin: Jadi saya sudah dengan sekian terima kasih dan saya menyokong Bajet 2018.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih banyak Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin. Itulah contohnya orang beriman dan berbudi bahasa. Itu contoh baik, tahniah ya. Saya hendak bagi tahu, baru-baru ini saya pergi ke luar negara dan jumpa tokoh-tokoh ini baik China, abang Islam di Pakistan, dia kata kenapa dia suka datang ke Malaysia ini. Senang makanan halal dia kata, ada surau, ada masjid dia kata, macam-macam makan. Baru-baru ini dia datang ke tempatlah, dia pergi ladang Musang King, makan Musang King. Dia tengok sopan santun orang itu, dia jaga orang itu, budi bahasa dia tertarik. Macam-macam saya pergi, China ada budi bahasa itu. Jadi macam Dewan ini juga, keluarga saya ini dengan sopan bahasa itu, budi bahasa. Bak kata orang-orang tua, sangat jagalah budi bahasa kita ini. Bak kata orang tua-tua tadi.

*Di tepi sawah ada telaga,
Tempat budak menumpang mandi,
Emas perak ada harga,
Tetapi budi bahasa bernilai abadi... [Dewan tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih. Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 11 Disember 2017. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang]